


Jilid III
Bil. 3



Hari Khamis
9hb Mac, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 437]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 502]

USUL:

Ucapan Terima kasih kepada D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap)
[Ruangan 503]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

„ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIQ BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).

- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasar Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 9hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPROJEK PERUMAHAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat manakah kejayaan yang dicapai oleh Kementerian mengenai projek perumahan mereka di seluruh Malaysia, kerana buat masa ini masih banyak pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan berkeliaran menyewa rumah-rumah di luar dan setengahnya tinggal di kawasan setinggan.

21-3-89

11. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pertahanan menyatakan rancangan Kementerian dari segi menyediakan rumah-rumah kediaman yang sesuai dan selesa bagi Pasukan Angkatan Bersenjata Negara. Adakah Kementerian bekerjasama dengan pihak swasta dengan cara membeli atau menyewa rumah yang tersedia ada kalau ia bila dan di mana rancangan itu akan diadakan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Muar yang dijadualkan pada 21-3-1989 kerana kedua-dua pertanyaan ini mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan rumah kediaman untuk anggota angkatan tentera sememangnya disedari oleh Kementerian Pertahanan. Oleh sebab itulah pada dasarnya rancangan penyediaan rumah-rumah kediaman anggota tentera merupakan rancangan yang diberi keutamaan.

Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Angkatan Tentera Malaysia pada masa kini masih memerlukan sebanyak 27,801 unit rumah kediaman untuk menampung pegawai dan anggotanya. Kekurangan ini meliputi semua kelas rumah iaitu kelas B hingga kelas G.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) Kementerian Pertahanan telah diberi peruntukan sebanyak \$253 juta untuk melaksanakan pembinaan dan pembelian rumah keluarga untuk angkatan tentera. Daripada peruntukan ini, sebanyak 5,066 unit telah dibina dan 1,908 lagi dibeli. Rumah-rumah yang dibeli kebanyakannya daripada Syarikat-syarikat swasta yang akan siap sebelum akhir

tahun 1990. Rumah-rumah yang dibeli ini berada di kawasan Kuala Lumpur, Seremban, Port Dickson, Kluang, Johor Bahru, Kuantan, Pulau Pinang, Kuching dan Labuan.

Bagi menampung kekurangan rumah anggota-anggota tentera ini, Kementerian Pertahanan sedang menyewa sebanyak 2,306 unit rumah di beberapa tempat di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, menyedari masalah pelaksanaan rumah angkatan tentera ini, satu Jawatankuasa Kabinet Khas mengenai perumahan angkatan tentera telah ditubuhkan pada bulan November, tahun 1988. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri dan ahli-ahlinya terdiri dari beberapa menteri-menteri yang berkenaan.

Saya penuh yakin melalui pelaksanaan yang teliti yang dijalankan oleh Kementerian ini dan juga penglibatan Jawatankuasa Kabinet Khas tersebut, masalah kekurangan rumah kediaman anggota tentera akan dapat dikurangkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan Kementerian hanya dapat menampung lebih kurang 9,000 buah rumah, pada hal kita dapati tadi kekurangan sebanyak 21,000. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang untuk menampung kekurangan rumah-rumah ini untuk mengurangkan pembelian senjata dan sepatutnya untuk memberi tumpuan kepada pembelian rumah-rumah yang dituduh oleh Pembangkang sebanyak \$4 billion pembelian itu. Kalau benar ataupun tidak benar, tetapi digunakan untuk memberi perhatian kepada pembinaan rumah-rumah dahulu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan

Yang di-Pertua, seperti saya sebut dalam jawapan saya tadi, perumahan ialah perkara yang diutamakan oleh Kementerian Pertahanan. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Arau, kita sedang melaksanakan baki yang diperlukan mengikut fasa. Dalam tahun ini di Kuala Lumpur sahaja, misalnya di Hawthornden Estate, kita merancang akan membina di tapak tanah kita sendiri lebih daripada 2,000 unit yang akan siap berperingkat-peringkat pada tahun 1980, 1981 dan 1982 dan di merata tempat di negeri-negeri lain kita buat demikian juga. Dan untuk soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Arau berkenaan dengan senjata, misalnya berkenaan dengan MOU pembelian dari British ini kita belum lagi berunding secara detail dengan pihak British berkenaan dengan bahan-bahan yang dikehendaki oleh anggota tentera itu.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tadi ada menyatakan bahawa pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat kepada tentera-tentera kita dalam soal perumahan mereka, tetapi Yang Berhormat kata pada tahun 1988 ditubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji dalam soal ini. Jadi, seolah-olah perkara ini macam baru sedar. Selama ini belum sedar. Kita telah merdeka selama 30 tahun. Saya hendak tanya peruntukan perumahan kepada askar-askar kita ini, adalah peruntukan khas untuk perumahan ataupun termasuk dengan peruntukan-peruntukan perumahan yang ada di luar ini iaitu sebagaimana Kementerian Perumahan. Jadi, peruntukan itulah ataupun khas kepada tentera kita, peruntukan itu khas untuk peruntukan bagi mereka.

Yang kedua, rumah yang akan dibina itu dan akan diberi kepada askar-askar kita untuk mendudukinya sementara dia berjawatankah atau

diberi beli secara berhutang yang ianya boleh memiliki sampai bila-bila untuk kepentingan dia buat selamalamanya atau sementara.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak mengeneppikan keperluan perumahan anggota-anggota Tentera kita dan sejak Rancangan Malaysia Ketiga, Keempat dan Kelima peruntukan memang ada untuk perumahan. Tetapi sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa beberapa tahun kebelakangan ini kita menghadapi kemelesetan ekonomi, maka kita tidak dapat bergerak secara aktif membeli dan juga membina rumah untuk anggota-anggota Tentera. Syukur, Alhamdulillah, mulai akhir tahun 1987 dan pada tahun 1988, kita secara aktif oleh kerana keadaan ekonomi nampaknya pulih dan kita sedang mengambil giat untuk menampung keperluan yang mencukupi untuk anggota Tentera kita.

Sebenarnya peruntukan perumahan ialah peruntukan khas untuk Angkatan Tentera, bukan seperti Kementerian yang lain dan rumah ini ialah untuk dipunyai oleh Kementerian Pertanian dan bukan dipunyai oleh anggota-anggota Tentera. Kalau mereka membeli secara duit mereka sendiri, mereka boleh membeli di kawasan yang lain di mana mereka hendak bersara, bukan di kawasan-kawasan kem-kem Tentera seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pertahanan.

KWSP—KADAR DIVIDEN

2. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa kadar dividen bagi pencarum KWSP akan diturunkan dari 8.5% kepada 8%. Jika benar, apakah puncanya yang sebenar. Sila nyatakan perangkaan keuntungan/kerugian bagi pelaburan KWSP pada

keseluruhannya untuk tahun 1988 berbanding dengan 1987.

10-3-89

13. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah ada cadangan menurunkan faedah simpanan ahli di KWSP. Kalau ada, bilakah akan bermula dan berapakah kadar faedah simpanan yang telah ditetapkan. Bagaimanakah ianya memanfaatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan atau perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Tanah Merah yang dijadual dijawab pada 10hb Mac, 1989, saya memohon menjawab kedua-dua soalan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Loke Yuen Yow: Terima kasih. Jawapan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

(a) adalah benar bahawa pihak Lembaga KWSP mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 8.0% bagi caruman ahli-ahli untuk tahun 1988. Kadar dividen bagi tahun 1988 adalah 0.5% lebih rendah daripada kadar yang dibayar bagi tahun 1987. Mengikut amalan biasa, KWSP mengagihkan sepenuhnya pendapatan bersihnya pada setiap tahun untuk tujuan pembayaran dividen. Kadar dividen yang diisytiharkan oleh KWSP pada tiap-tiap tahun adalah bergantung kepada dua faktor, iaitu jumlah pendapatan bersih dan jumlah caruman pada setiap tahun.

(b) Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1988, pelaburan KWSP

berjumlah \$35.47 ribu juta dan menghasilkan pendapatan sebanyak \$2.64 ribu juta. Bagi tahun 1987, jumlah pelaburan ialah \$31.27 ribu juta yang menghasilkan pendapatan sebanyak \$2.52 ribu juta. Walaupun pendapatan bertambah, jumlah caruman juga bertambah lebih banyak lagi iaitu dari \$31.51 ribu juta pada tahun 1987 kepada \$35.31 ribu juta pada tahun 1988. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kadar dividen sebanyak 8% yang ditetapkan itu adalah didapati munasabah dan berpatutan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa keputusan Lembaga KWSP untuk mengurangkan kadar dividen KWSP dari 8.5% kepada 8% adalah bertentangan dengan dasar KWSP untuk membantu pencaruman menyimpan wang bagi umur tua dan juga menambahkan simpanan mereka. Yang kedua ialah saya kurang puas hati dengan angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya ingin bertanya apakah kriteria sebenarnya yang diambil oleh Lembaga KWSP untuk membuat keputusan itu?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kewangan tidak bersetuju bahawa keputusan yang Lembaga KWSP telah buat ini menjaga kepentingan orang-orang yang mencarum di dalam KWSP. Sebenarnya Lembaga KWSP dan juga Kementerian Kewangan sentiasa membuat pelaburan yang berjaga-jaga supaya wang caruman yang ada dengan KWSP itu akan menghasilkan pendapatan yang banyak supaya dividen yang lebih banyak lagi boleh diberikan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar dividen bagi tahun ini telah turun sebanyak 0.5%, tetapi kalau dibandingkan dengan kadar yang diberikan oleh institusi-institusi kewangan dalam negara kita ini 8% ini adalah tinggi kalau dibandingkan dengan 5% atau 5.5% yang diberi oleh institusi-institusi kewangan. Jadi, Lembaga KWSP telah menjalankan peranan mereka dengan efektif.

Berkenaan dengan kriteria, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga KWSP membuat keputusan dari masa ke semasa bergantung kepada keadaan yang ada pada masa itu. Jadi, di sini saya tidak dapat memberi kriteria yang spesifik. Tetapi kalau ingin Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak tahu dengan terperinci latarbelakang keputusan ini, Lembaga KWSP boleh memberikan maklumat yang lebih terperinci lagi.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini saya difahamkan lebih kurang 90% pelaburan pihak KWSP itu adalah tertumpu pada Government Securities, dengan izin. Jadi, saya hendak tahu sama ada Lembaga KWSP ingin atau tidak menambahkan pelaburannya di bidang yang bukan Government Securities yang tidak melibatkan risiko tinggi. Jika tidak, apa sebabnya?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa sebahagian besar wang caruman yang ada pada KWSP pada masa ini telah digunakan untuk melaburkan ke dalam ekuiti Kerajaan dengan begitu banyak. Ini adalah satu langkah yang Lembaga KWSP anggap bahawa adalah selamat untuk menjaga wang pencarum-pencarum. Pada masa ini Lembaga KWSP tidak bercadang untuk menambah peratusan pelaburan yang akan ditumpukan ke atas syer-syer yang lain supaya memberi hasil yang lebih tinggi lagi.

PROGRAM BERUNSUR ISLAM— SAMBUTAN

3. Tuan Haji Mohammed Yusof bin Abdul Latif minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) pada masa ini berapa peratuskah program-program berunsur Islam dapat disiarkan dalam seminggu berbanding dengan program-program lain;
- (b) adakah Kementerian bercadang memperbanyakkan lagi program-program berunsur Islam itu atau tidak; dan
- (c) bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap program tersebut di seluruh negara pada masa kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peratusan program-program RTM yang berunsur agama Islam adalah sukar untuk dipastikan kerana banyak program-program yang tidak di bawah tajuk agama tetapi mengandungi banyak unsur agama. Oleh itu sebarang penentuan menetapkan peratusan mungkin disalahfaham. Tambahan pula terdapat banyak program sokongan seperti penyiaran azan, bacaan doa dan liputan mengenai acara-acara yang berunsur agama, tidak dikira sebagai program tertentu. Walaupun begitu, dapatlah dikatakan bahawa kira-kira antara 20% hingga 30% dari siaran TV melalui RTM1 dan RTM2 adalah mengandungi unsur-unsur agama Islam dan begitu jugalah halnya dengan siaran radio.
- (b) Kementerian Penerangan sentiasa mengkaji dan mencari jalan bukan sahaja untuk mem-

perbanyakkan lagi program-program agama, tetapi juga meningkatkan mutu dan keberkesanannya. Sebuah Jawatankuasa di peringkat Kementerian telah pun ditubuhkan bagi tujuan itu. Semua program-program agama yang ada sekarang sedang dikaji semula dan usaha-usaha terus dijalankan untuk memberinya bentuk dan cara penyampaian yang baru serta lebih berkesan. Usaha-usaha untuk membawakan siaran TV dan radio secara langsung dari Makkatul-Mukarramah seperti melalui siaran Nida-ul-Islam juga semakin dipergiatkan di samping usaha-usaha besar untuk mewujudkan pertukaran berita dan rancangan-rancangan antara negara-negara Islam secara yang lebih meluas melalui projek Islam Vision.

- (c) Sambutan orang ramai terhadap rancangan agama Islam yang disiarkan melalui radio dan TV amatlah baik dan berbagai-bagai surat penghargaan telah diterima. Kajian penonton-penonton TV menunjukkan bahawa penonton-penonton rancangan popular seperti IIS (Program Islamic Information Service), Muqaddam dan Fitrah adalah ditonton bukan sahaja oleh orang-orang Islam tetapi juga oleh golongan-golongan yang bukan Islam juga. Hal ini sangatlah menggalakkan menimbangkan bahawa:
 - (i) agama Islam adalah agama rasmi negara ini;
 - (ii) ia akan mempertingkatkan lagi kesefahaman dan kerjasama antara masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini demi memperkukuhkan lagi perpaduan negara; dan

- (iii) ia dapat menjamin pencapaian matlamat penerapan nilai-nilai Islam terutamanya nilai-nilai sejagat yang dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada orang-orang Islam tetapi juga yang bukan Islam di negara ini.

Sehubungan dengan itu rancangan-rancangan agama yang disiarkan melalui TV dan radio oleh RTM bukan sahaja sudah popular di negara ini tetapi juga di negara-negara lain yang menerima siaran kita seperti di Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand Selatan dan Filipina Selatan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah menjelaskan tentang rancangan program yang berunsur Islam dan saya percaya ini hanya untuk menyampaikan maklumat selain daripada tujuan untuk mendidik masyarakat.

Soalan tambahan saya, apakah pernah dibuat kajian terhadap program-program yang telah dinyatakan tadi tentang sambutan daripada golongan muda di negara kita berbanding dengan sambutan yang dibuat terhadap program-program seperti Pesta Rok Kingsway yang ditunjukkan dalam siaran terus-menerus oleh RTM? Apakah pada pemikiran Kementerian ianya boleh membantu pendidikan masyarakat yang disampaikan melalui program-program yang berunsur Islam dan akhirnya we are back to square one, dengan izin. Apakah ini telah dibuat dan kalau ianya telah dibuat, apakah hasilnya dan apakah Kementerian bercadang untuk terus menghapuskan pertunjukan hiburan seperti Pesta Rok Kingsway?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita harus

melihat program-program agama itu dari aspek semua program yang dapat membangkitkan dan dapat mengembangkan nilai-nilai budi yang mulia atau bibit-bibit yang baik dalam diri setiap manusia sama ada bibit-bibit itu berbentuk moral, semangat, cita-cita murni, kasih sayang, bersedia untuk berkorban dan sebagainya. Dalam hal ini pihak Kementerian telah pun membuat kajian tentang sambutan orang ramai khusus golongan muda terhadap segala program-program yang ditunjukkan oleh program-program RTM tetapi ternyata bahawa kita tidak dapat menafikan program-program di bawah lambang ataupun di bawah label agama agak berkurangan mendapat sambutan daripada golongan muda tetapi amat baik sekali sambutannya daripada golongan yang agak dewasa. Oleh sebab itulah program-program agama itu ataupun nilai-nilai agama itu bukan semata-mata kita serapkan melalui program-program yang bernama agama tetapi juga diserapkan dalam program-program yang lain yang kita fikir dapat membangkitkan ataupun mengembangkan nilai-nilai budi mulia yang dimaksudkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. adakah Kementerian berhasrat untuk mengurangkan lagi tayangan gambar-gambar yang agak berlawanan dengan pandangan kita orang Timur, lebih-lebih lagi masih banyak gambar-gambar yang ditayangkan yang bercanggah dengan pandangan Islam yang banyak terdapat dalam TV yang ditayangkan setiap masa sekarang ini?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, TV dan radio ini adalah merupakan alat komunikasi yang memberi kebebasan mutlak kepada pemiliknya untuk memilih mana-mana saluran ataupun mana-mana stesyen radio yang disukainya dan di dalam hal ini kita di

Kementerian Penerangan dan mereka yang bertanggungjawab dalam bidang komunikasi elektronik ini, mereka menghadapi dilema dari segi merebut penonton- penonton ini. Contohnya sebagaimana kita di sebelah utara, di Kelantan, di Kedah, di Perlis dan sebagainya, di sana kita dapat menikmati, dapat menonton sekurang-kurangnya 7 saluran TV dan hampir 10 stesyen radio dan ini memberi kebebasan kepada penonton untuk memilih mana-mana saluran yang ia kehendaki.

Dari segi penyusunan, dalam hubungan ini meletakkan kita dalam dilema untuk hendak merebut penonton- penonton. Kalaulah program-program kita tidak memberi sesuatu yang menyukakan mereka, maka sudah tentu matlamat kita untuk menyampaikan maklumat, matlamat kita untuk memberi pendidikan menurut kehendak-kehendak kita tidak mungkin sampai kerana mereka tidak akan membuka stesen-stesen kita. Dalam hubungan ini, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya melihat program-program, rancangan-rancangan RTM ini dari segi menyeluruh dan harus menimbang dari segi positif dan negatifnya dan memberi satu penilaian yang sempurna dalam hal ini. Maka kita akan jumpa masalah dan kepentingan yang tertentu mengapa ada beberapa program yang bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat tidak menyenangkan dan pihak kami yang menyusun program ini yang bertanggungjawab dalam hal itu juga ada perkara-perkara yang kadang-kadang terpaksa bagi masalah-masalah tertentu.

PENSWASTAAN TOL DI LEBUHRAYA UTARA SELATAN

4. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

(a) penswastan tol-tol di sepanjang lebuh raya utara-selatan

kepada Syarikat PLUS Sdn Bhd. Apakah 100% daripada pekerja (pengutip tol) dari Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bersetuju dengan konsep ini; dan

(b) dengan penswastan projek ini, berapakah keuntungan kepada Kerajaan dan berapakah peluang pekerjaan baru kepada penduduk negara kita, khasnya para siswazah menganggur.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Semua pekerja-pekerja Lembaga Lebuhraya Malaysia yang terlibat dengan pengurusan dan pungutan tol telah menerima 100% tawaran PLUS Bhd dan Kerajaan juga difahamkan bahawa mereka yang terlibat itu telah bersetuju dengan konsep yang ditawarkan kepada mereka oleh PLUS Bhd.

(b) Adalah agak sukar untuk ditunjukkan dalam bentuk ringgit dan sen jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan hasil daripada projek penswastan ini tetapi memadailah jikalau saya katakan bahawa perhubungan jalanraya yang lebih baik akan menggalakkan dan mengembangkan aktiviti berbagai sektor ekonomi negara seperti sektor pelancongan dan perindustrian.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menjangkakan bahawa keuntungan yang nyata yang akan diperolehi daripada penswastan lebuh raya utara-selatan ini adalah di antara lainnya Kerajaan akan dapat menjimatkan kos pembinaan operasi dan menyenggarakan lebuh raya utara-selatan dalam jangka masa panjang.

Kerajaan juga akan dapat mengurangkan jumlah bayaran pencen kepada kakitangan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah diambil alih oleh Syarikat PLUS Bhd. Di samping itu semasa pembinaan projek ini dilaksanakan ia juga akan membuka berbagai-bagai peluang perniagaan kepada kontraktor-kontraktor dan pengusaha-pengusaha tempatan turut sama mengambil bahagian di dalam kontrak pembinaan lebuhraya ini. Selain daripada itu Kerajaan akan memperolehi pendapatan dalam bentuk cukai keuntungan syarikat di sepanjang tempoh konsesi penswastan lebuhraya ini berkuatkuasa.

Kerajaan telah menetapkan bahawa selepas konsesi projek penswastan lebuhraya utara-selatan ini selesai dalam 30 tahun, Syarikat PLUS Bhd akan menyerahkan balik keseluruhan lebuhraya sepanjang lebih kurang 917 kilometer itu termasuk semua kemudahan-kemudahan yang terdapat di sepanjang lebuhraya yang telah siap dibina dan digunakan kepada Kerajaan secara percuma.

Mengenai peluang pekerjaan pula Kerajaan telah dimaklumkan bahawa semasa di peringkat pembinaan ini iaitu sehingga tahun 1995 yang akan datang sejumlah di antara 7,500 hingga 17,600 pekerjaan akan dapat diwujudkan. Daripada jumlah itu sejumlah lebih kurang 1,500 siswazah di bidang pengurusan dan teknikal akan diberi pekerjaan sama ada dengan Syarikat PLUS Bhd ataupun dengan syarikat-syarikat pembinaan dan juga juru perunding yang terlibat dengan projek ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah dinyatakan kos penjimatan operasi tol yang dapat dijimatkan oleh Kerajaan telah diambil alih oleh PLUS ini. Kedua, berapakah jumlah kakitangan

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang diambil alih oleh PLUS dan nyatakan pecahannya dan adakah mereka setakat ini menemui masalah-masalah.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk tahun 1989 kos operasi tol yang telah dapat dijimatkan oleh Kerajaan disebabkan pengambilan alih penyelenggaraan lebuhraya oleh PLUS Bhd ialah sebanyak \$17.3 juta.
- (b) Jumlah pekerja yang telah ditawarkan oleh PLUS Bhd dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia ialah seramai 719 orang. Seperti yang saya nyatakan dalam jawapan saya tadi semua mereka yang ditawarkan telah menerima tawaran yang dibuat oleh PLUS kecuali 2 orang yang bersara sendiri. Bererti, 717 orang yang telah menerima tawaran yang dibuat oleh PLUS Bhd kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyak plaza tol yang diswastakan kepada PLUS tadi dan mengapa dengan adanya LLM untuk menguruskan Kerajaan perlu mengswastakan plaza tol ini. Dengan sebab itu kakitangan yang ada itu berapa peratus lagi ditambahkan oleh PLUS sebab saya tidak pasti sama ada 900 yang disebutkan tadi itu termasuk yang baru atau yang lama yang sedia ada.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, semua plaza tol yang ada sekarang telah diambil alih oleh PLUS hasil daripada persetujuan Kerajaan untuk menswastakan lebuhraya utara-selatan kerana plaza tol adalah sebahagian daripada lebuhraya utara-selatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa semua pekerja-pekerja Lembaga Lebuh raya Malaysia termasuk kakitangan di plaza tol telah diterima dan menjadi kakitangan PLUS Bhd.

BEKALAN AIR MINUMAN/ ELEKTRIK DI LADANG

5. Dr V. David minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ladang-ladang kebanyakannya tidak mempunyai bekalan air minum yang bersih dan juga bekalan letrik yang memuaskan;
- (b) adakah betul bahawa Ladang Bukit Hitam di Puchong tidak diberikan kemudahan asas seperti bekalan letrik, tempat kediaman pekerja-pekerja, adalah dalam keadaan yang merbahayakan kesihatan, dan ini tidak selaras dengan Akta Kehendak-kehendak Asas Perumahan; dan
- (c) apakah langkah Kementerian beliau ingin mengambil bagi memperbaiki keadaan ini, memandangkan beberapa aduan yang telah pun diterima di atas perkara ini sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa kebanyakan ladang-ladang tidak mempunyai bekalan air minuman yang bersih atau bekalan elektrik yang memuaskan. Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Buruh didapati lebih kurang 85% ladang-ladang yang menyediakan kemudahan perumahan kepada pekerja-pekerjanya telah pun mengadakan bekalan elektrik di mana 27% daripada ladang-ladang ini membekalkan elektrik dari sumber

LLN manakala ladang-ladang yang lain dari janakuasa ladang sendiri.

Ladang-ladang yang tidak mempunyai bekalan elektrik biasanya terletak di kawasan pendalaman dan terpencil jauh dari punca kuasa elektrik. Walaupun majikan ladang tidak diwajibkan untuk membekalkan elektrik di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan 1966, pegawai-pegawai Jabatan Buruh semasa membuat lawatan akan sentiasa mengemukakan syor di mana bekalan elektrik boleh disediakan.

Semua ladang ada kemudahan bekalan air. Hampir 20% daripadanya adalah dari sumber Kerajaan sementara yang lainnya membekalkan air dari sumber sendiri. Jabatan Buruh dengan bantuan Pejabat Kesihatan tempatan juga sentiasa mengawasi bekalan air di ladang-ladang untuk menentukan agar ianya sesuai dan selamat untuk diminum.

Bukit Hitam Estet telah dilawati oleh Menteri Buruh pada 4-7-1986 dan selepas lawatan itu bekalan air dari JKR telah disambung ke ladang tersebut dan beberapa paip awam untuk kegunaan bersama juga telah dipasang.

Mengenai bekalan elektrik pula pihak majikan sedang berunding dengan LLN untuk membina sebuah pencawang bekalan elektrik di ladang tersebut. Ladang ini mempunyai 76 unit rumah; 60 unit daripadanya telah dibina sebelum tahun 1966. Semua unit-unit rumah yang dibina sebelum tahun 1966 didapati tidak membahayakan kesihatan.

Estet ini telah dilawati oleh pegawai-pegawai Jabatan Buruh pada tahun 1988 dan mereka telah mengesyorkan pembaikan yang perlu serta meminta majikan mengambil tindakan untuk membina rumah-rumah baru untuk menggantikan unit-unit rumah yang dibina sebelum tahun

1966. Tindakan susulan yang positif sedang diambil.

Jabatan Buruh sedang mempergiatkan pemeriksaan ke atas ladang-ladang yang menyediakan kemudahan perumahan pekerja bagi menentukan agar majikan-majikan akan sentiasa mematuhi kehendak undang-undang bagi meningkatkan lagi taraf kehidupan penduduk di ladang-ladang.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh apabila saya berucap di sini atau membuat pertanyaan kadang-kadang mendapat jawapan dan jawapan itu bagaimana diperolehi saya pun tidak tahu. Beberapa kali pegawai-pegawai daripada Kementerian Buruh ada memasuki ladang Bukit Hitam dalam lima tahun ini.

Soalan kedua, bilakah majikan ini boleh membina rumah baru oleh sebab rumah yang ada sekarang manusia tidak boleh tinggal sebab saya sendiri ada memeriksa rumah ini dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu melawat saya boleh bawa dia pergi. Ini bukan sahaja dengar. Kalau boleh beri satu jaminan bilakah pekerja-pekerja dalam estet ini boleh melihat atau nampak satu masyarakat baru, oleh sebab di sini kita selalu berucap mengenai masyarakat baru, berbagai-bagai pembinaan dan menghapuskan kemiskinan;

Ketiga,.....

Tuan Yang di-Pertua: Dua cukup Yang Berhormat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya baru menyebutkan bahawa Menteri baru sahaja melawat kawasan ini, bukan Timbalan Menteri, Menteri sendiri sedang melawat. Berkenaan

dengan rumah, kita telah mengesyorkan supaya majikan ladang ini membina rumah-rumah baru. Seperti Yang Berhormat maklum, kita selalu berunding dengan mereka dan mengesyorkan supaya membina rumah baru, menambah rumah dan sebagainya. Tetapi kalau Yang Berhormat dapat memahami sedikit, kalau mereka robohkan rumah-rumah ini terus, tidak ada rumah pun kita tidak boleh ambil tindakan apa-apa sebab tidak ada undang-undang yang mewajibkan majikan ladang membina rumah. Jadi daripada dirobohkan rumah ini, tidak buat apa-apa, lebih baik ada rumah buruk sedikit. Kalau dirobohkan sama sekali pun kita tidak boleh ambil apa-apa tindakan kerana undang-undang tidak mewajibkan majikan ladang ini membina rumah untuk pekerjanya.

Kalau mereka membina rumah, barulah mengikut pelan yang kita tentukan. Jadi kita mengesyorkan kepada majikan ladang supaya membaiki rumah ini dengan segera ataupun mengadakan rumah-rumah baru dan ini merupakan satu syor sahaja, tidak ada tindakan yang tegas dapat diambil.

Tuan P. Patto: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau sering mengatakan bahawa pihak Kementerian tidak boleh berbuat apa-apa tentang mewajibkan majikan membina atau menyediakan rumah bagi pekerja-pekerjanya. Alasan yang diberikan ialah kerana tidak wujudnya undang-undang yang mewajibkan. Memandangkan jawapan sedemikian, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal satu undang-undang yang boleh mewajibkan majikan-majikan supaya mereka menyediakan rumah bagi pekerja-pekerja dalam ladang.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mestilah faham

bahawa tidak semua majikan diwajibkan membuat rumah-rumah ini. Kalau kita hendak suruh ladang membuat atau wajib membuat rumah.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya minta cuma boleh atau tidak menggubal undang-undang kerana kesalahannya nampaknya Timbalan Menteri mengaku adalah kerana tidak ada undang-undang. Bolehkah buat? Itu sahaja.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tidak ada cadangan. Tetapi saya hendak terangkan juga, takkan saya hendak jawab "tidak ada cadangan" dan saya duduk. Jadi tidak ada cadangan sebab pekerja-pekerja di sektor lain kita tidak dapat hendak mewajibkan membina perumahan untuk pekerja-pekerjanya. Misalnya, pekerja-pekerja kilang. Apakah istimewanya ladang yang ladang sahaja kita hendak mewajibkan, sedangkan sektor ladang dan lain-lain sektor tidak. Itu dia punya alasannya.

PELANCONG ASING BERKAHWIN DENGAN ANAK WATAN

6. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah dibenarkan pelancong-pelancong dari negara asing yang hendak berkahwin dengan anak watan negara ini dan apakah syarat-syaratnya, jika mereka orang Islam adakah mereka diwajibkan membawa surat dari kadi-kadi negara mereka, dan jika didapati telah beristeri adakah mesti ada surat ridza dari isteri mereka. Ada juga didapati gadis-gadis Malaysia yang menjadi pemandu kepada pelancong-pelancong lelaki menemani mereka ke merata negeri dalam Malaysia selama berhari-hari dan minggu maka adakah ini digalakkan oleh Kerajaan atau adakah ada peraturan-peraturan dalam perkara seperti ini.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada undang-undang yang menghalang pelancong-pelancong dari negara asing berkahwin dengan anak watan negara ini asalkan yang berkenaan itu memenuhi syarat-syarat tertentu. Syarat-syaratnya bagi yang bukan beragama Islam:

- (i) telah tinggal di daerah tempat perkahwinan yang hendak dilangsungkan itu selama tujuh hari sebelum pemberitahu perkahwinan dibuat;
- (ii) mesti berumur lebih daripada 21 tahun ataupun seorang duda/balu;
- (iii) jika berumur kurang daripada 21 tahun ia perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada bapanya atau penjaganya asalkan tidak kurang daripada 16 tahun;
- (iv) tidak ada ikatan perkahwinan di bawah sesuatu undang-undang, adat ataupun agama ataupun kelaziman dengan orang lain;
- (v) tidak ada bantahan terhadap perkahwinan itu dilangsungkan.

Bagi mereka yang beragama Islam pula, ianya tertakluk kepada undang-undang yang telah ditetapkan oleh negeri-negeri di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tugas pemandu pelancong, ingin saya memaklumkan iaitu pada kebiasaannya pemandu pelancong ini ditugaskan untuk memandu kumpulan pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong dari negara asing. Pada kebiasaannya pula pemandu pelancong ini tidak bekerja dengan satu-satu orang individu seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalnya. Sekiranya terdapat pemandu pelancong menyeleweng dari artika perkhidmatan yang telah ditetapkan, ia ini boleh dikenakan tindakan

tatatertib selaras dengan peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1982.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pihak Kerajaan boleh menentukan sama ada pemandu pelancong secara berkesan benar-benar dapat mendisiplinkan diri dan patuh dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak Kerajaan sebagaimana yang telah disebutkan tadi kerana mereka ini kadang-kadang pergi dengan pelancong lima enam hari, bermalam dan sebagainya, jadi tentulah ada perkara yang serong mungkin berlaku. Bagaimana berkesan mereka ini dikawal oleh pihak Kementerian.

Keduanya, kadang-kadang mungkin ada juga pelancong tempatan yang tidak seharusnya menggunakan pemandu pelancong ini dan adakah ini digalakkan atau bagaimana?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, soal hendak buat jahat ini tak payah 2-3 hari, dalam masa setengah jam pun boleh jadi (*Ketawa*). Sebelum seseorang itu dibenarkan menjadi pemandu pelancong, Tuan Yang di-Pertua, seseorang itu terpaksa mengikuti kursus yang dikelola oleh TDC dan juga Persatuan Pemandu Pelancong Malaysia. Mereka ini terpaksa mengikuti kursus ini supaya mengetahui selok-belok negara kita, supaya mereka pandai memberi penerangan-penerangan berkenaan dengan negara kita, tidak misalannya memberi penerangan-penerangan yang tidak tepat, tidak boleh memberi penerangan-penerangan yang bertentangan dengan apa yang sebenarnya berlaku; dan kalau sekiranya terdapat mereka ini memberi penerangan-penerangan yang tidak betul, kalau dilaporkan, maka tindakan-tindakan akan diambil terhadap mereka

ini. Sejak tahun 1976 tidak ramai yang telah diambil tindakan kerana tidak banyak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, hanya seramai 30 orang sahaja pemandu pelancong yang berdaftar yang aktif yang didapati melanggar etika pemandu pelancong dan mereka ini telah pun dikenakan denda selaras dengan kesalahan mereka—ada yang digantung, ada yang diberi amaran keras dan sebagainya.

Berhubung dengan soalan kedua tentang tak boleh pakai pemandu pelancong tadi bagi pelancong-pelancong tempatan, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi kumpulan-kumpulan 7 dan lebih sama ada mereka itu dari luar negeri ataupun dalam negeri, dipaksa dipastikan menggunakan pemandu pelancong, tetapi kalau kurang daripada 7, tetapi hendak juga menggunakan pemandu pelancong, itu kita izinkan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut tentang perkara buruk atau perkara tidak baik tadi, tetapi sekiranya untuk tujuan baik adakah pihak Kementerian mengenalpasti tentang mereka yang “berkahwin pelancongan” kerana di negara kita ini ada iklan-iklan mencari kawan dan untuk berkahwin. Jadi saya namakan-nya sebagai “kahwin pelancongan” mungkin buat sementara. Sejauh manakah kegiatan-kegiatan seumpamanya ini berlaku dan dasar agama mana yang dilakukannya?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, iklan-iklan ini tak semestinya ditunjukkan kepada pelancong. Orang dalam Dewan ini pun boleh menjawab iklan-iklan macam itu. Jadi tak ada kaitan langsung dengan pelancongan (*Ketawa*).

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— TINDAKAN DIAMBIL

7. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa apakah tindakan yang praktikal terhadap kesemua 452 kampung baru di seluruh negara semenjak Kementeriannya mengambil alih kuasa daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Kemajuan Perkampungan hanya dipindahkan secara pentadbiran ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1hb Mac, 1989. Namun demikian, maklumat-maklumat yang lengkap mengenai tahap pembangunan serta taraf sosio ekonomi kesemua 452 buah kampung baru di Malaysia sedang diteliti sebelum usaha diambil bagi memastikan ketepatan-ketepatan ini tidak tertinggal daripada arus pembangunan negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan berapa kali lagi kampung-kampung baru ini akan pindah, tendang daripada satu Kementerian ke Kementerian yang lain, ini kali yang ketiga ataupun keempat di dalam tempoh 18 tahun ini? Dan apakah terjadi dengan peruntukan yang diberikan sebelum 1986 untuk kampung-kampung baru ini? Apakah terjadi dengan wang yang diperuntukkan itu, belum dijawab lagi semenjak 2-3 tahun yang lepas.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan itu saya tidak dapat memberi angka-angka ataupun apakah peruntukan itu dibelanjakan bagi projek apa.

Mengenai Bahagian Kemajuan Perkampungan adalah dianggap salah oleh Ahli Yang Berhormat bahawa Bahagian itu ditendang sana, di tendang sini. Sebenarnya ini adalah satu daripada tanggungjawab Kerajaan dan perletakannya Bahagian ini adalah keputusan Perdana Menteri sebagai pemimpin Kerajaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya projek-projek kampung-kampung baru dijalankan secara ad-hoc pada masa yang lalu. Bolehkah Kementerian yang berkenaan mengadakan rancangan-rancangan yang komprehensif dan menyeluruh? Sekiranya boleh, saya ingin tanya sama ada Kementerian akan mengadakan rancangan jangka panjang untuk membaharui sistem infrastruktur di kampung-kampung baru, terutama sekali sistem jalan dan parit.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem infrastruktur di kampung-kampung baru di seluruh negara adalah dikawal rapi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tentang beberapa perkara berkaitan dengan infrastruktur, sukalah saya menjelaskan perkara bekalan air ke kampung-kampung baru dibekalkan sebanyak 92% di seluruh negara, bekalan elektrik telah pun dibekalkan sehingga 96% ke kampung-kampung baru, jalan-jalan dan parit-parit di seluruh kampung-kampung baru juga ditingkatkan dari masa ke masa. Tidaklah benar bahawa pembangunan kampung-kampung baru dibuat secara ad-hoc. Sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengadakan satu kajian keseluruhan pada tahun 1986 dan satu rancangan jangka panjang dan pendek telah pun dibuat bagi pembangunan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa tidak hadir).

SENJATAPI HARAM DALAM PETI SIMPANAN

9. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan tiada senjatapi haram disimpan dalam peti-peti simpanan (safety deposit boxes) di bank-bank ekoran penemuan enam pucuk pistol dalam sebuah peti simpanan di sebuah bank di Pulau Pinang baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan yang sedia ada mengenai peti simpanan di antara lain, melarang penyimpanan barang-barang yang boleh mendatangkan mudarat atau mengancam keselamatan. Bagaimanapun, perkara ini sukar dipastikan kerana pihak bank tidak diberitahu mengenai benda-benda yang disimpan dan tidak boleh memeriksa peti-peti simpanan tersebut kerana peti-peti simpanan memerlukan dua kunci untuk membukanya dan salah satu daripada kuncinya adalah disimpan oleh pelanggan itu sendiri.

Bagi mengelakkan berlakunya perkara seumpama itu, Bank Negara Malaysia telah menasihati semua bank agar mengawasi dengan lebih rapi setiap pelanggannya bagi memastikan bawah peti simpanan itu tidak digunakan oleh golongan-golongan subversif dan penjenayah untuk menyimpan senjata dan alat-alat yang berbahaya. Sekiranya mana-mana bank mengesyaki terdapat senjatapi disimpan di dalam peti simpanan mereka di bank-bank tersebut, pihak polis bolehlah dihubungi untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.

(Soalan No. 10 Y.B. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Fung Ket Wing.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir).

PEMAJU MASYARAKAT (KEMAS)—TUGAS

12. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah tugas-tugas sebenar pemaju-pemaju Masyarakat (KEMAS) di negara ini;
- (b) berapakah kes pemaju-pemaju masyarakat telah dibuang kerja jika mereka didapati tidak menjalankan tugas atau menyeleweng; dan
- (c) sama ada salah satu daripada tugas yang harus dilakukan oleh pemaju-pemaju masyarakat ialah sebagai seorang pengintip.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tugas pemaju masyarakat KEMAS adalah sebagai penghubung, pembimbing dan penggalak kepada masyarakat supaya melibatkan diri di dalam program pembangunan Kerajaan. Peranan ini dilaksanakan melalui aktiviti pembangunan masyarakat seperti Taman Bimbingan Kanak-kanak, Kelas Latih Kerja, Ekonomi Rumahtangga, Rancangan Desa Usaha, Rancangan Pedoman Tugasan, Khutubkhanah Desa dan Kumpulan Agama Islam, selaras

dengan objektif KEMAS iaitu menyatupadukan usaha-usaha rakyat dengan Kerajaan bagi mengukuhkan sosial, ekonomi, politik dan sivik ke arah pembentukan sebuah negara yang maju dan sejahtera;

- (b) terdapat seramai 58 orang pemaju masyarakat telah dibuang kerja atas kes tidak menjalankan tugas dengan baik bagi tempoh 1986 sehingga Disember 1988;
- (c) mengintip bukanlah menjadi tugas pemaju-pemaju masyarakat dan tidak pernah dijalankan oleh KEMAS.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada kegiatan KEMAS ini yang dibuat oleh pemaju-pemaju masyarakat dan juga penyelia-penyeliana semakin berkesan di dalam kegiatan pembangunan, apakah adanya rancangan Kementerian untuk menaikkan gaji mereka dan menambah bilangan penyelia-penyelia ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian dan KEMAS saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Jerai yang menganggap bahawa tugas KEMAS selama ini cukup berkesan bagi pembangunan negara dan juga masyarakat. Sememangnya Kementerian sedang mengkaji berkenaan dengan kenaikan gaji penyelia KEMAS dan jika ekonomi negara pulih kembali kemungkinan perkara ini akan dapat dilaksanakan.

Bagi perkara kedua, jikalau didapati bahawa ada peruntukan dan boleh ditambah kepada penyelia-penyelia ataupun pemaju masyarakat KEMAS, perkara ini akan dilaksanakan.

Tuan Haji Bujang bin Haji. Ufis: Tuan Yang di-Pertua, kita menyanjung tinggi akan tugas pegawai-pegawai pemaju KEMAS dan sumbangan yang diberi kepada pihak Kerajaan dan rakyat, ada juga pihak yang menyatakan bahawa pemaju KEMAS ini oleh kerana diberi tugas yang begitu penting dia mewujudkan satu duplikasi tugas dengan pegawai-pegawai yang lebih tinggi. Ini menimbulkan keresahan di kalangan pegawai-pegawai yang lebih tinggi dari mereka. Jadi, apa langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya perkara ini tidak akan timbul?

Kedua, ada juga laporan menyatakan bahawa pegawai KEMAS ini diberi tugas yang berat seperti meluluskan projek luar bandar dan orang yang hendak memohon projek kecil luar bandar itu menghantar permohonan kepada pegawai KEMAS dan oleh kerana tugas ini berat dan tanggungjawabnya besar, maka pegawai KEMAS ini mungkin seperti kata orang "swollen headed" sedikit, dengan izin. Jadi, adakah kajian dibuat sama ada benar atau tidak dan kalau benar apa langkah yang diambil untuk menentukan supaya perkara ini tidak berlaku?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang pertama tadi, saya merasakan bahawa anggota-anggota KEMASlah yang selalu merasakan bahawa mereka diperkecil-kecilkan di daerah-daerah, tetapi kalau misalnya ada kes-kes yang spesifik, di mana anggota-anggota KEMAS tidak memberikan kerjasama, jikalau Yang Berhormat boleh memberitahu kepada saya, bolehlah saya menasihatkan anggota-anggota KEMAS yang berkenaan.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, pihak KEMAS terutama sekali

penyelia-penyelia kanan tidak mempunyai peruntukan untuk diluluskan di peringkat kawasan, jadi saya rasa masalah itu tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 10, 11 dan 13 hingga 41 adalah diberi di bawah ini).

BELIA NIAGA

8. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bahawa memandangkan ekonomi Negara telah pun beransur pulih dan juga satu peruntukan telah pun disediakan untuk Belia Niaga. Berapakah jumlah belia yang mendapat latihan dan pinjaman daripada program Belia Niaga bagi tahun 1988, dan apakah rancangan yang telah diatur untuk membantu para belia secara yang lebih progresif di dalam bidang perniagaan bagi tahun 1989 supaya dapat mengurangkan kadar pengangguran.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Pada tahun 1988 seramai 73 orang belia telah memperoleh pinjaman kewangan di bawah Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, Kementerian Belia dan Sukan bagi tujuan mengusahakan projek-projek perniagaan dan pertanian. Ia telah melibatkan perbelanjaan sebanyak \$900,000.00. Di samping itu seramai 250 orang belia telah mendapat pekerjaan melalui projek di bawah program ini. Menyentuh mengenai pembangunan keusahawanan yang dikendalikan oleh Kementerian ini, seramai 4,690 belia telah mendapat kemudahan pada tahun 1988.

Kementerian Belia dan Sukan sedar dan sentiasa mengambil berat

mengenai masalah pengangguran di kalangan belia di negara ini. Bagi tahun 1989, Kementerian Belia dan Sukan telah mengatur strategi dan perancangan program bersepadu yang dapat menggalakkan belia melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan keusahawanan dan pertanian.

Di antara program-program yang dimaksudkan ialah:

- (i) Melahirkan belia berdikari dengan meneruskan pemberian kemudahan pinjaman modal melalui Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bagi program Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang; yang bertujuan untuk melahirkan usahawan dan petani moden di kalangan belia. Dalam hubungan ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$6 juta pada tahun 1989.
- (ii) Kementerian Belia dan Sukan juga memberi penekanan di dalam melatih belia dalam berbagai bidang kemahiran sama ada secara institusi atau tidak institusi sebagai persediaan sebelum menceburkan diri dalam alam pekerjaan atau usaha sendiri. Sehubungan itu program-program yang dilaksanakan termasuklah:
 - (a) memberi kemahiran teknik dan vokasional melalui Pusat-pusat Latihan Belia seperti di Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Negara Peretak dan Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu
 - (b) memberi latihan kemahiran melalui program

Latihan Sambil Bekerja dan Latihan Industri Tempatan;

- (c) memperbanyakkan latihan dan Kursus Pengurusan Perniagaan dan Pertanian di peringkat negeri;
- (d) mewujudkan Bengkel Teknologi Desa di tiap-tiap daerah bagi tujuan memberi latihan kemahiran serta mewujudkan belia berdikari;
- (e) memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha belia melalui program Anugerah Tahunan Usahawan Muda.

Adalah diharapkan dengan adanya pelbagai kemahiran yang diberikan kepada golongan belia ini akan memudahkan para belia mendapat pekerjaan atau menjalankan perniagaan, perusahaan atau pertanian.

CORPORATION MENGEMBANGKAN PERDAGANGAN LUAR

10. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menyatakan adakah Kerajaan berura-ura menubuhkan suatu Corporation untuk membangun dan mengembangkan perdagangan luar secara lebih khusus memandangkan bahawa makin hari makin banyak barang pengilangan dikeluarkan untuk eksport. Corporation yang dimaksudkan ini, adalah khusus untuk penyelidikan dan pembangunan di dalam usaha pengeluaran dan pemasaran seperti apa yang dilakukan oleh CETDC di Taiwan sebagai contoh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa sektor eksport semakin hari semakin menjadi sektor penting dalam pembangunan ekonomi negara. Apatah lagi buat masa kini dengan adanya Pelan Induk Perindustrian, makin banyak barang-barang pengilangan dapat dihasilkan. Barang-barang yang mempunyai "value-added" ini haruslah digalakkan dengan sewajarnya. Menyedari hakikat ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengkaji segala kemungkinan yang ada untuk meningkatkan usaha-usaha dalam penggalakan dan pemasaran keluaran-keluaran eksport Malaysia terutama sekali barangan pengilangan. Menubuhkan satu badan untuk mengendalikan segala espek galakan eksport merupakan salah satu kemungkinan yang sedang dikaji.

JAWATANKUASA KABINET RASUAH

11. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perlantikan Y. B. Anwar Ibrahim sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Rasuah dan Amalan-amalan Curang bermaksud kuasa Jawatankuasa ini mengatasi kuasa Biro Pencegah Rasuah dan sama ada hakikat bahawa walaupun kuasa BPR telah ditambahkan, namun ia masih tidak mencukupi untuk mengambil tindakan terhadap "Ikan-ikan Besar" dan menyatakan mengapakah Kerajaan tidak menimbang untuk meletakkan BPR bertanggungjawab terus kepada Parlimen.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Jawatankuasa ini bukanlah sebuah Jawatankuasa Penyiasat dan ia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukum. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk memperakukan kepada pihak Kerajaan akan langkah-langkah yang lebih

berkesan bagi (a) mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan pengurusan-pengurusan rancangan jabatan dan (b) meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti. Akhirnya, Jawatankuasa ini mungkin perlu mengeluarkan beberapa panduan dan arahan untuk ditimbang oleh Kerajaan.

Pembentukan Jawatankuasa ini tidaklah bermakna perlu bersaing dengan kuasa yang telah diberikan kepada BPR untuk membanteras penyelewengan dan rasuah. Malahan kedua-dua pihak akan berganding bahu untuk mewujudkan satu jentera yang kuat untuk menghapuskan segala bentuk penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

INDUSTRI KECIL

13. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) satu penyata terperinci berkenaan dengan jenis industri-industri skil kecil dan sederhana yang layak bagi mendapat skim insentif khas seperti taraf perintis yang ternyata di dalam Ucapan Belanjawan 1989 Menteri Kewangan; dan
- (b) sama ada pihak Kerajaan bersedia untuk memanjangkan kepada pelabur-pelabur tempatan skim pemilikan ekuiti 100% yang telah diberi kepada syarikat-syarikat luar yang telah ditubuhkan untuk pasaran eksport.

Tuan M. G. Pandithan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat skim galakan khas yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk industri-industri

kecil meliputi galakan-galakan berikut:

- (i) *Taraf Perintis* yang diberi secara otomatik kepada syarikat-syarikat kecil yang mengeluarkan keluaran-keluaran yang digalakkan dan yang merupakan:
 - (a) Barang-barang komponen atau alat gantian untuk industri besar;
 - (b) Barang gantian import yang berasaskan bahan-bahan mentah tempatan tidak kurang daripada 50%; atau
 - (c) Barang-barang yang di eksport 50% pengeluarannya;
 - (d) Keluaran-keluaran yang boleh memberi sumbangan kepada sosio-ekonomi penduduk luarbandar.
- (ii) Elaun Pelaburan Semula sebanyak 50%.
- (iii) Pengurangan Pendapatan Larasan dengan kadar 5% atau 5% daripada amaun pembelian, yang mana lebih rendah, diberi kepada industri besar yang membeli barang-barang/bahan-bahan daripada industri kecil.
- (iv) Pengecualian sepenuh daripada duti import ke atas bahan-bahan mentah/komponen/mesin/kelengkapan.
- (v) Layanan istimewa ke atas keluaran-keluaran industri kecil di dalam pembelian Kerajaan.
- (vi) Kemudahan pinjaman di bawah ASEAN/Japan Development Fund di mana hampir \$900 juta akan disalurkan

melalui empat institusi kewangan iaitu Bank Pembangunan Malaysia, Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia, Bank Pertanian dan MIDF.

Skim galakan ini adalah terbuka hanya kepada industri kecil yang dapat memenuhi kriteria berikut:

- (i) Ditubuhkan sebagai sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
- (ii) Mempunyai sekurang-kurangnya 70% ekuiti milik rakyat Malaysia dan penyertaan asing tidak melebihi 30%.
- (iii) Mempunyai Kumpulan Pegangan Saham (share holders' fund) yang tidak lebih daripada \$500,000.

Berhubung dengan skim galakan untuk industri sederhana, semua insentif yang sedia ada untuk industri besar yang terlibat dalam aktiviti perkilangan, pertanian, pelancongan dan hotel seperti:

- (a) taraf perintis;
- (b) elaun cukai pelaburan;
- (c) pengurangan pendapatan larsan untuk eksport atas kadar 50%;
- (d) elaun eksport atas kadar 5%;
- (e) potongan duakali untuk perbelanjaan penggalakkan pelaburan;
- (f) potongan duakali bagi perbelanjaan R & D dan latihan dan sebagainya boleh dinikmati oleh industri sederhana juga.

Berhubung dengan soalan (b) sukalah saya memaklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan garis panduan mengenai penyertaan ekuiti asing di dalam sektor perkilangan

kepada pelabur-pelabur tempatan. Ini adalah kerana, pada pandangan Kerajaan, walaupun pelabur-pelabur tempatan terlibat di dalam projek yang mengeksport lebih daripada 50% daripada keluaran-keluarannya namun demikian sebagai rakyat negara ini mereka seharusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat sosio-ekonomi Kerajaan.

KERACUNAN MAKANAN

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan iaitu di masa-masa kebelakangan ini terlalu kerap berlaku peristiwa keracunan makanan. Apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil setakat ini mengenai peristiwa-peristiwa itu dan apakah langkah pencegahan yang lebih berkesan telah, sedang dan akan diambil. Berapakah bilangan mangsa-mangsa keracunan itu setakat ini dan apakah puncanya serta kalangan yang menjadi mangsa kejadian itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan mempunyai dua strategi iaitu pelajaran kesihatan dan penguatkuasaan undang-undang untuk mengatasi masalah keracunan makanan di negara ini. Kementerian Kesihatan telah dan sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Persatuan-Persatuan Pengguna untuk memberi makluman serta pendidikan kesihatan kepada murid-murid sekolah dan juga orang ramai. Kakitangan Kementerian Kesihatan juga sedang memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai

di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik seluruh negara.

Dari segi penguatkuasa undang-undang tertentu seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 ianya memang sentiasa dijalankan dengan ketatnya oleh Penguasa-Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun, penguatkuasaan ini akan lebih diketatkan lagi oleh pihak Penguasa Tempatan dan Kementerian Kesihatan.

- (b) Sejumlah 69 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 2,219 orang telah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan dalam tahun 1988. Dalam tahun 1989 sehingga akhir bulan Februari sebanyak 21 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 826 orang telah dilaporkan. Daripada mangsa-mangsa... kejadian keracunan makanan ini sebanyak 59.8% adalah kanak-kanak sekolah dan 40.2% orang dewasa.
- (c) Daripada siasatan yang telah dijalankan punca keracunan ialah disebabkan makanan yang telah dicemari oleh kuman (61.1%), kimia (19.4%), racun semulajadi dalam tumbuhan-tumbuhan seperti cendawan, ubi kayu dan kulat (16.7%). Keracunan juga berlaku disebabkan hasil makanan laut seperti kerang dan kepah yang tercemar (2.8%).

Kebanyakan keracunan makanan ini telah berlaku kerana pengendali-pengendali makanan tidak mengamalkan kebersihan diri, keadaan sanitasi yang tidak memuaskan serta pengendalian dan penyimpanan makanan yang tidak memuaskan.

SABAH FOREST INDUSTRIES DAN SABAH GAS INDUSTRIES

15. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan memberi peluang kepada pelabur-pelabur luar negeri untuk mengambilalih Sabah Forest Industries dan Sabah Gas Industries;
- (b) jumlah besar wang yang telah dilaburkan oleh Kerajaan terhadap kedua-dua Agensi tersebut sehingga bulan Disember 1988;
- (c) jumlah kerugian sehingga 31hb Disember 1988.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sedang dijalankan untuk menswastakan projek Sabah Forest Industries dan Sabah Gas Industries. Beberapa cadangan telah pun diterima dari pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri. Oleh kerana projek-projek ini adalah besar dan melibatkan modal yang banyak serta memerlukan kepakaran teknologi dan bergantung kepada pasaran dunia, penglibatan pelabur-pelabur asing mungkin perlu dipertimbangkan. Walau bagaimanapun usahasama antara pelabur-pelabur luar negeri dan tempatan adalah digalakkan.
- (b) Jumlah wang yang telah dilaburkan dalam Projek Sabah Gas ialah \$2.295 juta, iaitu \$705 juta dalam bentuk ekuiti oleh Kerajaan Negeri Sabah, dan \$1,590 juta dalam bentuk pinjaman daripada institusi-institusi kewangan dan Kerajaan. Bagi projek Sabah

Forest Industries pula, jumlah pelaburan ialah sebanyak \$1,501 juta, iaitu \$388 juta dalam bentuk ekuiti oleh Kerajaan Negeri Sabah dan \$1,113.1 juta dalam bentuk pinjaman daripada institusi-institusi kewangan dan Kerajaan.

- (c) Sehingga 31 Disember 1988 Projek Sabah Gas mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$1,027 juta. Bagaimanapun, Projek ini telah mula menunjukkan keuntungan dalam tahun 1989. Bagi Sabah Forest Industries, kerugian terkumpul sehingga 31 Disember 1988 ialah \$118.3 juta.

DAFTAR PENGUNDI DI SABAH

16. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula daftar pengundi di Sabah dan mengadakan gerakan pendaftaran semula memandangkan terdapat ramai bukan warganegara yang tidak layak mengundi tetapi telah dilaporkan mendaftar diri mereka dengan cara menggunakan kad pengenalan palsu. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang mendaftar dengan menggunakan kad pengenalan palsu itu. Dan apakah pula langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini dari berulang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula daftar pengundi bagi Negeri Sabah. Mengenai gerakan pendaftaran semula di negeri tersebut, setakat ini belum ada bukti yang nyata mengenai mereka yang bukan warganegara yang didaftarkan sebagai pengundi secara

mengemukakan kad pengenalan palsu.

INDUSTRI INSURANS

17. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan industri insurans untuk menjamin kepentingan-kepentingan pemegang polisi insurans termasuk yang tercedera yang telah mendapat penghakiman (judgment) khasnya Insurans Kenderaan, akan mendapat perlindungan yang cukup; dan nyatakan syarikat-syarikat Insurans yang menghadapi masalah kewangan dan apakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan supaya syarikat-syarikat insurans tidak akan terjadi seperti kes Syarikat SEG Insurance.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk memulihkan industri insurans adalah sebagaimana berikut:

- (i) Mengarahkan syarikat-syarikat insurans yang menghadapi masalah kewangan menambahkan modal masing-masing ke paras yang munasabah dengan mengeluarkan saham-saham baru kepada pihak-pihak yang berkemampuan membelinya.
- (ii) Menggalakkan percantuman antara syarikat-syarikat insurans yang kecil bagi mengukuhkan kedudukan mereka.
- (iii) Memperbaiki pengkalan data industri insurans supaya prestasi setiap syarikat insurans dapat dikawal dan diawasi dengan cepat dari masa ke semasa.
- (iv) Menyemak perundangan mengenai insurans dan polisi-polisi yang sedia ada mengenai amalan insurans; dan
- (v) Meningkatkan taraf profesionalisma dalam industri insurans

dengan meningkatkan kedudukan dan taraf latihan di Institut Insurans Malaysia.

Bagi memastikan bahawa pemegang polisi insurans (termasuk yang tercedera yang telah mendapat penghakiman) mendapat perlindungan yang cukup, Bank Negara Malaysia sentiasa memberi perhatian dan menyiasat setiap aduan yang dikemukakan oleh orang ramai mengenai perkara ini dan menasihatkan syarikat-syarikat berkenaan supaya membayar tuntutan mengikut sebagaimana dalam perintah mahkamah. Di samping itu, Bank Negara Malaysia juga, telah dan akan terus menjalankan penyiasatan ke atas syarikat-syarikat insurans yang sengaja melambat-lambatkan pembayaran perintah mahkamah dan akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas syarikat-syarikat insurans yang enggan mematuhi.

Pada masa ini, sebanyak 5 buah syarikat insurans didapati sedang menghadapi masalah kewangan. Nama-namanya tidak wajar disebutkan kerana syarikat-syarikat berkenaan masih berkeupayaan untuk meneruskan perniagaan masing-masing. Bank Negara Malaysia sedang membuat pengawasan rapi ke atas syarikat-syarikat tersebut.

Bank Negara juga telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengelakkan daripada berlakunya kes-kes seperti syarikat SEG Insurance dengan membuat pengawasan rapi ke atas kedudukan kewangan syarikat-syarikat insurans dan memastikan pegawai-pegawai yang menguruskan syarikat-syarikat ini adalah mereka yang betul-betul berkelayakan.

KONTRAK TERLIBAT DALAM PEMBINAAN JALAN RAYA

18. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kerjaraya menyatakan bera-pakah kontraktor-kontraktor terlibat

dalam projek pembinaan jalanraya di negeri ini pada tahun lalu yang telah ditamatkan kontrak mereka oleh kementerian beliau kerana tidak melaksanakan kerja-kerja yang memuaskan. Apakah tindakan-tindakan yang diambil terhadap kontraktor-kontraktor tersebut. Dan sama ada benar bahawa, selepas kontrak ditamatkan tender-tender baru akan dikeluarkan dan ini bermakna banyak wang yang akan dibelanjakan. Apakah langkah-langkah lain yang boleh diambil oleh kementerian beliau supaya pengendalian projek-projek hanya diberi kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai reputasi baik.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang tahun 1988 yang lalu, seramai 11 kontraktor yang melaksanakan projek-projek pembinaan jalanraya di negara ini, telah ditamatkan penglibatannya di dalam kontrak-kontrak berkenaan. Di antara tindakan-tindakan yang diambil terhadap mereka yang kontrak-kontraknya telah ditamatkan ialah:

- (a) menggantung pendaftaran syarikat-syarikat berkenaan. Selepas penggantungan syarikat-syarikat itu tidak lagi dibenarkan untuk menyertai sebarang tender kerajaan. Tindakan ini dibuat oleh Pusat Khidmat Kontraktor, Jabatan Perdana Menteri;
- (b) mengenakan gantirugi yang tertentu dan ditetapkan atau "Liquidated Ascertained Damages" (L.A.D.). Perkiraan L.A.D. ini adalah berdasarkan kepada kos pengawasan projek yang melebihi jangka masa sebenar;
- (c) kontraktor-kontraktor dikehendaki membayar perbezaan harga kontrak asal dan harga kontrak yang baru.

- (d) merampas bon pelaksanaan, iaitu merupakan wang cagaran yang diserahkan oleh kontraktor kepada pihak kerajaan sebelum memulakan sesuatu kerja yang mana nilainya ialah sebanyak 5% daripada harga kontrak.

Memang benar selepas sesuatu kontrak itu ditamatkan, tender-tender baru akan dipelawa. Walau bagaimanapun, adalah tidak benar sesudah penamatan itu dan tender-tender baru dipelawa, kerajaan terpaksa menanggung pertambahan perbelanjaan yang besar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah kontraktor-kontraktor yang telah ditamatkan kontraknya akan membiayai kesemua perbelanjaan tambahan melalui bayaran perbezaan harga kontrak asal dan harga kontrak yang baru dan juga rampasan bon pelaksanaan.

Lembaga tawaran tender Kementerian Kerjaraya sememangnya meneliti semua tawaran-tawaran dan pada lazimnya tender yang berjaya adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria utama. Di antaranya ialah harga tender yang menguntungkan ("Viable"), latarbelakang kontraktor, seperti pengalaman, prestasi kerja, kedudukan kewangan dan pengawasan syarikat, serta kemampuan kontraktor melaksanakan kerja.

Kriteria-kriteria yang telah ditetapkan ini adalah merupakan di antaranya yang diambilkira oleh lembaga tender kementerian untuk memastikan bahawa projek yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor berkenaan akan berkemungkinan besar untuk melaksanakan projek itu dengan jayanya. Ini juga akan disusuli dengan pengawasan yang rapi oleh pegawai penguasa JKR ke atas projek berkenaan. Kesimpulannya ialah Kementerian akan sentiasa berusaha untuk memastikan hanya kontraktor yang berkebolehan dan berkemampuan sahaja diberikan tawaran kerja itu.

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

19. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara;
- (b) jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang berdaya maju;
- (c) Jumlah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang berdaya maju serta diberi taraf perintis untuk berdikari;
- (d) jumlah aset yang terkumpul;
- (e) bilakah taraf perintis dan berdikari hendak dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):

- 1(a) Jumlah PPK yang telah ditubuhkan sehingga 31hb Disember, 1988 ialah sebanyak 258 buah iaitu:

Semenanjung Malaysia	221 buah
Sabah ..	16 buah
Sarawak ..	21 buah
	258 buah

- 1 (b) (c) Soalan-soalan bagi (b) dan (c) dijawab bersekali kerana mempunyai perkaitan di antara satu sama lain. Untuk makluman Y.B. tidak ada taraf perintis yang diberi kepada Pertubuhan Peladang. Yang ada ialah sekim Pertubuhan Peladang Perintis yang diberi kepada 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan satu (1) Pertubuhan Peladang Negeri (Pertubuhan Peladang Negeri Johor) yang mana Pertubuhan Peladang

mempunyai ahli yang ramai dan asas ekonomi yang baik serta kukuh iaitu mempunyai projek-projek ekonomi dan sosial yang berterusan serta dapat menjamin sumber pendapatan yang tetap. Beberapa program telah diatur oleh LPP untuk meningkatkan pembangunan ekonomi dan sosial ahli-ahli Peladang melalui Pembangunan Unit Peladang dengan kerjasama Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, bagi 154 PPK yang tergolong di dalam kategori berpotensi belum maju dan tidak berpotensi.

- 1 (d) Jumlah aset PPK di seluruh Semenanjung Malaysia di bawah pengendalian LPP berakhir pada 31-12-1987 ialah sebanyak \$107.008 juta.
- 1 (e) Skim perintis telah diberikan kepada 27 buah PPK bermula tahun 1987 dan pelaksanaannya adalah mengikut peringkat-peringkat seperti berikut:

Peringkat I:

Peringkat I: dimulakan pada tahun 1987 bertujuan untuk mengubah sistem pengurusan PPK sejajar dengan matlamat dan rancangan untuk berdikari.

Peringkat II:

Peringkat II (1989-1990): adalah bertujuan

meningkatkan aktiviti-aktiviti PPK sehingga PPK mampu membiayai kos mengurus (kos kakitangan) yang dibantu oleh LPP pada masa ini.

Peringkat III:

Peringkat III (1991): PPK tersebut telah mencapai tahap berdikari dan berupaya meneruskan perancangan dan pengurusannya sendiri. Walau bagaimanapun PPK berkenaan masih boleh mendapat khidmat pengurusan dan bimbingan LPP.

KAWALAN PERTUKARAN WANG

20. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan berapa tahun kebelakangan ini begitu banyak wang negara mengalir keluar negeri oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab terhadap negara ini, oleh itu apakah tindakan yang sewajarnya diambil terhadap mereka itu. Ini jika dibiarkan akan menjejaskan ekonomi negara.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara kita adalah mengamalkan sistem kawalan pertukaran wang yang liberal selaras dengan struktur ekonomi terbuka. Ini membolehkan pergerakan keluar masuk modal secara bebas di negara ini. Sesiapa sahaja adalah bebas untuk membawa keluar modal dari negara ini untuk pelbagai tujuan termasuklah pelaburan. Rakyat Malaysia boleh melaburkan dalam saham-saham, surat-surat jaminan ataupun harta tanah, tetapi pelaburan ini mestilah tidak dilaksanakan dengan pinjaman yang diperolehi dari Malaysia.

Berasaskan rekod kawalan pertukaran wang, tidak ada pengaliran wang keluar negeri yang luar biasa. Pada bila-bila masa terdapat sedikit pengaliran wang keluar untuk tujuan pelaburan dan lain-lain di negara asing oleh rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun aliran wang keluar negeri ini dapat diimbangi oleh aliran masuk modal asing ke Malaysia oleh pelabur asing.

Ekonomi negara telah pun pulih dan melebihi dari yang dijangka. Ini akan menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing untuk mengambil peluang terbaik yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh MIDA, jumlah pelaburan modal asing yang dijangka bagi tahun 1988 telah meningkat sebanyak 2.7 kali ganda berbanding dengan tahun 1987. Sistem kawalan pertukaran wang asing yang liberal merupakan satu faktor yang sangat menarik kepada pelabur-pelabur asing. Begitu juga dengan pelabur-pelabur tempatan, mereka turut meningkatkan pelaburan dalam negeri.

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PENYELEWENGAN

21. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan iaitu sejak Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan ditubuhkan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah dijalankan; dan
- (b) adakah Jawatankuasa berkenaan telah menyenaraikan orang-orang yang akan diambil tindakan untuk dibuat siasatan dan jika ada sila sebutkan nama-nama mereka yang disenaraikan itu.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pengurusan

Kerajaan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali semenjak bulan Januari 1989. Di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut Jawatankuasa telah berusaha untuk menganalisa dan mengenalpasti akan kelemahan-kelemahan yang pernah berlaku dalam pentadbiran kewangan Kerajaan; dalam pengurusan badan-badan berkanun, dan telah melihat akan prosidur tatatertib bagi perkhidmatan awam.

- (b) Jawatankuasa ini bukanlah sebuah Jawatankuasa penyiasat dan ia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukum. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk memperakukan kepada pihak Kerajaan akan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi (a) mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan pengurusan-pengurusan rancangan jabatan dan (b) meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti. Akhirnya, Jawatankuasa ini mungkin perlu mengeluarkan beberapa panduan dan arahan untuk ditimbang oleh Kerajaan.

(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-89)

23. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan kepada petani-petani di Kedah dan Perlis yang menanggung kerugian oleh kerana sawah-sawah padi mereka musnah akibat banjir pada bulan Oktober dan November 1988. Jika ada, apakah bentuk bantuan yang dicadangkan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kerajaan bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh petani-petani di Kedah dan Perlis yang mengalami kerugian kerana sawah-sawah padi

mereka musnah akibat banjir pada bulan Oktober dan November 1988. Sebagai usaha untuk membantu petani-petani yang terlibat, Kementerian Pertanian melalui Jabatan dan Agensinya telah memberi bantuan-bantuan berikut:

- (i) bantuan baja gantian kepada petani yang mengusaha semula tanaman mereka selepas sahaja banjir berlaku. Seramai 3,894 orang petani telah mendapat bantuan baja bernilai \$481,875.
- (ii) bantuan biji benih percuma kepada petani yang mengalami kerosakan tanaman. Seramai 10,547 orang petani yang memohon dan didapati layak telah dan akan menerima bantuan tersebut yang bernilai \$327,675.
- (iii) menjadualkan semula pembayaran balik pinjaman daripada BPM di samping mengecualikan faedah tambahan (denda) untuk pinjaman tersebut. Bilangan petani yang terlibat ialah seramai 1,227 orang dengan nilai pinjaman berjumlah \$1.2 juta.

HARGA BARANG-BARANG MAKANAN

24. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab harga banyak barang-barang makanan telah meningkat naik sejak kebelakangan ini sehingga ada setengah barang harganya telah meningkat lebih 50% dalam masa satu dua bulan ini;
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah harga barang selain daripada Y.B. Menteri sendiri memberi

nasihat kepada pengguna-pengguna untuk memulaukan barang-barang yang berkenaan.

Tuan M. G. Pandithan: Jawapan ini telah pun dijawab oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. daripada Kawasan Tebrau pada 8hb Mac 1989. Oleh itu saya tidak berhajat untuk mengulanginya lagi.

BANK PUSAT KERJASAMA- BANK NEGARA AMBILALIH

25. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menerangkan alasan-alasan Bank Negara yang mengambil alih Bank Pusat Kerjasama (CCB) dan apa tindakan oleh Kerajaan untuk menjamin simpanan ahli dan harga Koperasi-koperasi yang bergabung dengannya tiada menghadapi kerugian.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Oleh kerana pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, Marang, Bukit Mas, Puchong dan Kepong yang masing-masingnya dijadualkan dijawab dalam persidangan pada hari ini dan juga pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah yang dijadual dijawab besok menyentuh perkara yang sama, saya memohon untuk menjawab kesemua pertanyaan berkenaan serentak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Bank Negara telah mengambilalih kawalan ke atas perniagaan CCB mulai pada 7 Januari 1988 setelah mendapati CCB telah tidak berupaya atau mempunyai kemungkinan menjadi tidak berupaya untuk membayar balik sepenuhnya tanggungan deposit kepada pendeposit-pendepositnya. Langkah ini perlu diambil bagi melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit dan juga bagi memudahkan Bank

Negara membuat penyiasatan ke atas hal ehwal dan kegiatan CCB. Kedudukan kewangan CCB yang tenat secara jelas dapat dilihat dari penyata kewangannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 1986 yang dikeluarkan hanya pada bulan Disember 1987. Penyata kewangan itu menunjukkan CCB mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$329 juta. Dengan kerugian ini dan ahlinya berada dalam keadaan defisit sebanyak \$251 juta.

CCB mengalami kerugian yang besar akibat dari tindakan yang kurang bijak dalam urusan pemberian pinjaman. Pinjaman-pinjaman yang besar telah dikeluarkan kepada sebilangan kecil peminjam-peminjam atau kumpulan peminjam-peminjam. Dengan tindakan sedemikian, peruntukan kerugian yang besar perlu disediakan ke atas pinjaman-pinjaman berkenaan kerana mutu cagaran yang diberi, sekiranya ada, adalah lemah dan peminjam-peminjam juga tidak berkeupayaan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman mereka.

Sejak pengambilalihan kawalan ke atas perniagaan CCB, Bank Negara telah mempergiatkan usaha serta mengambil langkah-langkah yang sesuai, termasuk tindakan undang-undang, ke atas peminjam-peminjam yang gagal menunaikan kewajipan masing-masing, bagi mendapat balik semua hutang mereka dengan CCB. Arahan pembekuan harta serta menahan pasport juga telah dikenakan ke atas peminjam-peminjam besar. Langkah ini dikenakan dengan tujuan bagi memudahkan penyiasatan yang dijalankan oleh Bank Negara dan juga bagi mendapat balik pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan. Walaupun langkah-langkah sebagaimana yang disebutkan itu telah diambil, adalah sukar buat sementara waktu ini untuk menentukan jumlah pinjaman yang akan dapat dipungut balik memandangkan mutu cagaran

adalah lemah dan ketidakupayaan peminjam-peminjam menjelaskan pinjaman-pinjaman mereka.

Memandangkan jumlah kerugian CCB adalah besar, satu pekej penyelamat khas perlu disediakan ke atas CCB. Selepas menimbangkan beberapa pilihan, Kerajaan telah bersetuju untuk merangka satu skim penyelamat di mana sebuah syarikat kewangan berlesen telah dikenalpasti untuk mengambilalih harta-harta dan tanggungan deposit CCB. Dalam rancangan penyelamat yang dicadangkan itu, pendeposit-pendeposit akan menerima balik kesemua deposit mereka dalam CCB berdasarkan pembayaran balik seringgit untuk seringgit deposit. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan skim ini, Bank Negara telah pun memohon kepada Mahkamah untuk melantik penerima bagi CCB. Langkah ini bukanlah satu langkah terasing kerana dalam tahun 1987 langkah yang sama telah diambil bagi mengatasi masalah 23 Koperasi Pengambil Deposit. Butir-Butir terperinci mengenai skim penyelamat ini akan diumumkan sebaik sahaja penerima dilantik serta semua urusan yang berkaitan dengannya diselesaikan.

Buat sementara waktu ini, penyiasatan mengenai apa jua perbuatan penyelewengan serta pengurusan kewangan CCB yang tidak jujur masih lagi diteruskan. Sehingga ini dua orang pegawai kanan CCB telah didakwa di Mahkamah dan usaha-usaha telah dibuat untuk membawa balik bekas Ketua Eksekutif CCB dari Australia. Kerajaan akan terus mendakwa mereka yang bertanggungjawab dalam penyelewengan pengurusan CCB.

Akhir sekali saya ingin menyentuh persoalan mengapa CCB perlu terletak di bawah penerima sedangkan

beberapa buah bank perdagangan yang menghadapi masalah sebelum ini tidak diletakkan di bawah penerima. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bank-bank perdagangan adalah diawasi di bawah Akta Bank 1973 dan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Oleh itu apa-apa masalah yang berkaitan dengan bank-bank perdagangan dikendalikan mengikut Akta dan Ordinan tersebut. CCB sebaliknya adalah sebuah pertubuhan koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Koperasi 1948. Dalam hubungan ini apa-apa masalah yang dihadapi oleh CCB tidaklah boleh diselesaikan berpandukan kepada kedua-dua Akta/Ordinan berkenaan.

AMANAH SAHAM NASIONAL— HAD MAKSIMA

26. Tuan Hashim bin Safin minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pelabur Amanah Saham Nasional sehingga 31 Disember 1988 dan berapakah jumlah sahamnya. Bagaimanakah dengan cadangan untuk menambah had maksima pelaburan ASN daripada \$50,000 kepada had yang lebih tinggi. Kalau sudah dilaksanakan bagaimanakah sambutanannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Sehingga 31 Disember 1988 jumlah pelabur yang telah menyertai skim ASN adalah seramai 2.4 juta orang dengan nilai pelaburan sebanyak \$3.0 ribu juta (tidak termasuk dividen dan bonus).

Buat masa ini pihak pengurusan Amanah Saham Nasional tidak ada cadangan lagi untuk meningkatkan had maksima pelaburan daripada \$50,000.

SEKOLAH AGAMA— PELAKSANAAN DASAR

27. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan

pelaksanaan Dasar dan Garis Panduan terhadap Sekolah-sekolah Agama di seluruh negara.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan dan pengendalian hal-hal Agama Islam di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan juga bidang kuasa D.Y.M.M. Yang di-Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Menyentuh mengenai sekolah-sekolah Agama, pada masa ini terdapat tiga jenis sekolah Agama di Malaysia.

- (i) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Jumlahnya adalah sebanyak 31 buah.
- (ii) Sekolah Rendah dan Menengah Agama Kerajaan Negeri, terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Kerajaan Negeri-Negeri berjumlah 97 buah.
- (iii) Sekolah Agama Rakyat yang ditadbirkan oleh Jawatan-kuasa/Lembaga Pengurus sekolah yang berkenaan. Jumlahnya ialah sebanyak 842 buah.

Bagi Sekolah-sekolah Kerajaan Negeri segala dasar dan pentadbirannya adalah dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun kebanyakan Sekolah-sekolah Kerajaan Negeri dan juga Sekolah-sekolah Agama Rakyat adalah mengikuti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan termasuk memberikan penekanan yang terbaik dari segi Islam. Kewujudan Sekolah

Kebangsaan Agama di bawah Kementerian Pendidikan adalah untuk memenuhi hasrat yang tersebut itu. Walaupun demikian dengan wujudnya sistem KBSR dan KBSM telah dengan sendirinya meningkatkan mutu pendidikan Islam di Sekolah-sekolah biasa selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendidikan Islam yang terbaik kepada semua pelajar Islam. Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama pula mengikuti garis panduan seperti yang terdapat di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang lain. Hanya sekolah ini mempunyai pengkhususan dari segi Mata Pelajaran Tinggi Agama Islam dan Bahasa Arab di samping penekanan yang lebih kepada penghayatan kepada nilai-nilai Islam.

BOLASEPAK PIALA MERDEKA

28. Tuan Hu Sepang minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerianya untuk memastikan pertandingan bolasepak Piala Merdeka akan dikelolakan tanpa gangguan ekoran keputusan FIFA bahawa hanya pasukan-pasukan kebangsaan boleh dijemput menyertai pertandingan-pertandingan pada masa-masa akan datang disebabkan pertandingan Merdeka dikelolakan untuk memperingati serta meraikan kelahiran negara kita.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: FIFA telah memutuskan supaya FAM mendapatkan kebenaran khas dari FIFA sekiranya lebih dari 4 pasukan kebangsaan ingin dijemput dalam pertandingan-pertandingan persahabatan antarabangsa seperti Kejohanan Pestabola Merdeka. FAM telah mengaturkan mesyuarat dengan FIFA pada 5 Mac, 1989 untuk membincangkan keputusan ini. Ekoran dari mesyuarat tersebut, sekiranya perlu, pihak FAM akan menubuhkan satu

Jawatankuasa Kecil untuk mengkaji masalah yang akan timbul dan membuat perakuan-perakuan sewajarnya.

Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil langkah-langkah yang diperlukan berdasarkan perakuan-perakuan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Kecil FAM.

BAHASA MELAYU—SEBUTAN BAHASA

29. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab musababnya penukaran sebutan Bahasa Malaysia yang berasaskan sebutan Rhio kepada sebutan baru yang berasaskan Bahasa Melayu Kedah dan adakah bahasa Baku diperkenalkan oleh Ahli bahasa yang pakar dalam Bahasa Melayu ataupun oleh pemimpin-pemimpin UMNO baru Pulau Pinang dan Kedah, dan apakah kelemahan yang didapati dalam sebutan Melayu Rhio.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sudah lama memikirkan perlunya mewujudkan satu variasi sebutan baku bahasa Melayu untuk tujuan pendidikan, iaitu untuk pengajaran dan pembelajaran secara formal.

Penyeragaman sebutan baku dalam bahasa Melayu dilakukan dengan beberapa tujuan, termasuk untuk mencapai matlamat yang berikut:

- (i) Penyeragaman sebutan baku dibuat untuk mewujudkan suatu variasi sebutan baku dalam bahasa Melayu yang dapat digunakan dalam situasi formal atau rasmi.
- (ii) Sebutan baku yang seragam sangat penting sebagai alat komunikasi lisan yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi

pendidikan untuk kegunaan para pelajar, pengajar dan pegawai pendidikan. Penggunaan sebutan baku yang seragam, dapat mengurangkan dan akhirnya menghapuskan penggunaan pelbagai variasi tidak formal seperti penggunaan loghat dan dialek bahasa daerah dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu dan bahasa.

- (iii) Penyeragaman sebutan dibuat untuk meningkatkan kecekapan berbahasa Melayu baku di kalangan semua golongan pengguna bahasa Melayu.
- (iv) Penyeragaman sebutan baku dibuat untuk memantapkan sistem dan struktur dalaman bahasa Melayu, iaitu supaya sistem sebutan menjadi mantap dan baku sejajar dengan pemantapan dan pembakuan tatabahasa, kosa kata (iaitu perbendaharaan kata umum dan istilah), dan sistem ejaan.

Adalah sama sekali tidak tepat dan tidak benar tuduhan atau sangkaan yang mengatakan bahawa sebutan baku bahasa Melayu diadakan-adakan berasaskan bahasa Melayu Kedah, kerana sebutan ini juga dituturkan dengan cara yang sama di Sabah, Sarawak, di Brunei dan di Indonesia. Sesungguhnya sebutan baku itu dirumus berdasarkan perancangan yang teliti dengan nasihat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka serta ahli-ahli bahasa yang pakar.

POLIS MENGGUNAKAN KEKERASAN—ADUAN

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan aduan dibuat terhadap anggota polis kerana menggunakan kekerasan ke atas

orang-orang yang disyaki semasa dalam siasatan polis bagi tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga 28-2-1989;

- (b) bilangan anggota polis yang telah dikenakan tindakan disiplin dalam satu cara atau lain-lain kerana kekerasan ke atas orang-orang yang disyaki yang ditahan di bawah remand polis bagi tahun 1987, 1988 dan tempoh sehingga 28-2-1989 dengan memberi butir-butir pangkat anggota polis yang terlibat dan jenis tindakan yang diambil terhadap mereka; dan
- (c) kenapa arahan Ketua Polis Negara kepada anggota-anggota polis supaya jangan menggunakan kekerasan fizikal ke atas orang-orang yang disyaki semasa siasatan di buat pada 17-9-1988 di Kuala Kubu Baru tidak dipatuhi dan apakah tindakan yang telah diambil oleh polis berkenaan bagi memastikan patuhan ketat arahan Ketua Polis Negara demi kepentingan sebuah pasukan polis yang berdisiplin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Bilangan aduan yang dibuat terhadap anggota polis atas dakwaan menggunakan kekerasan semasa siasatan ialah 30 dalam tahun 1987, 13 dalam tahun 1988 dan 2 sehingga 28-2-1989.
- (b) Jumlah anggota polis yang dikenakan tindakan tatatertib atas kesalahan tersebut ialah 5 orang dalam tahun 1987, 12 orang dalam tahun 1988 dan 2 orang sedang diambil tindakan tatatertib bagi tahun 1989. Antara hukuman tatatertib yang dikenakan termasuklah celaan, denda, celaan keras, kawalan

tambahan, latihan tambahan dan buang kerja.

- (c) Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi semua laporan berkaitan dengan kekerasan yang digunakan oleh anggota pasukan polis. Kementerian tidak akan teragak-agak mengambil tindakan-tindakan yang tegas setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

GURU KONTRAK MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

31. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menerangkan sama ada Yang Berhormat sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh bekas guru-guru kontrak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) yang telah diserapkan ke Kementerian Pendidikan. Jika sedar, apakah dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menerima syor-syor dan rayuan-rayuan yang telah dikemukakan oleh Persatuan Guru Agama Kebangsaan Sabah yang sehingga kini masih belum menerima sebarang keputusan agar syor-syor tersebut diterima.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh bekas guru-guru kontrak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) yang telah diserapkan ke Kementerian Pendidikan. Pihak Kementerian bersimpati dengan guru-guru tersebut dan telah menerima syor-syor dan rayuan mereka. Berapa langkah perlu telah diambil dengan membuat beberapa siri pertemuan dan mesyuarat dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Kementerian Kewangan. Buat masa ini belum ada sebarang keputusan mengenainya dibuat.

PROTON SAGA—KEUNTUNGAN

32. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan Proton Saga telah mendapat keuntungan pada tahun lalu sepertimana yang diumumkan oleh Pengerusinya kerana ramai yang menjangka Proton Saga akan mendapat kerugian berpanjangan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor-faktor utama yang menyebabkan PROTON mendapat keuntungan pada tahun lalu adalah seperti berikut:

- (i) permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat disebabkan oleh keadaan ekonomi yang semakin pulih dan strategi pemasaran yang cekap oleh Edaran Otomobil Nasional (EON). Selain dari itu kualiti kereta Proton Saga juga semakin meningkat;
- (ii) masalah "Transfer Price" antara PROTON dan EON telah dapat diselesaikan;
- (iii) penambahan penggunaan komponen tempatan telah mengurangkan kos bungkusan "completely knock-down" (CKD);
- (iv) bertambahnya produktiviti kilang daripada 16 buah kereta sejam dalam tahun 1986 kepada 23 buah kereta dalam tahun 1988; dan
- (v) syarikat telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kos melalui pengurangan perbelanjaan operasi dan pengurangan kadar faedah bagi pinjaman Yen.

PELAJAR MALAYSIA DI NEW ZEALAND DIPANGGIL PULANG

33. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) butir laporan dan prestasi kemajuan pelajaran tiap-tiap orang dari tujuh pelajar Malaysia di New Zealand yang dipanggil pulang hujung tahun 1988 yang lalu;
- (b) adakah tindakan memanggil pulang itu berdasarkan laporan polis New Zealand sahaja atau adakah pihak JPM juga telah membuat siasatan susulan sebelum tindakan itu diambil; dan
- (c) adakah setiap seorang pelajar itu telah diberi peluang untuk membela diri mereka sebelum tindakan diambil terhadap mereka.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Laporan prestasi tiap-tiap seorang dari tujuh orang pelajar Malaysia yang menuntut di New Zealand yang dipanggil itu adalah memuaskan.
- (b) Tindakan memanggil mereka pulang ke Malaysia adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:
 - (i) Telah melanggar syarat-syarat perjanjian yang termaktub dalam kontrak atau biasiswa kerana menjatuhkan maruah atau imej negara.
 - (ii) Pandangan dan nasihat dari Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri.
 - (iii) Laporan dari Cawangan Polis Di Raja Malaysia.

(iv) Laporan Pegawai Penuntut Malaysia di New Zealand.

(v) Polis New Zealand akan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah New Zealand.

(c) Sebenarnya setiap seorang pelajar yang berkenaan telah diberikan nasihat dan peluang untuk membela diri serta diberikan notis sebulan iaitu mengikut amalan biasa sebelum tindakan menamatkan biasiswa mereka dibuat.

PILIHANRAYA KECIL— PERBELANJAAN

34. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan jumlah perbelanjaan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengendalikan pilihanraya kecil (a) Johor Bahru (b) Parit Raja di Johor dan (c) Ampang Jaya yang telah diadakan dalam tahun 1988 dan 1989 juga nyatakan amaun yang dibelanjakan oleh setiap Jabatan Kerajaan dalam setiap pilihanraya kecil ini, dengan memberi maklumat lanjut mengenai perbelanjaan ini.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengendalikan pilihanraya-pilihanraya kecil Johor Bahru, Parit Raja dan Ampang Jaya adalah seperti berikut:

(a) Johor Bahru	\$45,360
(b) Parit Raja	\$39,855
(c) Ampang Jaya	\$53,610

Perbelanjaan oleh Jabatan Kerajaan yang lain bukan dalam bidang kuasa Suruhanjaya Pilihanraya.

**SPEAKER DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG—
TOMAHAN**

35. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan keadaan terbaharu berkenaan dengan siasatan BPR terhadap kes Y.B. Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang disyaki berasuah.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Siasatan ke atas kes berkenaan telah pun selesai yang mana didapati maklumat atau tomahan yang diterima adalah tidak berasas sama sekali.

(Soalan No. 36. Sila lihat jawapan No. 25).

(Soalan No. 37. Sila lihat jawapan No. 25).

(Soalan No. 38. Sila lihat jawapan No. 25).

(Soalan No. 39. Sila lihat jawapan No. 25).

**KAWASAN BEBAS CUKAI DI
RANTAU PANJANG**

40. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan tidakkah Kementerian Kewangan bercadang untuk mengadakan penerangan supaya pelaksanaan kawasan bebas cukai di Pekan Rantau Panjang difahami dan diterima baik oleh penduduk tempatan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kawasan bebas cukai di Pekan Rantau Panjang dijangka akan mula beroperasi pada awal tahun 1990. Sebelum dari itu penerangan mengenai projek ini akan diadakan kelak oleh Kerajaan Negeri Kelantan, yang mana telah dicadang untuk dibuat pada penghujung tahun ini. Segala aspek projek itu, iaitu dari segi tujuan, dasar dan pelaksanaannya

akan diterangkan kelak kepada penduduk tempatan.

**HAJI IBRAHIM BIN ABDUL
RAHMAN DAN RUMAH
MENTERI PENDIDIKAN—
SIASATAN BPR**

41. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan keputusan siasatan-siasatan Badan Pencegah Rasuah:

(a) bahawa Haji Ibrahim bin Abdul Rahman, bapa kepada Y.B. Menteri Pendidikan telah memiliki saham Industrial Oxygen Incorporated Bhd. sebanyak \$400,000 secara muslihat; dan

(b) rumah Y.B. Menteri Pendidikan dibina dengan harga \$4 juta di Petaling Jaya, Selangor.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kedua-dua kes berkenaan masih lagi di dalam perhatian Badan Pencegah Rasuah dan dengan demikian saya tidak boleh mengemukakan apa-apa keputusan setakat ini kerana ianya masih bertaraf rahsia.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN
TANAH NEGARA (HAKMILIK
PULAU PINANG DAN
MELAKA) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh.” (8 Mac, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh sila sambung. Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

3.35 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya buat rayuan untuk tambahan masa sedikit kerana terdapat gangguan yang agak luar biasa semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf. Jikalau tiap-tiap seorang itu meminta supaya ditambahkan masa, kemudian keputusan kita hendak memberi 30 minit itu tidaklah dapat ditetapi, dan lagi pula hendaklah kita ingat bahawa 30 minit itu sudah cukup bagi seseorang untuk berucap. Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan P. Patto: Baik. Tuan Yang di-Pertua, saya sambung daripada ucapan saya semalam. Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb Februari, 1989, Timbalan Perdana Menteri juga pernah berkata dan saya petik, “Kami hendak membebaskan mereka, tetapi selepas mereka dikaji oleh Lembaga Penasihat kami mendapati bahawa mereka tidak mahu menyanyikan Lagu Kebangsaan ataupun berdiri semasa lagu itu dimainkan.”

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan ini adalah tuduhan melulu dan setahu saya Timbalan Perdana Menteri sudahpun diberi sepucuk surat yang ditandatangani oleh beberapa orang tahanan di dalam kem tahanan menafikan tuduhan itu dan juga memberi penerangan bahawa mereka sentiasa menyanyikan Lagu Negaraku apabila diperlukan dan saya sebagai bekas orang tahanan bersama-sama dengan saudara saya dari Kepong, Jelutong, Pasir Pinji dan Puchung yang ada di dalam Dewan ini boleh memberi jaminan bahawa kami bersama-sama dengan Ketua Pembangkang Parlimen dan juga anaknya, Ahli Parlimen dari Kota Melaka, sentiasa menyanyikan Lagu Negaraku. (*Tepuk*) dan untuk membuat satu tuduhan seolah-olah mereka berdua adalah pendusta kepada negara, mereka berdua adalah tidak patriotik, adalah satu tuduhan yang agak tidak berasas langsung sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Timbalan Perdana Menteri boleh menarik balik tuduhan itu ataupun sekurang-kurangnya menerangkan bahawa tuduhan itu tidaklah ditujukan kepada mereka berdua dan juga kepada orang-orang lain dalam kem tahanan yang menyanyikan Lagu Negaraku setiap kali diperlukan menyanyikan Lagu Negaraku. Untuk maklumat Dewan ini tidak pernah selama saya berada dalam kem selama 13 bulan Lagu Negaraku dimainkan, tidak pernah dimainkan, hanya

dinyanyikan oleh orang-orang tahanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa Timbalan Perdana Menteri mungkin berasaskan kenyataan itu kepada aduan-aduan yang disalurkan kepada Kementerian Dalam Negeri oleh ejen-ejen Cawangan Khas yang ada dalam kem tahanan dan ejen-ejen itu bukanlah orang tahanan, tetapi agen-agen itu adalah Unit Pemulihan yang ada dalam kem tahanan itu. Mereka tidak lain dan tidak bukan ialah ejen Special Branch dan Special Branch inilah yang memberi maklumat kepada Lembaga Penasihat dan Lembaga Penasihatlah yang mungkin membuat kesimpulan dan menghantarkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Jadi, mungkin Timbalan Perdana Menteri berasaskan pendapatannya kepada apa yang diterima oleh Kementerian Dalam Negeri daripada Unit Pemulihan ini yang tidak berguna dan yang menghabiskan wang rakyat di dalam sana.

Menteri Pendidikan ada berdepan dengan saya dan beliau saya percaya boleh memberi sokongan kepada apa yang saya kata ini. Dengan senyuman yang diberi oleh Menteri Pendidikan itu saya agak beliau bersetujulah dengan saya.

Tuan Speaker, saya beralih kepada seorang lagi dalam Dewan ini yang membuat kenyataan mengatakan bahawa beliau mahu. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Arau bangun, hendak beri jalan?

Tuan P. Patto: Tidak, saya tidak ada masa, Tuan Speaker. Beliau. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Adakah. . . .

Tuan P. Patto: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan. Sila teruskan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, ada seorang lagi Menteri Kabinet yang pernah mengatakan bahawa beliau mahukan Pemangku Ketua Pembangkang, Ahli Parlimen Bukit Bintang meminta beliau, beliau ialah Timbalan Presiden MCA, Menteri Buruh (*Tepuk*) yang mahukan beliau meminta supaya. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, tolong jaga perasaan.

Tuan P. Patto: . . . supaya beliau memintanya perkara pembebasan Ketua Pembangkang dan anaknya itu dibangkitkan dalam Kabinet. Saya rasa agak malu kerana beliau seorang yang buta, yang pekak, yang bisu. (*Tepuk*) Buta kerana beliau tidak tahu selama 16 bulan Ketua Pembangkang Parlimen dan anaknya merengkok dalam Kamunting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan menggunakan perkataan "pekak, bisu". Itu saya ingat pada fikiran saya tidak elok.

Tuan Shahidan bin Kassim: Suruh dia tarik balik!

Tuan P. Patto: Baik, Tuan Speaker, saya gantikan perkataan itu. Beliau tidak nampak. (*Ketawa*) tidak boleh bercakap, tidak dengar. (*Tepuk*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

Tuan P. Patto: Beliau tidak nampak Ketua Pembangkang Parlimen dan anaknya itu merengkok dalam penjara

di Kamunting selama 16 bulan. Beliau tidak boleh bercakap kerana mungkin beliau bisu, itu mungkin.

Apakah kejujuran dalam kenyataan itu, adakah kejujurannya? Saya cabar beliau, kalau DAP membawa usul supaya kedua-dua anggota Parlimen ini dibebaskan, beranikah beliau menyokong usul itu? (*Tepuk*) Kalau berani, kami akan memberi notis.

Seorang Ahli: Dia lari, dia lari!

Tuan P. Patto: Dia mungkin lari seperti dahulu. Beliau lari dan membuat kenyataan apabila kembali. Beliau bukan sahaja lari ke Australia, beliau juga berada di Hongkong—kenapa, saya tidak tahu. (*Tepuk*) Beliau senyum, bererti beliau bersetuju. Penjelasan, saya boleh beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Menteri Buruh (Tuan Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah pihak DAP pernah meminta Menteri Kabinet dari MCA? (*Ketawa*) Adakah pernah? (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Yang Berhormat beri penjelasan.

Tuan Lee Kim Sai: Sekejap, jangan tergopoh-gapah. Adakah pernah DAP mengemukakan permintaan melalui suratkhbar meminta Menteri Kabinet membawa isu tangkapan Ahli Parlimen Tanjung dan anaknya dibincang dalam Kabinet? Minta penjelasan.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak berhak menjawab, Yang Berhormat dari Ipoh yang akan menjawab.

Tuan Lee Lam Thye: Saya rasa memerlukan jawapan daripada saya, sebab ini ditujukan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak tanya apakah logik

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat dari Bukit Bintang

Tuan Lee Lam Thye: . . oleh pihak Menteri untuk bertanya seorang Ahli Parlimen dari DAP atau saya untuk merayu kepada MCA. Itu malu kepada MCA ini! (*Tepuk*)

Beberapa Ahli: Betul, betul!

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan P. Patto: Okay, Tuan Speaker

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh, tempoh masa sudah hendak cukup.

Tuan P. Patto: Cuma penjelasan, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi beliau bertanya adakah kami pernah bertanya kepada Menteri MCA. Kenapa kami perlu bertanya kerana kami menyoal Menteri Dalam Negeri iaitu anggota Kabinet dan tanggungjawab bersama atau, dengan izin, collective responsibility. We don't need to ask any MCA Minister because we know who they are (*Tepuk*), dengan izin, Tuan Speaker.

Dengan itu saya meminta supaya

Tuan Lee Kim Sai: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: Tidak beri jalan, cukup. Orang yang lari dari negera ini untuk menyelamatkan diri tidak layak, tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, dia tidak beri jalan.

Tuan Lee Kim Sai: Terima kasih.

Tuan P. Patto: Tidak perlu.

Tuan Lee Kim Sai: Itu menunjukkan kelemahan.

Tuan P. Patto: Ah! Kelemahan. Lemah jantungkah, apakah, tidak apalah!

Tuan Lee Kim Sai: Jadi kalau. . . .

Tuan P. Patto: Tidak ada seorang pun di sini yang lemah jantung, jangan.

Tuan Lee Kim Sai: Tarik balik kenyataan DAP yang pernah dibuat untuk meminta Menteri Kabinet untuk membawa perkara ini.

Tuan P. Patto: Kami menanyakan anggota Kabinet, Menteri Dalam Negeri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Time is up!

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya tidak beri jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Time is up.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan P. Patto: Duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Time is up.

Tuan Lee Kim Sai: Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Masa sudah cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, dengan itu, saya mengakhiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Time is up.

Tuan P. Patto: Boleh saya mengakhiri?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sila mengakhiri.

Tuan P. Patto: Dengan itu jelaslah sekali bahawa Menteri-menteri MCA dalam Kabinet ini bermain sandiwara. (*Tepuk*)

Saya mengakhiri dengan menyeru pihak Kerajaan supaya membebaskan Ketua Pembangkang Parlimen dan anaknya dengan segera tanpa syarat. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu *sub judice*, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah beritahu mengatakan itu *sub judice*.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi dia berulang-ulang kali menyebut, Tuan Yang di-Pertua benarkan dia sebut, dia bukan erti bahasa ini, susah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata itu dan tidak sempat saya hendak tegah tadi. Sila Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

3.45 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bangun untuk merakamkan junjung kasih Kebawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perbahasan mengenai Ucapan

Titahnya yang disampaikan pada 6hb Mac baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sepanjang perhatian saya pada Ucapan Titah Baginda itu, ia ternampak benar-benar bahawa Baginda amat berhasrat untuk melihat rakyat Baginda bersatu-padu, taat setia dan hidup aman sentosa sepanjang zaman dan yang paling menarik perhatian saya sekali ialah rangkaikata Tuanku yang tersemat di akhir Titah sebagai doa dengan menyebut "Baldataun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur". Maksudnya: "Negara yang aman makmur mendapat restu dan keampunan Allah". Sungguh besar cita-cita Baginda dan amat tinggi serta mulia harapannya. Saya mengaminkan doa ini dengan penuh khusuk dan tawadhuk tetapi saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat lain bersedia untuk mengaminkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ragu doa yang dipetikkan dari Firman Allah itu dapat dimainkan kerana doa itu sendiri mempunyai syarat-syaratnya dan apatah lagi anggota-anggota Dewan yang terdiri dari penyokong-penyokong Kerajaan belum bersedia untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman makmur mendapat restu dan keampunan Allah.

Sejak dari diasaskan negara ini setelah British pergi, pergi yang laksana semut meninggalkan gula, falsafah dan idealisme para pemimpin Kerajaan adalah untuk mewujudkan negara aman makmur dan adil sama dengan citarasa para pejuang dan pengasas British moden, hasrat untuk mendapatkan restu dan keampunan Allah itu tidak pernah ada di hati masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan "Baldataun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur" yang pertama sekali ialah Perlembagaan Negara ini mestilah merakamkan bahawa hukum

tertinggi bagi negara ini adalah Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Manamana undang-undang dan peraturan yang dibuat bercanggah dengan hukum tertinggi itu maka ia terbatal dengan sendirinya. "Baldataun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur" tidak sekadar kerja kuat lagi rajin seperti orang-orang Jepun dan Korea Selatan, tidak sekadar bersih seperti Pulau Singapura, tetapi mestilah membuat perakuan dengan lidah dan disematkan pula dalam hati masing-masing untuk melaksanakan Islam sebagai addin. Perisytiharan melalui pindaan Perlembagaan itu mesti dibuat untuk dijadikan hukum tertinggi negara adalah al-Quran dan al-Hadis dan kemudian mengambil langkah-langkah sewajarnya secara bertahap-tahap sehingga dalam waktu yang tertentu negara "Warab Bun Ghafuur" itu terserlah dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, negara seperti ini tidak mungkin wujud selagi Kerajaan tidak mampu meruntuhkan kilang-kilang arak, tidak berusaha menggantikan sistem riba dalam badan-badan kewangan dengan satu sistem berakhlak, mencabut fahaman sekular dan assobiah dari hati nurani rakyat dan meruntuhkan institusi yang boleh menjadikan rakyat fasik dan mungkar. Sebuah negara yang memperlihatkan pertumbuhan kedai judi boleh jadi lebih banyak daripada kedai kopi adalah tanda-tanda bahawa negara itu jauh dari peluang mencium bau negara restu dan keampunan Allah, malah bertambahnya jenis judi dan kedai-kedai judi adalah akibat dari bala dan balasan Allah terhadap niat dan arah yang dibawa oleh nakhoda negara.

Tuan Yang di-Pertua, membenarkan anak-anak tidak berdosa membesar dan bersekolah dengan makanan haram, makanan itu asalnya halal tetapi dibeli dengan wang yang haram atau ayam adalah binatang halal tetapi tidak disembelih

maka ia jadi haram. Anak-anak tadi sihat dan cerdik sekali pun mereka dihantar belajar ke Mekah dan Madinah kerana darah dan daging mereka dipenuhi oleh zat-zat haram sekali pun mereka tahu banyak tentang ilmu agama, mereka akan jadi orang jahat yang tidak banyak manfaatnya kepada Islam. Orang-orang yang seperti ini tidak akan membantu mewujudkan "Baladun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur". Mereka mungkin dan boleh menyebut-nyebut dan menggunakan kalimah itu bagi menarik minat dan sokongan orang ramai. Tetapi mereka tidak sekali-sekali akan ikhlas untuk menegakkan negara keampunan Allah itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya hendak mengingatkan bahawa Titah Ucapan yang disediakan oleh Kerajaan ini tidak mustahil dirancang untuk menghadapi satu pilihanraya umum yang diramalkan sudah tidak jauh lagi. Firman Allah ini hendak dijadikan modal oleh Kerajaan bahawa Kerajaan pro-Jepun yang ada ini juga adalah bercita-cita untuk menegakkan negara keredaan Allah dengan harapan bahawa parti yang memerintah boleh mengelakkan perhatian orang yang berminat kepada peraturan Islam dari menyokong kumpulan Pembangkang yang terkuat dari negara ini.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Tanah Merah bangun, hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Justeru itu kalimah Allah itu ada kemungkinan digunakan dengan

sekonyong-konyong untuk strategi parti yang memerintah untuk menghadapi pilihanraya. Mungkin inilah pertemuan kita yang terakhir dan saya berharap ucapan saya ini bukan ucapan "wida" atau ucapan perpisahan tetapi sebahagian dari kita dalam Dewan ini mungkin tidak berpeluang lagi duduk di sini selepas sidang ini kerana pilihanraya umum diramalkan berlaku pada bila-bila masa sahaja.

Suruhanjaya Pilihanraya dengan ini dicadangkan supaya menasihatkan Perdana Menteri supaya mengelakkan pilihanraya itu dilakukan dalam musim haji. Dalam pilihanraya umum yang lalu Kerajaan sengaja mengadakan menjelang waktu haji, sebahagian besar daripada pengundi-pengundi sudah pun ditanah suci, malah ada di antara calon Barisan Nasional dipanggil pulang dari tanah suci untuk jadi calon. Beribu-ribu orang Islam yang mengerjakan haji telah dirampas peluang dan hak mereka untuk menentukan Kerajaan yang mereka kehendaki. Manakala yang lain pula telah membatalkan rancangan naik haji tahun itu dan untuk menunggu setahun lagi adalah suatu yang mendebarkan kerana berbagai-bagai perkembangan boleh belaku.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang bercita-cita untuk menegakkan "Baladun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur" tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menyekat orang lain, khususnya orang Islam dari serba salah sama ada hendak naik haji dengan tenang atau menunggu dahulu sehingga pasti pilihanraya ada atau tidak.

Dalam pilihanraya yang lalu Kerajaan yang ada telah mengganggu ketenangan orang Islam hendak naik haji dan di samping itu mereka merampas hak orang Islam untuk mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar Dewan yang mulia ini mengambil langkah-langkah untuk menghalang supaya pilihanraya tidak diadakan dalam musim haji dan hendaklah dipastikan sesudah habis orang haji pulang dari Mekah maka perlulah Parlimen dibubarkan. Dengan ini masing-masing boleh menjayakan pilihanraya dengan baik sebagai pengundi mahu pun menjadi calon atau pekerja-pekerja pilihanraya. Gangguan Kerajaan dari pimpinan yang ada terhadap orang Islam beribadat, bukan sekadar mengadakan pilihanraya dalam musim haji, malah sebahagian dari orang Islam yang bekerja dirampas dari hak mereka dari menunaikan solat subuh. Langkah pertama yang dilakukan oleh Perdana Menteri sekarang bila memegang jawatan dahulu ialah menyejajarkan jam, mencepatkan waktu setengah jam. Ia diikuti sama oleh Singapura. Ini bererti orang Islam Singapura ikut terlibat dari akibat mencepatkan jam itu. Kerajaan tidak pula mengambil langkah-langkah untuk meminda waktu bekerja di Semenanjung. Perubahan waktu ini menyebabkan sulit bagi orang Islam untuk menunaikan sembahyang subuh dengan tenang, malah antara mereka tidak sempat melakukannya kerana mereka tinggal agak jauh dari tempat kerja. Mereka terpaksa bertolak dari rumah sebelum waktu dan tiba ke pejabat sesudah habis waktu dengan pengangkutan awam yang tidak sempurna sistemnya adalah sukar untuk menentukan mereka sempat tiba ke pejabat sebelum subuh habis.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk mengatakan bahawa Kerajaan telah diserap oleh fikiran Yahudi tetapi seolah-olah Kerajaan telah berfikir secara Yahudi. Mengambil langkah-langkah yang mengganggu orang Islam beribadah. Siapakah yang hendak menanggung dosa pekerja dan kakitangan Kerajaan tidak dapat bersembahyang itu sedang mengikut keyakinan orang Islam

sembahyang subuh berjemaah sangat dituntut? Langkah Kerajaan menyejajarkan waktu dan tidak merombak waktu bekerja bukan menghalang pekerja dan kakitangan Kerajaan sembahyang subuh berjemaah, sembahyang sendiri-sendiri pun tidak sempat. Malangnya, orang Islam Singapura juga ikut menerima masalah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan telah melakukan satu angkara dalam negara ini, maka orang Islam yang tidak dapat solat subuh tadi tidak pula lepas dari dosa yang tidak sempat sembahyang semata-mata atas kesalahan Kerajaan. Munkar dan Nakir tidak akan melepaskan mereka dari seksaan kubur semata-mata atas peraturan itu dibuat oleh Kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Munkar dan Nakir tahu bahawa dosa dan maksiat anak Adam adalah akibat hasutan iblis tetapi malaikat-malaikat itu tidak akan melepaskan mereka semata-mata mereka dihasut oleh iblis.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah keyakinan saya bahawa Kerajaan seperti ini tidak ikhlas untuk menegakkan "Baladun Toi Yibatun Warab Bun Gahfuur" jauhnya panggang dengan api.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Tanah Merah bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Dia tidak beri juga.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri juga.

Tuan Hashim bin Safin: Sampai akhir tidak berikah?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, sila duduk.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini adalah keyakinan saya bahawa Kerajaan seperti ini tidak ikhlas untuk menegakkan "Baldatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur", jauhnya panggang dengan api yang Kerajaan yang ada ini boleh menunaikan ciri-ciri negara keampunan Allah. Boleh juga dihujah dari segi kegagalannya untuk menjadikan hari Jumaat sebagai cuti hujung minggu bagi menggantikan hari Ahad. Sudah 30 tahun lebih merdeka, ia belum bercita-cita untuk memuliakan hari Jumaat dengan menjadikannya cuti awam. Sebaliknya pula, Kerajaan yang ada hendak mengurangkan pula waktu khutbah Jumaat bagi mengelakkan orang mengantuk.

Tuan Yang di-Pertua, khutbah Jumaat adalah penting dan wajib. Islam memendekkan sembahyang Jumaat untuk dua rakaat sahaja kerana menggantikannya dengan khutbah. Ia penting untuk mendakwah, untuk mentarbiahkan para jemaah dan untuk menyampaikan berbagai-bagai isu semasa kepada masyarakat. Ia tidak sama dengan berita-berita akhbar dan lain-lainnya boleh diambil di merata-rata tempat dan dari punca karut-marut tetapi dari ajaran-ajaran yang tertentu dan dari sumber-sumber yang sebenar. Hari itulah sekalian orang Islam berkumpul serentak dan seramai-ramainya hadir. Maka khutbah dijadikan media untuk menyampaikan mesej Islam. Soal mengantuk dan jemu tidak ada kenamengena dengan panjang pendek khutbah itu tetapi mungkin dengan sebab isi dan gaya bahasa orang yang berkhotbah itu sendiri, pihak Kerajaan boleh mengadakan kursus kepada mereka sepanjang waktu.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah orang mengantuk kalau khutbah itu

digunakan untuk memberitahu betapa lebuhraya boleh mengatasi penderitaan orang yang amat miskin atau apa perlunya pula tol dan sebagainya. Kalau khutbah bentuk ini hendak dipendekkan mungkin tidak ada orang yang membantah. Tetapi kalau khutbah yang hendak menyampaikan mesej jihad bagaimana mesti membangun dengan Islam, bagaimana rupa pemimpin dan Kerajaan yang tidak layak bagi Islam, nescaya tidak ada orang mengantuk, kecuali musuh-musuh Islam atau munafik.

Malah alasan kakitangan Kerajaan, di kilang hendak bekerja juga tidak boleh diterima untuk memendekkan khutbah, memang khutbah tidak boleh panjang sangat, tetapi hendak ditentukan ia pendek adalah tidak wajar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau suntuk masa bagi orang bekerja dijadikan alasan maka jawapannya ialah menjadikan hari itu cuti umum, nescaya tidak berbangkit soal khutbah panjang atau pendek.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini alasan diberikan juga kerana susah hubungan dagang dan sebagainya disebabkan alam sekitar mengambil cuti hujung minggu hari Ahad. Tetapi apakah Johor yang paling lewat mendapat bekalan air sepenuhnya dahulu kerana negeri menjadikan Jumaat menjadi hari cuti umum atau atas sebab-sebab kelemahan lain? Apa bezanya pembangunan Negeri Johor yang berjiran dengan Singapura kalau dibandingkan dengan Melaka dan Negeri Sembilan yang cutinya hari Ahad? Saya tidak fikir gaya politik Wakil dari Kota Tinggi dan Johor Bharu yang payah hendak difahami orang itu adalah satu kelemahan yang dicetuskan oleh cuti hari Jumaat atau sikap Wakil dari Gua Musang, yang dirasakan degil oleh orang balik sana, kerana Kelantan juga cuti hari

Jumaat. Bukankah Wakil dari Kubang Pasu yang juga tidak difahami oleh dunia juga datang dari negeri yang cuti hari Jumaat. Setidak-tidaknya tiga tokoh kontroversi negara sekarang datang dari negeri yang cuti hujung minggunya hari Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak nampak Johor begitu ketinggalan dalam pembangunan dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang cuti hari Ahad. Apakah lagi Johor berjiran dengan Singapura dan hubungan antara kedua-duanya tidak terganggu, kalau Kedah, Kelantan dan Terengganu agak lembab pembangunan dibandingkan dengan Perak, Pulau Pinang dan Selangor yang cuti minggunya hari Ahad, saya katakan bahawa ketinggalan dahulu itu bukan disebabkan oleh cuti hari Jumaat tetapi ialah infrastruktur di Negeri-negeri Melayu Yang Tidak Bersekutu itu tidak disempurnakan. Ia jadi demikian kerana negeri-negeri itu tidak punya hasil galian tetapi apabila kedengaran minyak memancut di Terengganu dan emas pula ditemui di Kelantan dan Terengganu, pelabur mulai tertumpu, malah pernah pelabur dari Taiwan dan Hongkong berminat untuk memiliki tanah dan rumah di Pantai-pantai Timur walaupun mereka tetap cuti hari Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang pertumbuhan kedai judi adalah lebih banyak dari kedai kopi, ia adalah satu kiasan. Judi ini berleluasa dan berlipat ganda adalah satu bala dari Allah. Wabak dadah juga adalah bala, jatuh harga getah dan bijih adalah bala, tidak lakunya sawit adalah bala, kempen dunia memburukkan minyak kelapa sawit juga bala, perpecahan ummah juga bala, kedatangan pendatang haram juga bala, jatuh matawang Malaysia pun bala, belum lagi disebut tentang serangan jantung sebagai bala.

Cuma kita tidak pernah mahu memikirkan segala bencana itu

sebagai bala, pada hal dalam Al-Quran memberikan keterangan betapa bala itu telah didatangkan dalam berbagai-bagai bentuk terhadap umat terdahulu kerana kealpaan masing-masing untuk membentuk negara restu dan keampunan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah merenung masalah yang kita hadapi sebagai bala di samping ia juga satu ujian. Judi menjadi bala adalah akibat sistem politik dan ekonomi yang menyimpang dari ketentuan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ekonomi yang dilaksanakan adalah sistem kapitalisma dan akhir-akhir ini ada tercium sedikit di sana-sini sistem sosialisma, Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan untuk mewujudkan perpaduan adalah juga lanjutan dari ciri-ciri amalan ekonomi kapitalisma yang menggalakkan apa juga bentuk laba, sistem ekonomi inilah yang terpakai oleh Amerika dan Eropah. Dari segi pandangan kasarnya, mereka membawa kemajuan dan kekayaan tetapi masyarakat di Amerika dan Eropah mementingkan diri sendiri, berlaku peras ugut, penyelewengan, skandal, jenayah dan sebagainya. Hari ini sistem ekonomi bebas dan sistem politik, demokrasi liberal yang tidak bertunjang kepada falsafah ketuhanan itu sudah membentuk generasi pop dan rock yang mula meninggalkan rohani. Jepun adalah negara contoh di Asia yang berjaya meniru 100% sistem ekonomi dan politik Amerika dan Eropah Barat itu. Apa yang ada di Amerika dan Eropah ada juga di Jepun. Amerika ada John Lennon, penyanyi pop yang terkemuka, di Jepun juga ada Yoko Ono yang menjadi isteri mendiang John Lennon.

Dasar ekonomi Malaysia yang diasaskan atas persamaan sistem barat dan Jepun itu dalam suasana orang miskin adalah antara masalah besar.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Pengkalan Chepa, berhenti sekejap. Jerai bangun hendak apa?

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): Minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dan mereka menjadi mangsa tekanan ekonomi dunia, bukan sekadar sukar untuk mencapai kejayaan, tetapi adalah menjurus ke arah yang sama dan sikap serta cara berfikir masa kapitalisma Amerika dan Jepun itu. Akhirnya, masyarakat Malaysia akan terus dalam kemiskinan, berpecah, perkauman, mementingkan diri sendiri, tidak mengambil berat masalah dan penderitaan jiran, tidak peka dengan iman dan takwa. Menganggap riba suatu yang diperlukan. Judi membawa kemakmuran pada negara, rasuah sebahagian dari budaya moden dan budaya Asian. Menindas adalah adat manusia kini. Skandal adalah sifat pemimpin-pemimpin, biar orang menderita asal diri sendiri senang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang anihnya dalam pengakuan Kerajaan bahawa Islam agama rasmi negara dan slogan pula ditonjolkan bahawa Kerajaan sedang mengamalkan penerapan nilai-nilai Islam, bersih, cekap dan amanah serta kepimpinan melalui teladan, tetapi orang Islam sendiri menjadi Menteri judi dan taukeh maksiat yang bermaharajalela dalam negara. Tidak kurang ahli-ahli agama dalam Majlis

Tertinggi UMNO, bahkan dalam Kabinet Kerajaan sendiri tetapi menjadi Pak Angguk sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah Dasar Ekonomi Baru itu sendiri tidak langsung membawa matlamat meningkatkan akhlak. Dasar Ekonomi Baru sendiri berstrategikan menyusun semula masyarakat dan memerangi kemiskinan tanpa memikirkan strategi bagaimana akhlak masyarakat dan ekonomi yang berakhlak perlu diambil kira sekalipun ada kemampuan Kerajaan dan rakyat untuk menjayakan matlamat DEB itu, tetapi kerana tidak termasuk langsung ruang akhlak sebagai strateginya maka perpaduan seperti inilah yang mendorong muafakat merompak Bank Negara sesudah Bank Bumiputra hampir musnah satu masa dahulu.

Sistem ekonomi kapitalisma tidak pernah mengharamkan judi kerana itulah judi tidak pernah diharamkan walaupun Allah dan Perhimpunan Agung UMNO pernah mengharamkannya. Judi yang haram itu seolah-olah tidak haram kalau tidak UMNO memutuskan dalam perhimpunannya yang judi itu haram. Sesudah Perhimpunan Agung UMNO itu mendapati bahawa yang haram ialah kasino tidak lagi didatangi oleh orang-orang Islam Malaysia tetapi Islam dari Saudi dan Turki boleh pergi manakala judi Toto, Empat Ekor.....

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Bakar (Marang): Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Bakar: Bagilah sekali.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebenarnya bukan saya tidak boleh beri.....

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagilah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Marang duduk, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bukan dia hendakkan penjelasan, tetapi dia hendak mengganggu, sebab itu saya tidak bagi. Kalau dia hendak penjelasan saya bagi peluang, dua jam pun tidak apa.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan, penjelasan. Tidak ganggu.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Saya hendak menyokong Yang Berhormat.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak pakai hak dia, saya hendak pakai.....

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Pakai hak dia belaka.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dan lain-lain pula tidak haram bagi orang-orang Islam. Boleh orang-orang Islam menjadi Pengerusi dan Pengarah. Hari ini Pemuda UMNO Malaysia mengambil keputusan pula untuk mendesak Kerajaan supaya menyekat orang-orang Islam jangan beli nombor ekor, sebagaimana Kerajaan menyekat orang Islam jangan masuk kasino di Genting Highlands. Kalau benarlah bercita-cita dan berazam kepada "Baldatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur", mengapakah tidak pernah mengambil langkah mengharamkannya? Apakah Kerajaan sanggup menghidang dan menyuap

makanan najis dan haram ke mulut rakyat yang tidak berdosa dan cemar? Lupakan ayat Allah yang berbunyi: "Innanmal hamruwalmaizir walansar walazla rijzum miinamal-syaitan". Ayat ini jelas menerangkan bahawa judi itu adalah satu perkara yang najis dan amalan judi itu adalah amalan syaitan.

Apakah Kerajaan mahu bertindak sebagai tindakan syaitan ataupun Kerajaan sendiri mungkin menjadi syaitan?

Tuan Yang di-Pertua, mengapa tiba-tiba Timbalan Presiden UMNO menggesa Kerajaan membuat sesuatu kerana wabak judi berkembang di negara ini. Dia telah mengingatkan saya kepada ketam yang mengajar.....

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order. Perkataan syaitan, kerajaan syaitan itu unparliamentary. Buka buku ada syaitan, bodoh, pekak, bingung, gila semua termasuk, perkataan unparliamentary.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak tuju kepada sesiapa, Tuan Yang di-Pertua, saya buat misalan sahaja. Saya tidak tuju. Dia boleh semak balik ucapan saya. Saya tidak tuju pada sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia kurang telinga. (*Ketawa*). Mengapa tiba-tiba Timbalan Presiden UMNO menggesa Kerajaan berbuat sesuatu kerana wabak judi berkembang di negara ini? Dia telah mengingatkan saya kepada ketam yang mengajar dan mengarahkan anaknya cara berjalan. Ibu ketam ini tidak mungkin dapat membetulkan perjalanan anaknya. Timbalan Presiden UMNO itu adalah yang paling lama duduk dalam Majlis

Tertinggi. Tunku Abdul Rahman pun tidak selama itu. Beliau adalah antara orang yang terus menerus membuat dasar negara ini. Beliau telah menjadi anggota Parlimen semenjak tahun 1955. Cuma seketika sahaja beliau tidak duduk dalam Parlimen kerana menjadi Ketua Menteri Melaka. Ketika itu beliau tetap juga menjadi orang penting UMNO yang bertanggungjawab juga terhadap judi yang ada di hari ini. Apakah yang dibanggakan menjadi orang paling lama dalam anggota Majlis Tertinggi UMNO tetapi kini semacam putus asa bila judi menjadi budaya negara.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, penjelasan. Semasa PAS ada dalam UMNO dahulu apa PAS buat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak bagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak bagi sudah, tetapi saya sudah cakap (*Ketawa*).

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Selama 34 tahun. Tuan Yang di-Pertua, negara ini dikuasai oleh UMNO, judi dibiarkan berkembang, ekonominya bercampur gaul dengan sumber ekonomi judi. Rakyat dihidupkan dalam suasana judi menjadi budaya. Ekonomi orang dan masyarakat yang berjudi lazimnya sekejap naik dan sekejap jatuh. Jatuh adalah.....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri. Duduk. Batu Berendam.

Tuan Shahidan bin Kassim: Anak Timbalan Perdana Menteri hendak beri penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Timbalan Perdana Menteri sendiri saya sudah sentuh—apa lagi anak. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya hendak tahu selama PAS dalam Barisan Nasional apa yang dibuat. Mengapa berdiam diri, membisu seribu bahasa. Sekarang ini sudah kena tendang, di luar baru bercakap jadi hero. Besok masuk balik, dia diam juga. Inilah kerja PAS yang sebenarnya. Bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak bercakap tidak bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya benarkan, saya tidak benarkan orang lain bangun lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dalam Titah di-Raja ada menyebut tentang adanya keadaan ekonomi yang meningkat tinggi pada tahun lepas. Harga timah dan getah juga naik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Saya minta dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta dengan baik. Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya bukan berdasar kepada pengakuan dia. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak, Yang Berhormat. Teruskan Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kenapa sebuk, berasa tidak sedap dengarkah? (*Ketawa*)—Nantilah jawab. Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah di-Raja ada menyebut tentang adanya keadaan ekonomi yang meningkat tinggi pada tahun lepas. Harga timah dan getah juga naik. Demikian juga harga sawit. Benar keadaan ini boleh memberi nafas kepada kita. Tetapi kita mesti sedar bahawa ekonomi kita juga adalah ekonomi judi. Dalam suasana tidak menentu itu keadaan ekonomi yang meningkat itu juga semacam turun naiknya judi. Ia boleh naik sekejap tetapi ia boleh turun dan tidak naik-naik lagi. Dalam keadaan ini jika sistem dan tenaga yang sama dikekalkan juga tidak berlaku perubahan, maka bagaimanakah doa "Baladun Toiibatun Warab Bun Ghafuur" akan terkabul. Dalam suasana inilah Kerajaan membuat langkah-langkah untuk melengkapkan negara ini dengan senjata-senjata yang terbaik seperti perjanjian yang telah dimenterai dengan Britain. Tetapi langkah mempersenjatai sedemikian sahaja tidak cukup untuk mempertahankan negara dalam suasana rakyat dibuai dengan judi, hiburan dan kebendaan.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika telah membekalkan senjata yang cukup untuk tenteranya di Vietnam 20 tahun yang lalu. Soviet Union telah mencurahkan semua jenis senjata termoden ke Afghanistan sejak 10 tahun yang lalu. Tetapi senjata itu tidak mampu memenangkan kuasa penjajah itu. Apatah lagi tentera-tentera Amerika itu dan juga Soviet

telah dikhayalkan dengan botol arak, hiburan dan judi. Shah Iran telah melengkapkan senjata negaranya. Dia tidak manghapuskan judi dan sistem kufar dari negaranya. Bukan sahaja Iran di zamannya tidak mampu membebaskan diri

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Insya Allah, saya boleh habis. Bukan saja Iran di zamannya tidak mampu membebaskan diri dari kongkongan ekonomi asing, senjata itu sendiri tidak mampu mempertahankan negerinya. Dengan ini jelaslah bahawa pertahanan negara ini mesti diasaskan kepada peraturan yang ditentukan oleh Islam. Selain daripada senjata yang lengkap, tentera mesti dididik dengan jihad supaya mereka terpisah dari judi dan hiburan. Mereka mesti didekatkan dengan budaya Islam. Insya Allah, kita akan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin bangkit lagi dalam Dewan ini iaitu saya dukacita kerana Kerajaan tidak mengambil peranan yang cergas dalam menghadapi kes Salman Rushdie yang menempelak, menghina, mengeji, memperleceh dan mempersenda-sendakan Islam, Al-Quran dan Rasul, keluarga Baginda dan sahabat Baginda. Kerajaan Barisan Nasional hanya sekadar tidak membenarkan buku karangan orang keturunan India itu dari diedarkan di negara ini. Kerajaan tidak mengambil berat tentang muafakat negara-negara Eropah dan Amerika untuk menghadapi umat Islam yang membantah penerbitan dan pengedaran buku itu. Kerajaan juga tidak mengambil tindakan untuk menyokong keputusan dan perintah Imam Khomeini untuk membunuh musuh Islam itu. Kami menyokong keputusan pemimpin Iran itu kerana

keputusan itu adalah mengikut ajaran Islam. Kesalahan seperti itu tidak perlu lagi dibicarakan kerana buku itu sah dikarang oleh Salman Rushdie. Kandungan buku itu tidak boleh ditakwil lagi kerana mengandungi cacian dan sebagainya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Saya hendak tanya sama ada PAS bercadang untuk menghantar rombongan membunuh penulis buku itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup. Sila habiskan ayat yang akhir.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tolong beri peluang untuk saya habiskan sebab

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Setengah minit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebab kelmarin wakil Kerajaan sendiri, setengah jam lebih bercakap, tetapi bila disekat oleh Tuan Yang di-Pertua, dia minta lebih sebab banyak lagi yang hendak cakap, sedangkan dia anggota Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri satu minit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta pertimbangan sekadar untuk menghabiskan sekejap saja. Kesalahan seperti itu tidak perlu lagi dibicarakan kerana sah buku itu dikarang oleh Salman Rushdie. Kandungan buku itu tidak boleh ditakwil lagi mengandungi cacian dan sebagainya. Kalau dibiarkan akan melemahkan Islam. Ia akan menggalakkan orang lain murtad sepertinya dari melakukan hal yang sama. Kita tahu untuk membunuh seorang yang berada dalam negara orang lain adalah sukar dan terpaksa menghadapi banyak risiko tetapi

Britain tidak bersedia untuk menyerahkan durjana itu untuk menjalani keadilan. Halangan-halangan yang ada tidak boleh dijadikan alasan untuk melaksanakan kehendak "Balatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur". Oleh Islam yang berkuasa tidak boleh mengelakkan diri mengeluarkan keputusan dan perintah seperti yang dibuat oleh Imam Khomeini. Imam Khomeini telah menjalankan tugasnya. Adalah menjadi masalah orang Islam yang lain untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Kalau sekadar untuk menghapuskan Salman Rushdie tidak susah, Tuan Yang di-Pertua. Boleh dalam diam-diam dihantar squad membunuh atau mengupah penjahat-penjahat Britain. Ramai orang Britain yang berupaya untuk melakukan apa saja terhadap manusia seperti itu asal saja mereka diupah. Demikianlah cara Yahudi, CIA, KGB dan lain-lain badan perisik memusnahkan orang yang mereka benci. Kiranya ini dilakukan maka Salman Rushdie boleh dihapuskan. Umat Islam, Iran, Imam Khomeini dan lain-lain tidak ada apa-apa masalah tetapi Islam mahu berterus terang. Berita itu mesti diisytiharkan supaya ia menjadi pengajaran kepada sekalian orang di dunia termasuk Eskimo di Khutub Utara. Dengan ada perintah itu mesej dakwah Islam sudah dapat disampaikan walaupun Rushdie belum mati. Peraturan Islam itu sudah mula diketahui dan kini manusia di dunia akan mengkaji pula aspek-aspek peraturan antarabangsa Islam. Begitu ramai manusia di dunia, termasuk yang ada di Dewan ini mulai tahu tentang penentangan Islam dalam aspek yang berhubung dengan buku yang tersebut. Demikianlah cara menghadapi isu ini kalau mahu diterima sebagai "Balatun Toi Yibatun Warab Bun Ghafuur".

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana dan gelombang inilah Malaysia harus menentukan sikap

menjadi tuan rumah kepada sidang Ketua-ketua Kerajaan Kommanwel hujung tahun ini. Rakyat Islam Malaysia tidak akan senang menerima kedatangan sekutu Britain dalam Kommanwel sekiranya Britain tidak menyelesaikan kes itu. Kita bukan anti-Britain. Tetapi kita tidak mahu Britain menjadi pelindung kepada perbuatan mencaci Allah dan Rasul.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sangat senang hati menyambut hasrat Puan Natrah, wanita Belanda, yang kita pertahankan kesucian agama 39 tahun lalu untuk pulang ke negara ini. Walau untuk beberapa waktu kita terpaksa menerimanya dalam keadaan apa yang ada padanya dan berdoa moga-moga Allah membuka hatinya ke jalan yang baik. Wajar juga Kerajaan memberi kemudahan kalau beliau boleh menetap di negara kita bersama-sama keluarga, mana tahu hidup semula dalam masyarakat kita boleh kembali semula sebagai sebahagian daripada keluarga masyarakat kita. Saya mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengambil daya usaha membawa Natrah dalam ingatan umat Islam negara ini. Almarhum Dr Burhanuddin, pemimpin PAS yang pernah menjadi anggota Dewan ini, mewakili kawasan Besut dalam tahun 1959 dahulu telah ditahan beberapa tahun di Singapura kerana mempertahankan Natrah dan maruah Islam. Ia adalah juga satu cara mencapai martabat "Baldatun Toiibatun Warab Bun Ghafuur".

Dan untuk mengisi ciri-ciri baldatun thoiibatun warrabun ghafur serta menyampaikan hasrat Baginda dalam Titah Ucapannya, saya dengan besar hati mengharap supaya Kerajaan memberi jawapan yang tegas dalam Dewan yang mulia ini mengenai judi dan maksiat-maksiat yang sedang berleluasa dalam negara ini. Kerana saya tidak percaya dengan dolak-dalek pemimpin-pemimpin Kerajaan seperti

yang telah tersiar dalam akhbar-akhbar pada masa yang lepas. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pertama, Timbalan Perdana Menteri menjawab, Kabinet sedang mengkaji. Kedua, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan yang pulang dengan rombongannya dari Jerman membawa idea baru untuk meningkatkan bentuk penjualan loteri kebajikan. Ketiga, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pulang di Republik Arab Bersatu pula hendak memendek khutbah, bukan hendak mengharam judi kerana khutbah bahaya mengantut, loteri tidak haram, untung banyak dapat duit. Keempat, Timbalan Menteri Kewangan pula mengatakan judi tidak apa-apa dan tidak salah kalau bersih, istilah baru. Kelima, Bapa Kemerdekaan bekas Perdana Menteri yang pertama dahulu tidak setuju dihapuskan kerana banyak mendapat hasil kepada negara. Dia kira hendak sumbat perut sahaja biar rapat ke pintu kubur.

Inilah Tuan Yang di-Pertua titik-titik hitam yang ada dalam kepala pemimpin-pemimpin negara kita hari ini. Saya mencadangkan supaya Kerajaan mengharamkan semua bentuk maksiat dalam negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin haji Daud):
Ahli Yang Berhormat dari Arau.

4.23 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian untuk berucap dan mengusulkan taat setia dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas ucapan Baginda rasmi penggal Parlimen semalam. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah mencatat sejarah sebagai seorang Raja yang serba boleh yang telah meletakkan secebis kisah untuk

diingati dalam sejarah kepada anak-anak kita di hari muka. Saya sendiri secara peribadi amat mengkagumi seorang Raja yang serba boleh dan tidak dapat saya menafikan Tuankulah Raja yang benar-banar berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan bertulis, saya ingin menyentuh dua perkara sensitif yang telah ditimbulkan oleh Wakil dari Pengkalan Cepa. Yang pertama sekali fasal Natrah. Saya rasa wakil dari Pengkalan Cepa, saya sendiri sebagai seorang yang meminati kisah Natrah dan juga Natrah secara peribadi amat menyanjung tinggi atas usaha-usaha beliau untuk kembali ke tanahair. Tetapi sedarkah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa, siapakah Natrah sekarang. Beliau sekarang ini ialah bukan sahaja, saya tidak tahu apakah agamanya, tetapi beliau sekarang ini kalau tidak silap saya tinggal bersekedudukan tanpa nikah dengan seorang yang tidak payah disebut nama di sini dan mempunyai 10 orang anak yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum. Kita belum pasti adakah mungkin Natrah sendiri mempunyai pandangan seperti Salman Rushdie seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kita tidak tahu agamanya. Jadi, janganlah kita memberi sanjungan yang begitu tinggi sebelum kita melihat sendiri siapa Natrah yang sebenarnya. Lain kali sebelum bercakap cubalah kaji latarbelakang seseorang itu terlebih dahulu kerana apa yang kita cakap di peringkat awal mungkin berlawanan di peringkat akhir.

Demikian juga saya ingin menyentuh dan mengkritik PAS.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehkah saya minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia hendak minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak boleh, ucapan bertulis saya panjang sangat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak beri. Dengar dahulu, dengar dahulu. Saya ingin juga merasa kesal kepada PAS yang telah memberi kritikan secara hebat

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: secara hebat kepada judi yang berlaku di Malaysia. Tetapi PAS semasa berada dalam Barisan Nasional tidak pun berbuat apa-apa. Malah Menteriannya dan juga Setiausaha Parlimennya menerima gaji dan menerima elaun dengan perut buncit dengan begitu gembiranya dan tidak pernah pun dengan suara lantang menentang judi yang ada yang telah pun disediakan pada masa tersebut. Sekarang cuba hendak menjadi hero. Saya terpaksa timbul perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak mahu yang saya bercakap fasal judi tadi seolah-olah saya menyokong beliau. Saya sebenarnya membawa perkara ini atas dasar dan prinsip perjuangan UMNO yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin memberi sanjung kepada rakan saya yang mengusul Ucapan Terima Kasih iaitu Yang Berhormat dari Padang Terap dan juga penyokongnya Yang Berhormat dari Bakri. Dalam cadangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat dari Padang Terap satu skop yang menyeluruh ataupun satu grand design

berhubung dengan hal cara serta dengan pendekatan berhubung dengan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat yang telah diutarakannya. Pengutamaan kepada growth ataupun pertumbuhan telah juga diutarakan dalam bentuk penyertaan yang menyeluruh penduduk-penduduk daripada luar bandar yang akan membolehkan masalah kemiskinan perlahan-lahan diselesaikan dan dalam masa yang sama kita dapat menyusun semula masyarakat. Tetapi ada beberapa faktor berhubung dengan Yang Berhormat dari Bakri yang diutarakan dalam bentuk lebih memberi saranan dan juga gesaan daripada meletakkan apakah sumbangan mereka yang sebenarnya ke arah pembentukan satu rupa bangsa Malaysia di hari muka ataupun apakah sumbangan mereka kepada Kerajaan. Mengapakah kita tidak mengambil contoh yang baik di Indonesia, Filipina dan juga Thailand, malah di seluruh dunia sebagai contoh dan teladan yang boleh diikuti dalam mencapai perpaduan nasional.

Kita lihat sahaja di Indonesia orang Tionghua, orang-orang India dan orang Melayu, melalui proses asimilasi telah dapat membentuk satu rupa bangsa Indonesia sebagaimana yang kita lihat pada hari ini. Orang-orang Thailand daripada kaum Laos, orang-orang Patan dan juga orang Cina telah dapat membentuk satu rupa bangsa Thai. Demikian juga di Filipina orang-orang Melayu telah dapat menyesuaikan diri mereka dengan pemerintahan Sepanyol, mereka telah memeluk agama Kristian dan mereka telah mengasimilasikan diri mereka di bawah satu bangsa Filipina. Terdapat juga di antara mereka yang tidak mahu memeluk agama Kristian tetapi memeluk agama Islam dan tinggal di Pulau Mindanao, tetapi mereka ini tetap sebagai bangsa Filipina. Tetapi apakah yang terdapat di Malaysia sekarang? Yang terdapat di Malaysia sekarang ialah kumpulan ethnic

Tionghua, India, Melayu dan lain-lain lagi yang kadang-kadang mengikut dan kadang-kadang tidak mengikut untuk menyesuaikan diri mereka sebagai rakyat Malaysia. Ada satu perkara yang penting yang kita lihat yang memang ternyata dan berlaku di hadapan mata rata-rata mereka tidak mahu mengambil daya usaha untuk bercakap Bahasa Malaysia dengan fasih dan juga tidak mahu menerima asas-asas kebudayaan nasional yang telah dicadangkan.

Saya ingin memberi satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya mengungkit, tetapi sebagai pandangan untuk semua pihak. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melihat pertandingan badminton di antara China dan juga Malaysia. Yang mengagumkan, yang menyedihkan saya, penyokong-penyokong 95% adalah rakyat Malaysia tetapi kita lihat orang-orang yang menyokong pemain-pemain China lebih ramai daripada yang menyokong pemain-pemain Malaysia. Pernah juga saya hadir satu perlawanan hoki di antara India dan Malaysia, 95% ataupun 98% penyokong-penyokong adalah rakyat Malaysia tetapi pemain-pemain India mendapat sokongan lebih daripada rakyat Malaysia. Apakah ini, Tuan Yang di-Pertua, rupa bentuk bangsa Malaysia yang kita kehendaki? Kita membuat tawaran dan sebagainya. Semalam kita telah menyambut, Wakil dari Bakri telah menyebut kita berada dalam satu rumah. Tetapi kalau sekiranya kita berada dalam satu rumah, kita mestilah sesuai untuk bercakap satu bahasa dan juga hidup dalam bentuk satu kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya ingin memberi contoh walaupun terdapat beberapa perkara yang telah saya timbulkan tetapi masih lagi terdapat contoh-contoh yang baik yang boleh kita ambil kira yang mana rakyat Malaysia dan juga ahli-ahli Yang Berhormat dan terhormat ini boleh diambil contoh teladan yang

baik. Baru-baru ini sekumpulan Ahli Parlimen seramai tujuh orang daripada kami telah berjumpa dengan seorang pramugari berbangsa India. Dan ini dia telah berkata, katanya ada satu keistimewaan bagi kami dalam kumpulan pramugari-pramugari MAS iaitu cara pembawaan orang-orang Tionghwa dan orang-orang India telah diasimilasikan melalui pembawaan orang-orang Melayu yang telah meletakkan kami di peringkat yang tinggi tahapnya dalam memberi layanan kepada penumpang-penumpang. Malah dalam keadaan tertentu, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat layanan dan juga cara yang telah dibuat oleh MAS telah menandingi airline lain di dunia termasuk memberi tandingan yang hebat kepada SIA atau Singapore Airline.

Jadi ini menunjukkan satu kombinasi dan asimilasi dalam MAS ini patut dijadikan contoh teladan yang baik kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ahli-ahli politik yang sentiasa bercakap fasal perpaduan nasional. Sebelum terlewat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh iaitu perkara yang saya sebutkan judi tadi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak boleh, ucapan ini panjang. Sekejap lagi saya bagi kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat fasal judi terdapat orang-orang yang tidak berpengaruh yang menggunakan orang-orang yang berpengaruh untuk mengaut hartabenda dan juga melelong negara. Saya tak mahu DAP atau PAS atau mana-mana pihak cuba tepuk tangan atau menyokong saya tetapi ini saya berkata atas perinsip perjuangan saya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

telah menyebut semalam bahawa fasal judi ini telah mendapat perhatian dari Kabinet, maka dengan itu saya ingin memberikan saranan kepada Kabinet, mungkin ada yang dengar di luar ataupun wakil-wakilnya ada dengar di sini iaitu yang pertama saya ingin memberikan saranan di sini Genting Highlands. Genting Highlands kita dapati telah memberikan kekayaan kepada satu manusia yang tuan-tuan tahu tokehnya dan juga keluarganya, hasil dari titik peluh pemain-pemain judi yang kebanyakan terdiri daripada kaum Tionghua.

Saya kesian kepada mereka tetapi mereka telah memberi keuntungan yang begitu besar dan banyak kepada tokeh Genting Highlands ini yang sekarang ini telah menjadi kaya raya dan telah melaburkan segala kekayaannya di negara-negara luar, di Adelaide, di Perth, di Bahamas dan juga lain-lain tempat lagi. Jadi, apakah keuntungan yang kita dapat? Apakah keuntungan yang kita dapat daripada usaha-usaha Kerajaan untuk memberi lesen judi ini selain daripada cukai? Tetapi semua keuntungan dan juga kekayaan tidak dilaburkan di Malaysia, tetapi dilaburkan di luar negeri.

Kita bukan sahaja rugi daripada segi pertukaran wang asing tetapi kita juga rugi dari segi employment dan juga kita rugi daripada segi pertumbuhan ekonomi ataupun growth yang mana sangat kita kehendaki.

Saya juga ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Kabinet supaya lesen Genting Highlands yang sekarang ini sudah pun 'expired' tidak diperbaharui lagi, sebaliknya kita gunakan Genting Highlands yang indah itu sebagai tempat yang mulia untuk membangunkan rakyat Malaysia. Bukanlah sebagai tempat maksiat dan juga kadang-kadang sebagai tempat membunuh diri oleh kerana kalah judi.

Yang kedua, saya sebutkan tadi iaitu berhubung dengan orang-orang yang tidak berpengaruh yang menggunakan orang-orang yang berpengaruh untuk mengaut keuntungan yang besar dengan cepat. Mereka telah diberi lesen judi oleh Kementerian Kewangan. Saya kurang pasti siapakah yang mengeluarkan lesen judi. Adakah Timbalan Menteri yang dua orang itu ataupun Menteri Kewangan sendiri? Siapakah yang mengeluarkan lesen judi itu, siapakah yang mengeluarkan lesen judi untuk One-armed Bandit, Sports Toto, Big Sweep dan lain-lain lagi? Siapakah di Kementerian Kewangan itu, adakah pegawai-pegawai ataupun Menteri ataupun Timbalan Menteri? Ini soalan saya yang tidak pernah dijawab. Saya tahu suratkhbar semua takut untuk melaporkan perkara ini.

Saya ingin bertanya dan saya minta supaya dicatatkan habis-habisan siapakah yang mengeluarkan lesen itu dan yang mengeluarkan lesen itu pula kenapa kepada Berjaya Corporation? Berjaya Corporation ini mengikut laporan saya ialah didalangi oleh dua beradik iaitu Vincent dan juga Danny dan juga tokeh besar TV3. Kenapakah mereka ini diberi lesen judi? Adakah mereka ini diberi lesen judi untuk membolehkan mereka membayar hutang kepada CCB kerana mereka juga adalah orang-orang yang terlibat lebih daripada \$100 juta berhutang dengan CCB dan mengapakah, ini persoalan saya yang menjadi tandatanya rakyat Malaysia sekarang—mengapakah mereka yang berhutang ini pula dibiarkan bebas berleluasa keluar dan masuk negara ini, pada hal orang-orang lain yang berhutang hanya lebih kurang \$5 juta termasuk Yang Berhormat Adib Adam dan juga beberapa orang lagi telah ditahan pasport antarabangsa mereka. Mereka yang berhutang \$100 juta tidak ditahan pasport antarabangsa mereka. Adakah kerana mereka ini dalam Berjaya Corporation

ataupun apakah hubungan mereka dengan Kementerian Kewangan?

Saya minta Yang Berhormat Anwar Ibrahim sebagai Pengerusi Jawatankuasa Anti-Penyelewangan untuk menyiasat bukan sahaja kepada pegawai-pegawai tetapi juga sampai kepada peringkat atasan. Siapakah yang mengeluarkan lesen ini? Adakah dia mengeluarkan lesen ini memanglah sah dari segi undang-undang, kalau ada undang-undang hendak buat macam mana Pak Nik, bawa keluar juga—adakah sah dari segi undang-undang?

Yang kedua, adakah dirujukkan juga kepada Kabinet oleh kerana fasal judi ini perkara yang sensitif dan penting kerana banyak orang minta lesen judi dahulu, Tunku Abdul Rahman pun pernah minta lesen judi untuk buat di Langkawi Country Club, tetapi ditolak sampai Langkawi Country Club terpaksa dijual kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan. Ini lesen yang telah dikeluarkan dengan cara berleluasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat tahu apa akibat One-armed Bandit ini, kita lihat banyak anak-anak sekolah yang telah rosak akhlak mereka yang banyak membuang masa untuk bermain judi ini, bukan sahaja anak-anak sekolah tetapi termasuk pihak askar, termasuk polis, termasuk pegawai Kerajaan rendah dan tinggi yang telah rosak pemikiran mereka kerana terpaksa bermain judi ini, mungkin termasuk orang daripada DAP, yang kita sedia maklum bahawa yang mendapat dan juga mengaut keuntungan hanya kepada kumpulan kecil manusia ini. Saya kira mereka juga bersetuju dengan saya. Sebab perkara ini saya sudah tidak tahan lagi melihatkan dua tiga orang yang begitu berleluasa dalam negara ini. Banyak orang-orang di luar bercakap fasal nama-nama ini, tetapi mereka tidak ada forum yang boleh bercakap oleh kerana surat-suratkhbar dan juga media. Kelmarin saya bercakap fasal

Vincent Tan. Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya juga bercakap fasal CCB, mana ada surat khabar yang laporkan perkara ini? Berita Harian, Straits Times dan sebagainya, mana ada dilaporkan perkara ini? Mereka black out terus sama ada dia takut atau mendapat arahan ataupun

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Ahli dari Pengkalan Chepa minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jangan ganggu, ini tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum lagi benarkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini rahsia nanti tak keluar habis. Mereka takut ataupun mereka mendapat arahan daripada sesiapa ataupun mungkin orang yang sama sebutkan nama yang tadi terlibat sebagai major shareholder dalam suratkhbar yang berkenaan. Kalau macam ini lingkup negara. Wartawan-wartawan sebagai orang bebas, yang inginkan kebebasan, tulislah perkara-perkara macam ini. Orang-orang yang kita sebutkan namanya merupakan petualang negara yang perlu, saya tak tahu hendak cakap lagi, dia tadi hukum bunuh, saya tidak mahu hukum bunuh, sebab saya rasa itu bukan kerja orang Islam hendak bunuh orang tak tentu fasal. Orang Islam sebenarnya hendak hukum orang mesti melalui proses perbicaraan, ini hendak hukum bunuh macam Pak Nik dan Ayatollah Khomeini, saya tidak tahu, tetapi kita mestilah memikirkan bahawa orang-orang ini telah pun banyak merosakkan akhlak dalam keadaan tertentu, telah banyak terlibat dalam orang-orang yang membunuh diri dan sebagainya.

Saya mintalah orang-orang yang tidak berpengaruh ini yang menggunakan orang-orang yang berpengaruh untuk mendapatkan keuntungan. Mengikut angka saya di sini orang yang mendapat pendapatan satu hari \$65,000 daripada perjudian One-armed Bandit dan lain-lain.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi, Pak Nik, sekejap lagi saya bagi, lepas 30 minit saya bagi semua.

Akhir sekali—saya ada 10 minit lagi, sebab saya seorang sahaja wakil Perlis, saya juga berhak untuk minta lebih masa seperti MIC dan juga Pak Nik. Ini bukan akhir, yang akhir sekali 10 minit lagi, yang ini saya hendak bercakap fasal kemiskinan sekejap. Sebab ini yang akhir sekali yang penting, saya rasa, Tuan Yang di-Pertuapun kalau hendak dengar fasal grand design untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri. Ini penting. Kalau hendak dengar bagi masa saya bercakap, kalau tidak, saya tidak dapat bercakap. Ini fasal kemiskinan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman sebagai pegawai Kerajaan dan juga pembacaan, sebab saya juga berkelulusan tinggi, sebab itu saya banyak membaca. (*Ketawa*) Saya dapati tindak tanduk Kerajaan, ini fasal kemiskinan, sebab dalam Jawatankuasa MPEN untuk membasmi kemiskinan, tindak tanduk Kerajaan menubuhkan birokrasi dan juga melolong-lolong untuk tolong rakyat sebenarnya dalam keadaan tertentu boleh memiskinkan rakyat. Itu bukan saya kata, tetapi kawan-kawan saya dalam MPEN yang kata.

Saya rupanya saya bersetuju. Masa saya jadi pegawai Kerajaan dulu saya tidak nampak, sebab saya seronok buat kerja, saya ingat sayalah hero, saya pegawai Kerajaan dan sebagainya sampai saya tak nampak yang saya buat kadang-kadang boleh memiskinkan rakyat. Saya beri contoh, saya sudah sebut dalam masa ucapan tahun 1986—saya ada sebut. Saya kata dulu Ketua Kampung saya, Jawatankuasa Kampung saya, mereka itu lebih sibuk daripada DO, lebih sibuk daripada Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, lebih sibuk daripada Timbalan Menteri Kerjaraya, lebih sibuk daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Fasal apa, dia bermesyuarat kadang-kadang 30 kali sebulan. Fasal apa? Sekejap lagi mari KEMAS, dia kata “datuk-datuk, mesyuarat-mesyuarat”! Dia pun panggil mesyuarat. Sekejap lagi mari Jabatan Pertanian, oh, kita mesyuarat. Mari LPP kita mesyuarat. Mari MADA kita mesyuarat. Mari Wakil Rakyat kita mesyuarat. Mari wakil Menteri kita mesyuarat. Raja hendak melawat kita mesyuarat. Menteri hendak melawat kita mesyuarat. Pak Nik hendak kempen PAS pun kita mesyuarat! Lama-lama gila, habis orang macam ini punya kerja. Dia bermesyuarat 30 kali dan kita lihat semua sekali Ketua-ketua Kampung ini merupakan orang yang paling dhaif dibandingkan dengan orang lain, sebab masanya habis dengan mesyuarat. Sekejap lagi KEMAS suruh beri senarai ini, yang Jabatan Pertanian suruh buat AMP, Jabatan Kesihatan pula suruh buat itu. Jadi macam-macam. Macam-macam lah orang datang ke kampung ini sampai kampung itu tidak tahu hendak buat macam mana. Kalau kita hendak buat dalam bentuk peta, dia jadi bengkok-bengkok, sampai silap-silap boleh jatuh longkang, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan itu, saya mintalah supaya agensi penyelaras seperti ICU atau

mana-mana agensi tolong tengoklah, sudah pening kepala. Lepas itu kita ada pula KEMAS, kita ada pula Jabatan Penerangan. Sudah habis tidak boleh buat kerja, dia pun tidak tahu hendak buat macam mana dia pun wujudlah kumpulan-kumpulan, dia pun hendak pernaikkan diri dia, hendak pernaikkan Wakil-wakil Rakyat yang dia berkenan, akhirnya wujudlah puak-puak dan kumpulan-kumpulan. Hari ini jadilah cerita Kumpulan 46 dengan UMNO. Start dari sinilah bermulanya tumbuh kumpulan. Jadi, kalau Tengku Razaleigh and the gang, Dr Mahathir and the gang mari ke kampung-kampung, sudah ada cerita-cerita puak-puak, kaum-kaum di kampung; jadi senang. Jadi timbullah soal-soal yang saya rasa silap-silap orang confuse, ke manakah arah yang mereka ini hendak dibawa. Ini di kampung-kampung tradisional. Jadi, saya minta sekali lagi supaya one-stop agency ataupun mana agensi-agensi penyelaras supaya melihat perkara ini dan tidak confusekan orang kampung. Kita tahu hendak membasmi kemiskinan ini bukan satu perkara yang payah sangat, tidak payah bohonglah, siapa kata hendak membasmi kemiskinan payah. Semua orang sanggup bekerjasama untuk hendak selesai masalah dirinya.

Saya sekarang ini hendak beri contoh yang baik, saya hendak tunjuk saya buat walaupun saya bukan Timbalan Menteri, bukan Menteri, maaf lah, Tuan Yang di-Pertua, sebab duduk depan saya terpaksa buat contoh. Tetapi saya telah buat satu perkara yang saya rasa boleh membasmi kemiskinan iaitu saya menggabungkan semua pemborong dan pengilang seluruh Malaysia dan menggunakan mereka ini, sebab mereka ini orang-orang berani, orang-orang yang menjadi smugglers dan sebagainya, orang yang berani mati, berani terjun kereta macam stunt man yang kita tengok dalam filem-filem dan mereka ini sanggup mengambil

risiko untuk berniaga menolong orang-orang susah. Kumpulan ini saya rasa kumpulan dinamik yang boleh membantu pihak Kerajaan dan juga diri mereka sendiri untuk menolong diri mereka dan juga menolong rakyat jelata. Jadi ini perkara-perkara yang harus difikirkan. Kita gunakan kumpulan-kumpulan yang dinamik untuk menggerakkan orang lain.

Dulu RPK dia ada penggerak tetapi lepas itu RPK pun diam, penggerak pun mati. Sekarang kita wujudkan balik orang yang boleh menggerakkan mereka. Sebab orang politik ini sibuk, kita melawat sekali sekala ada kompong dan sebagainya, itu tidak cukup untuk menggerakkan mereka. Cari orang yang boleh sepanjang masa untuk menggerakkan mereka ini agar bekerjasama dengan kita untuk menyelesaikan masalah mereka dan juga masalah Kerajaan.

Akhir sekali, 5 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Fasal grand design untuk menjatuhkan Perdana Menteri dan juga Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, orang kata saya melawak. Ini bukan melawak punya cerita, saya serius dan saya bertanggungjawab di atas kenyataan saya ini. Siapa yang terasa dia terkena esok jumpa saya. Sebab lepas ini saya akan pusing seluruh negara untuk menyebut nama dua tiga orang yang berkenaan, biar dia rasa puas-puas siapa yang sebenarnya berkuasa dalam negara ini. Baru PM sakit sekejap dan Tuan Abdul Ghafar baru potong dada, dua tiga orang Menteri sakit-sakit, mereka ingat mereka sudah boleh untuk merampas kuasa dengan secara terhormat. Kita senang menghadapi musuh seperti Tengku Razaleigh, Dato' Musa-dia sudah masuk sebelah sini; dan juga orang-orang lain, sebab mereka musuh terbuka yang boleh kita hadapi tetapi musuh dalam selimut ini yang pening kepala. Saya tahu, malangnya banyak orang tidak berani cakap, yang pertama kalau

dalam backbencher ini dia takut dia payah naik pangkat, yang keduanya tidak dapat jadi Pengerusi apa-apa agensi. Tetapi saya tidak takut apa, sebab saya memang tidak dapat, baik saya bercakap terus walaupun saya orang kuat backbencher.

Tuan Yang di-Pertua, grand design yang saya maksudkan di sini ialah

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada penjelasan Yang Berhormat. Wakil dari Marang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini point sudah hilang habis, jangan kacau Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri peluang dia mencari point.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sebab dia tidak ingat point, dia sudah lupa; jadi saya ingin tahulah siapakah yang dimaksudkan "kumpulan grand design" ini. Adakah yang dimastermindkan oleh DAP, ataupun PAS, ataupun Kumpulan 46 itu sendiri dan fasal hari ini satu benda yang baru dibuka oleh saudara. Saya minta Ahli Yang Berhormat itu namakan dua tiga orang itu supaya senang kita kenal, sebab yang jelas itu jelaslah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Saya hendak sebut nama tetapi bolehkah saya sebutkan nama dalam Parlimen, orang yang terlibat. Boleh atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh, tengok keadaan Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua pun hendak tahu, susah saya! (*Ketawa*) Mereka ini

menggunakan agensi-agensi Kerajaan menggunakan media-media yang orang tidak nampak, tetapi banyak orang nampak dan tidak mahu sebut. Ada Menteri-menteri pun tahu tetapi Menteri-menteri ini hendak jaga hubungan baiklah, hendak jaga itu, hendak jaga inilah, mereka juga takut, tidak seorang pun yang berani. Siapa yang berani? Tidak ada! Tidak ada siapa yang berani hendak sebut walaupun mereka tahu menggunakan agensi-agensi Kerajaan, menggunakan akhbar-akhbar yang mereka berkuasa, menggunakan Kementerian-kementerian yang mereka berkuasa dalam bentuk grand design yang begitu-besar siapakah bakal Perdana Menteri. You tanya tadi pasal apa? Fasal PASkah atau DAP. DAP ini memang sudah lama, kalau boleh merekalah jadi Perdana Menteri. PAS pun dia tidak ada orang yang layak, jadi mungkin dia susah, mungkin kita dia kata layak jadi Perdana Menteri. Tengku Razaleigh kita tahu tujuan mereka memang hendak menjatuhkan Perdana Menteri, itu sudah senang cerita. Kita sudah tahu jadi tidak payah sebut. Ini orang dalam. Orang dalam ini yang menggunakan agensi-agensi tertentu untuk menaikkan diri sendiri dan lepas itu menjatuhkan orang-orang lain seperti Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam bentuk publisiti. Kalau tidak percaya tanya wartawan-wartawan. Mereka lihat sendiri dua buah akhbar yang tidak langsung memasukkan berita-berita Timbalan Perdana Menteri, Perdana Menteri di hadapan. Ini termasuk TV3. Ini cerita apa? Saya tidak kira apalah, saya tidak pernah dapat publisiti pun, tidak perlu. Tuhan akan beri publisiti kepada saya, bukan kamu semua.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, masih umum lagi saya hendak tahu akhbar mana dan siapa dia. Jelaslah sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kelmarin saudara khabar, beritahu dekat saya di antara akhbar yang saudara pening kepala tengok sekarang ini; *The Straits Times* selalu beri berita kepada saya tetapi orang Perlis, orang-orang kampung saya kurang sedikit baca. Tetapi kadang-kadang *The New Straits Times* dan *Berita Harian* fasal apa berita Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri disiarkan di muka ketiga dan keempat selalu? Saya hendak tanya fasal apa cerita tanah runtuh dan lain-lain lagi lepas ke depan? Jadi saya hendak tanya yang itulah. Fasal apa ini berlaku? Mungkin wartawan ini bawa berita bagus-bagus tetapi balik sana, yang chief sana tukar macam itu. Saudara-saudara tidak fikirkan sebagai wartawan bebas! Kadang-kadang berita Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri patut kita ketengahkan. Bubuh di depan sebab itu merupakan berita negara, berita nasional yang perlu dibaca oleh semua pihak baik DAP, PAS, semua; tetapi malangnya berita-berita ini hanya dibubuh di belakang-belakang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat masa seminit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Demikian juga agensi-agensi Kerajaan lain yang telah digunakan dengan secara berleluasa

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat masa satu minit lagi. Kalau hendak sebut-sebutlah! Kalau tidak, masa sudah habis.

Tuan Shahidan bin Kassim: All right, Sir, no problem. Dalam Islam, Tuan Yang di-Pertua, seorang Panglima Islam bernama Uzaimah bin Zaid, umur dia 18 tahun, dia telah dilantik menjadi Panglima Turus Angkatan Islam, nombor satu di zaman Rasulullah s.a.w. dan juga di zaman para sahabat. Dan dia telah

memberi kata dua. Saya minta ini diambil ingatan oleh Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri.

Kepada wanita-wanita yang ikut berperang dengan orang Rome, dia kata kepada wanita-wanita tersebut, "Wahai wanita-wanita Islam, engkau bunuhlah mana-mana lelaki yang cuba lari ke belakang termasuk mana-mana lelaki yang engkau fikir ingin menyeleweng dan tidak mahu berperang". Inilah saya minta supaya Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri mengambil ingatan perkara ini sebelum kita menghadapi musuh secara terbuka seperti, maaf cakaplah, kawan-kawan kita di sini DAP dan juga PAS, kita lihat kawan-kawan kita dalam ini yang setelah kita mencapai kemenangan, mereka sekarang ini perlahan-lahan menggunakan agensi-agensi tertentu, menggunakan akhbar-akhbar tertentu dengan cara halus untuk menjatuhkan imej Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri.

Ingat, kita hanya menyokong yang dua orang itu sahaja, yang lain-lain itu kemudian cerita. Bila naik ke atas, baru kita sokong. Sebelum kita naik, semua sama, sama dengan Timbalan Menteri di sana, tidak ada perbezaan. Orang yang terlibat ini yang saya nampak termasuklah Menteri, Timbalan Menteri, ada juga Setiausaha-setiausaha Parlimen dan juga ada Ahli-ahli Parlimen-tidak ramai, lebih kurang lima, enam orang. Kita tidak hairan. Kita harap mereka ini berfikir dua kali sebelum membuat perkara ini. Kalau tidak, saya akan berkeliaran di seluruh negara, walaupun saya terpaksa naik bas, tetapi saya ada pas keretapi free, saya akan berkeliaran dan menceritakan mereka ini sebelum terlewat.

Kita tidak mahu negara ini hancur sekali lagi dengan permainan mereka. Sudah cukuplah masalah yang kita hadapi sekarang, masalah '46, masalah judi, masalah PAS, masalah DAP

yang gila-gila bercakap, bukan bercakap fasal lain tetapi fasal tahanan, tahanan, tahanan. Fasal ekonomi, fasal orang susah, fasal orang miskin sudah terlupa hingga janggut sampai ke lutut pun tidak akan jadi seorang yang cerdik malah orang akan kata akan jadi orang yang bodoh kalau asyik bercakap fasal tahanan sahaja. Masalah rakyat tidak pernah dipentingkan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Silakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tertib mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya mengucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menggulung ucapan saya, mengucapkan terima kasih dan menjunjung kasih kepada Tuanku atas ucapannya dan supaya Tuanku pun lihatlah apa yang berlaku kepada rakyat sekarang semoga ucapan yang sama Tuanku dapat diberikan pada masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Semporna.

4.53 ptg.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Semporna): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda sewaktu merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac yang lalu. Sesungguhnya Titah Ucapan Baginda yang menyentuh berbagai aspek penting yang berkait rapat dengan kehidupan rakyat adalah jelas menggambarkan betapa Baginda begitu mengambil berat akan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kebawah Duli atas perhatian Baginda itu. Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. sebagaimana kita sedia maklum, di bawah pemerintahan Baginda, negara telah mencapai tahap pembangunan dan kemakmuran yang begitu menggalakkan. Walaupun negara menghadapi pelbagai masalah, namun atas kecekapan dan kebijaksanaan Baginda semua masalah telah dapat diatasi dengan sempurna. Malah rakyat pula hidup bersatu-padu di bawah naungan Baginda. Justeru itu pemerintahan Baginda selama lima tahun akan menjadi ingatan yang berkekalan kepada seluruh rakyat khususnya di negeri Sabah. Kita juga ingin mengambil kesempatan ini berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga memanjangkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong serta kerabat Baginda mudah-mudahan sentiasa di dalam sihat walafiat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Kebawah Duli Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan Raja Permaisuri atas perlantikan Baginda

kedua sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Sesungguhnya rakyat pada keseluruhannya mengalu-alukan pemerintahan Seri Paduka Sultan Perak sebagai Yang di-Pertuan Agong. Pengalaman serta kebolehan Baginda menyakinkan lagi rakyat akan masa depan negara semoga negara akan lebih makmur, rakyat lebih bersatupadu dan Malaysia akan mencipta nama yang lebih harum di mata dunia hendaknya semasa pemerintahan Baginda kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya pemimpin utama kita, Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah selamat menjalani pembedahan pintasan coronary dan kini beransur pulih. Kita berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga beliau cepat pulih seperti sediakala kembali memimpin negara secepat mungkin yang boleh kerana pemimpin beliau adalah amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara kita telah dilanda oleh satu krisis yang agak hebat walaupun pergisiran itu berlaku dalam keluarga dan rumah tangga UMNO tetapi jika tidak dibendung boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan orang-orang Islam yang akan merugikan kita sekalian. Kita bersyukur kerana suasana tegang sudah reda dan keadaan kembali pulih. Kami di Sabah khususnya merasa laga dan berharap peristiwa ini tidak berulang. Marilah kita sama-sama berdoa dan mengambil iktibar daripadanya. Kami merasa bangga atas ketabahan dan sikap toleransi yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Beliau telah memperlihatkan ketokohnya. Ini jelas terbukti apabila beliau bersedia menerima semua resolusi Perjumpaan Melayu Johor semata-mata mahu

berdamai dan melihat perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO khasnya dan rakyat amnya kembali seperti sedia kala. Sikap dan semangat toleransi serta muhibbah yang ditunjukkan oleh beliau seharusnya diamalkan oleh kita pemimpin-pemimpin sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perpaduan yang juga turut disentuh oleh Seri Paduka Baginda, pepatah Melayu ada berkata, "Bulat air kerana pembedung, bulat masyarakat kerana muafakat". Muafakat hanya akan wujud apabila adanya perpaduan dan perpaduanlah yang telah menjadi benteng kekuatan kepada pertahanan negara sejak kita merdeka sehingga sekarang ini. Sesungguhnya ada dua jenis perpaduan yang ingin kita capai dan wujudkan dalam negara ini.

Pertama, perpaduan di antara rakyat dan kedua, perpaduan di antara wilayah, yakni antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kita tidak boleh pisahkan kedua-dua jenis perpaduan ini dalam usaha mewujudkan apa yang dipanggil integrasi nasional. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan yang telah menganjurkan pelbagai program dalam usaha meningkatkan integrasi nasional. Usaha-usaha yang murni ini, hendaklah diteruskan semoga ianya boleh mejadi satu kenyataan yang akan boleh mewujudkan satu bangsa Malaysia yang kuat, yang benar-benar cinta akan negara dan bangsanya.

Saya ingin juga mengambil kesempatan di Dewan ini untuk menggesa bagi menjayakan integrasi nasional ini supaya syarikat penerbangan kebangsaan kita, MAS supaya mengkaji semula kadar tambang yang dikenakan antara Kota Kinabalu-Kuala Lumpur dan Kuching-Kuala Lumpur dan sebaliknya, ini penting memandangkan tambang penerbangan pergi-balik kelas ekonomi yang dibeli melalui agen ke

Manila, Jakarta dan Bangkok adalah lebih jauh murah daripada tambang kelas ekonomi Kota Kinabalu. Begitu juga dengan tambang Feri Malaysia juga wajar dikaji semula untuk membolehkan rakyat yang tidak mampu dapat saling kunjung-mengunjungi dan mengetahui keadaan dalam negara serta merapatkan silaturahmi di antara saudara-saudara mereka di wilayah-wilayah yang disebutkan di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga menyentuh tentang pembentukan Majlis Perunding Ekonomi Negara untuk menggubal dasar ekonomi selepas tahun 1990. Sesungguhnya penubuhan Majlis ini adalah amat tepat dan wajar sekali. Adalah diharapkan rumusan yang dibuat kelak juga mengambil kira masalah bumiputera di Negeri Sabah yang rata-rata masih jauh ketinggalan terutama di bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan kemudahan asas. Sebagaimana yang kita sedia maklum, di Negeri Sabah sahaja beberapa tahun kebelakangan ini tidak banyak usaha yang dilakukan untuk membangunkan masyarakat, khasnya bumiputera Islam. Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan khasnya Majlis Perunding Ekonomi Negara supaya mengambil langkah membetulkan keadaan ini terutama di kawasan-kawasan kampung-kampung di pedalaman dan di pulau-pulau.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkembangan moral dan kerohanian yang disentuh juga oleh Baginda dalam Titah Ucapan Baginda, masyarakat Islam di Negeri Sabah ingin merakamkan penghargaan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Dr Mohamad Yusof Nor di atas daya usaha beliau memberikan perhatian berat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam termasuklah banyak program-program dakwah telah dijalankan sejak akhir-akhir ini. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh

Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini dan juga kerjasama dengan Majlis Agama Islam Sabah sudah pasti, insya Allah, jika dipertingkatkan dan diteruskan akan meningkatkan lagi keimanan masyarakat Islam di Negeri Sabah. Begitu juga dengan program-program berunsur agama yang disiarkan menerusi Televisyen, Radio yang begitu mendapat sambutan para penonton. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan kerana usaha beliau menambahkan waktu siaran dan program-program yang berunsur agama. Sesungguhnya semua usaha-usaha murni ini amat wajar jika dapat dipertingkatkan lagi selaras dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam yang dilaksanakan oleh Kerajaan, mudah-mudahan dapat mewujudkan rakyat yang benar-benar bertanggungjawab dan salih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda telah menggesa rakyat supaya bekerjasama dan menyumbang secara membina kepada usaha Kerajaan, terutama sekali mengenai pelaksanaan sistem penggal sekolah baru dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang begitu menitikberatkan soal akhlak dan disiplin. Pengenalan matapelajaran Agama Islam yang lebih menyeluruh dalam membentuk keperibadian tinggi di kalangan murid-murid adalah amat wajar sekali. Kita berharap kurikulum bersepadu ini akan dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu tetapi ia berakhlak dan berbudi mulia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini guru-guru agama memainkan peranan yang begitu

penting sekali. Di Sabah misalnya, guru-guru agama telah mengorbankan masa, tenaga, keselesaan hidup dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan. Kita tidak boleh menafikan jasa dan pengorbanan yang telah mereka berikan dalam pengembangan syiar Islam di Negeri Sabah sejak negara kita ini mencapai kemerdekaan 26 tahun yang lalu. Bagaimanapun, saya merasa dukacita apabila mengetahui bahawa nasib sebilangan besar guru-guru agama berkenaan selepas diserapkan ke jawatan tetap dan berpencen dalam Kementerian Pendidikan adalah difahamkan pendapatan mereka berkurangan sebaik sahaja mereka diserapkan ke jawatan tetap itu. Dalam keadaan sara hidup yang begitu tinggi di Negeri Sabah, pengurangan pendapatan ini bermakna menjejaskan kehidupan mereka. Saya faham bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai perkiraannya yang tersendiri dalam program penyerapan guru-guru agama ini ke jawatan tetap dan berpencen dan kita berterima kasih kepada Kerajaan atas langkah itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, walau apa pun sekali perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan, janganlah sekali-kali melupakan jasa dan pengorbanan yang telah dibuat oleh guru-guru agama semenjak 26 tahun yang lalu. Kita tidak mahu semangat dan kegigihan mereka luntur akibat dari pengurangan pendapatan ini dan kita hendaklah bertimbang rasa kerana mereka itu juga dalam masa yang sekian lamanya mempunyai tanggungjawab keluarga yang banyak bertambah anak-cucu dan akan diberikan perbelanjaan untuk melanjutkan pelajaran mereka. Oleh yang demikian, saya merayu dan menggesa Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan agar mengkaji semula hal ini demi kepentingan guru-guru agama dan masyarakat Islam di Sabah. Saya berharap Yang Berhormat Menteri

akan memberi perhatian serta kelonggaran kepada masalah yang dihadapi oleh guru-guru agama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil sedikit peluang untuk menyentuh beberapa perkara lain yang ada kaitan dengan kawasan yang saya wakili. Perkara-perkara ini telah juga saya kemukakan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana kehendak penyokong-penyokong dan rakyat yang saya wakili minta supaya perkara ini selalu dikemukakan di dalam Dewan ini untuk mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Perkara yang saya sebutkan ialah pertama sekali saya berterima kasih kerana Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan bilangan doktor di Rumah Sakit Semporna. Tetapi bagaimanapun, perkara-perkara yang penting ialah bilangan katil-katil di Hospital Daerah Semporna ini belum lagi dapat ditambah dan tidaklah dapat menampung bilangan pesakit-pesakit yang hendak mendapatkan rawatan, begitu juga dengan ambulans-ambulans yang begitu uzur keadaannya. Ini sudah tentu menghalang pelancaran perjalanan ambulans yang membawa pesakit-pesakit dari Hospital Daerah Semporna ke Tawau kerana Hospital Daerah Semporna sebagaimana yang saya selalu kemukakan adalah sebuah hospital yang tidak mempunyai peralatan yang cukup untuk merawat pesakit-pesakit yang teruk. Jadi, pesakit yang serius ini selalunya dibawa ke Hospital Tawau. Oleh yang demikian kereta ambulans adalah sangat mustahak untuk Hospital Daerah Semporna ini. Jadi, saya berharap Kementerian yang berkenaan akan menyiasat dan sekiranya benar, dapat mempertimbangkan satu peruntukan untuk mengadakan satu kereta ambulans untuk Hospital Semporna.

Seperkara lagi mengenai dengan pusat kesihatan di Pulau Bun-Bun yang telah dijanjikan pembinaannya oleh Kerajaan semenjak Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi malangnya penduduk di pulau itu masih lagi menunggu janji yang belum ditunaikan itu. Saya berharap perkara ini juga akan mendapat perhatian sewajarnya dari Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kedua selanjutnya yang perlu diberi perhatian wajar oleh Dewan yang mulia ini ialah mengenai bekalan elektrik di kawasan Semporna yang seringkali terputus akibat kerosakan generator. Untuk makluman Dewan yang mulia ini generator yang ada bukan sahaja telah lama dan seringkali rosak, tetapi ada yang baru seperti yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam persidangan Parlimen yang telah sudah. Ianya adalah enjin yang kecil tenaganya sehingga tidak dapat menampung permintaan bekalan tenaga elektrik yang tinggi dari pengguna-pengguna yang semakin bertambah bilangannya. Tempat-tempat yang sering mengalami keputusan bekalan elektrik termasuklah di kampung-kampung di luar-luar bandar yang telah mendapat sambungan tenaga dan tempat-tempat yang penting seperti Hospital Semporna, pekan Semporna, jalanraya yang mustahak, terutama sekali ialah jalan yang menuju ke balai polis dan pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini sesungguhnya telah menimbulkan keresahan di kalangan penduduk-penduduk Semporna, sebagai sebuah daerah yang agak terpencil dan kedudukannya pula berhadapan dengan lautan yang bersempadan dengan negara Filipina. Daerah ini sentiasa menghadapi ancaman lanunlanun dan perompak dari negara jiran yang sentiasa mencari kesempatan dan peluang untuk mengganas. Kita

khuatir dan bimbang sekiranya lanun dan perompak ini mengganas ketika bekalan elektrik terputus, keadaan ini tentu sekali menyulitkan pihak polis untuk bertindak dengan pantas dan berkesan. Kita juga khuatir sekiranya bekalan elektrik terputus ketika rawatan-rawatan kecemasan sedang dilakukan, terutama sekali yang melibatkan pembedahan, tentu sekali akan menimbulkan berbagai masalah kepada para doktor dan para pesakit di Hospital Daerah Semporna. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos wajar sekali mengambil langkah bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk daerah Semporna ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, khasnya Kementerian-kementerian yang berkenaan, anggota keselamatan dan Polis yang telah bersusah payah mengawal keselamatan negeri Sabah dari ancaman lanun-lanun dan perompak-perompak, khasnya di Pantai Timur Negeri Sabah. Kita bersyukur kerana permintaan wakil-wakil rakyat dari negeri Sabah menerusi Dewan yang mulia ini telah mendapat perhatian dan telah ditunaikan oleh Kerajaan. Misalnya, Kerajaan telah merancang untuk membina sebuah Pengkalan Tentera Laut di Sandakan dan baru-baru ini Kerajaan membekalkan bot-bot ronda laju dan kereta perisai dalam usaha menguatkan lagi pasukan keselamatan yang bertugas mengawal keselamatan pantai di Negeri Sabah, khasnya dan di kawasan-kawasan yang penting. Dengan adanya kawalan yang berkesan, kejadian lanun dan perompak mengganas telah banyak berkurangan. Hasilnya rakyat negeri Sabah khasnya di Pantai Timur merasa lega dan dapat menjalankan tugas harian mereka tanpa perasaan takut dan bimbang. Untuk menjamin keselamatan ini berkekalan saya merayu dan berharap Pasukan Keselamatan dapat mengadakan

rondaan sepanjang masa serta menambahkan lagi bilangan anggota yang berkawal jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baginda telah menyentuh berbagai perkara yang perlu diberi perhatian oleh segenap lapisan masyarakat di negeri ini. Seruan Baginda agar rakyat hendaklah menguatkan azam untuk mengeratkan kerjasama dan perpaduan antara satu sama lain adalah amat wajar sekali memandangkan hanya melalui kerjasama dan perpaduan sahaja negara akan aman dan beroleh kejayaan. Demikian juga dengan seruan Baginda agar kita mengenyepikan kepentingan diri supaya negara dapat terus maju dan usaha-usaha pembangunan serta minat daripada pelabur asing dapat ditingkatkan, perlu dijadikan renungan dan seterusnya menjadi amalan kita.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kita harus menjadikan Titah Ucapan Baginda yang berulang kali menyuruh kita berganding bahu sebagai pendorong demi meningkatkan lagi sumbangan dan peranan kita untuk kemajuan dan kesejahteraan negara. Saya juga tertarik dengan Titah Ucapan Baginda yang mengingatkan kita semua terutama sekali ahli-ahli politik, pertubuhan-pertubuhan tertentu dan akhbar-akhbar supaya bersikap sederhana dan lebih bertanggungjawab apabila memberikan pandangan mengenai sesuatu isu. Demikian juga dengan amaran Baginda kepada mereka yang cuba mengambil kesempatan agar lebih berhati-hati dan tidak menyalahgunakan sikap terbuka Kerajaan demi menjamin perpaduan rakyat dan keselamatan negara kita. Sesungguhnya jika kita sekalian rakyat mendengar nasihat dan seruan

Baginda nescaya negara akan selamat dan segala ancaman insya Allah akan dijauhkan oleh Allah s.w.t.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

5.18 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan junjungan kasih serta junjungan budi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah mencemar duli ke Dewan ini bagi membuka Persidangan Dewan Rakyat yang Ketujuh Penggal Ketiga pada 6hb Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang telah dapat kita kutip ambil daripada Titah Ucapan itu dan rata-rata sebagai kesimpulannya dapatlah kita bayangkan sebagai satu Ucapan yang padat yang menuju ke matlamat yang membahagia serta mensejahterakan negara. Saya tidak berhasrat untuk mengupaskannya satu persatu, tetapi di sini saya ingin tekankan beberapa perkara tertentu sahaja.

Yang pertama soal perpaduan. Terlebih dahulu saya

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, point of order, kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat dari Marang. Tidak cukup kuorum.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kuorum cukup, Yang Berhormat dari Marang boleh sambung.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya soal perpaduan. Perpaduan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku menjelaskan merupakan satu aspek yang terpenting dan perlu diambilkira oleh semua pihak. Bila bercakap tentang perpaduan, semua orang hendak perpaduan, PAS pun hendak perpaduan, DAP pun hendak perpaduan, UMNO pun hendak perpaduan, tetapi yang ternyata setakat ini bahawa perpaduan yang biasa ditegak dan dicacahkan oleh Barisan Nasional sahaja dan dalam Barisan Nasional itu, UMNO merupakan tulang belakang.

Baru-baru ini agak kecoh dan kelam-kabut sedikit apabila ada pihak-pihak yang tertentu telah melonggarkan ikatan Barisan Nasional ini akibat daripada tindakan segelintir rakan-rakan kita dalam UMNO keluar daripada UMNO, kemudian menubuhkan "Semangat 46". Saya menyentuh tentang soal ini kerana sejak akhir-akhir ini telah bertukar wajah, style dan juga cara Kumpulan ini di mana kita dapati sebahagian rakan-rakan kita telah pun menyertai kembali UMNO yang pada satu ketika dahulu menjadikan sebagai target untuk menggalang serta merosakkan UMNO itu sendiri.

Sehubungan dengan ini, suka saya menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen dari Kota Tinggi, dari Johor Bahru dan juga dari Benut yang telah dapat bersama-sama kita dalam Parlimen walaupun sebahagian daripada mereka itu masih lagi tidak sebangku, tidak sama dengan barisan apa yang ada.

Saya bersamaan dengan ini menyeru kepada rakan-rakan kita termasuklah yang ada seperti Besut dan yang lain-lain untuk turut sama dalam satu barisan yang kukuh dan kuat. Saya percaya bahawa dengan penyertaan rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen baik dari Besut, Kuala Nerus, Pasir Mas ataupun yang ada di luar Dewan ini, akan membolehkan kita sebagai satu parti yang asal yang berjuang bersama-sama agar bergerak kepada matlamat yang lebih tepat dan juga yang lebih meyakinkan. Saya percaya bahawa. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Adakah kalau mereka ini masuk balik sebelah kita, kita hendak beri balik jawatan-jawatan lama mereka seperti Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nasib baik saya bukan Perdana Menteri. (*Ketawa*) Jadi, saya ingat golongan-golongan yang ada ini perlulah kembali kepada UMNO dan kita percaya bahawa sekarang ini sedang ada golongan-golongan tertentu terutama Democratic Action Party seperti yang ada dalam Dewan ini dan juga parti PAS cuba menggunakan kesempatan ini supaya mengekalkan percantuman golongan Semangat 46 dan juga PAS dan juga DAP bagi hasrat menumbangkan UMNO ataupun Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang. Saya ingat perkara ini tidak akan berlaku, tidak mungkin berlaku kerana sejarah pilihanraya semenjak tahun 1955 yang sudah banyak kali pilihanraya, tidak silap saya sudah lebih 7 kali pilihanraya, tetapi sejarah membuktikan bahawa mereka ini tidak akan berhasil berbuat demikian.

Saya juga melihat bahawa semangat yang ada pada Semangat 46 bukanlah satu semangat yang kukuh, semangat yang boleh memperkuat orang-orang Melayu serta perpaduan sebagaimana yang disarankan dalam

Titah Ucapan Diraja itu. Semangat 46 yang ada pada hari ini adalah merupakan semata-mata semangat untuk memecahkan keadaan yang ada dan semangat yang kita melihat secara terperinci tidak menguntungkan mana-mana pihak. Semangat 46 sebagaimana yang dicacakkan dahulu adalah merupakan satu semangat untuk menentang penjajahan kolonial Inggeris yang ditaja oleh Ratu Victoria, Ratu Elizabeth yang mahu menjadi negara ini sebagai satu boneka, yang mahu merampas segala harta-benda, galian, kekuatan dan juga segala-galanya untuk dikembalikan kepada takhta British.

Jadi, kita melihat sebagai satu permainan oleh orang-orang Mat Salleh ini telah ditentang hebat oleh Semangat 46 itu juga. Begitu juga kehadiran ramai warganegara-warganegara asing telah menyebabkan Semangat 46 satu ketika dulu menentang soal-soal ini. Oleh hal yang demikian, kalau diperbandingkan antara Semangat 46 dahulu dengan Semangat 46 kini, jauh bagaikan langit dengan bumi. Matlamat asasnya adalah berbeza, matlamat dan asasnya adalah bertentangan dengan apa yang diimpi dan dicorakkan oleh para pemimpin dan juga para penunjang serta penegak perjuangan dahulu dengan penegak perjuangan kini.

Oleh itu saya mengandai dan membuat kesimpulan secara ringkas bahawa tidak usahlah kita banyak berfikir, tidak payahlah kita merasa segan silu, ataupun tidak payahlah kita merasakan terlalu banyak dosa, tidak payahlah kita merasakan terlalu banyak ludah yang perlu kita jilatkan kembali. Apa yang perlu kita pentingkan, apa yang perlu kita utamakan ialah mengikut cara ataupun style oleh Yang Berhormat Dato' Musa, oleh Yang Berhormat Tawfik, oleh Yang Berhormat Dato' Shahrir supaya rakan-rakan kita kembali ke dalam UMNO.

Saya tidak mahu melanjutkan perkara ini dengan panjang lebar kerana semuanya sudah sedar bahawa di belakang mereka ini adalah merupakan hantu-hantu, kunci-kunci yang terdiri daripada dalang DAP dan juga PAS yang ingin menjadikan kekuatan orang Melayu, tunggak kepada Barisan Nasional akan hancur dan musnah. Oleh hal yang demikian, saya rasa sudah sampai masa dan waktunya soal perpaduan ini dititikberatkan dengan cara orang-orang yang dipilih oleh rakyat ini kembali ke dalam mangkuk, dalam perjuangan dan acuan sebagaimana yang dahulu sebelum pertandingan 24 April, 1987.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sebutkan di sini iaitu mengenai dengan judi. Rakan saya telah banyak membicarakan tentang soal ini. Soal ini bagi orang merupakan satu isu yang hangat, merupakan satu reaksi yang begitu jelas daripada pelbagai pihak dan juga pelbagai puak. Bagi saya, saya tidak menganggap ini sebagai satu isu. Bagi saya, judi merupakan sesuatu yang memang telah haram, bukan sahaja setakat ini tetapi sejak dahulu lagi, semenjak agama Kristian, semenjak agama Islam, semenjak agama-agama yang lain dijelma dan diwujudkan, judi perlu ditentang habis-habisan. Bagi saya, judi bukan hanya setakat dikawal, bukan setakat hanya dikurangkan tetapi judi jauh daripada itu perlu dihapuskan. Judi membawa banyak bencana, membawa banyak malapetaka. Judi juga boleh memporakkan rumahtangga, judi juga boleh menyebabkan negara itu runtuh, judi juga boleh menyebabkan imej negara tercemar, judi juga boleh menyebabkan manusia berkhayal, judi juga boleh menyebabkan manusia lupa diri, judi juga boleh menyebabkan orang itu lupa tanggungjawab dan sebagainya. Pendek kata, dalam istilah dan juga pengistilahan judi tidak ada suatu positif yang perlu kita utamakan.

Banyak orang bercakap, banyak orang mempertahankan harga judi, banyak orang yang mempertahankan maruah judi semata-mata dikatakan bahawa judi itu memulangkan hasil derma, memulangkan hasil bantuan bagi membolehkan derma dan bantuan itu disalurkan kepada tabung-tabung yang tertentu. Tetapi perlu diingatkan bahawa sesuatu yang haram tetap haram, sesuatu yang tidak halal tetap tidak halal. Tidak bolehlah kalau dikatakan satu periuk, satu kawah daging lembu, daging unta yang halal, yang disembelihkannya tetapi dengan adanya satu titik, dua titik daging babi boleh kita katakan daging unta, daging lembu itu menjadi halal. Walaupun judi merupakan sebahagian daripada aktiviti, yang diterima sebahagiannya oleh Kerajaan tetapi nampak jelas bahawa Kerajaan pada hari ini—minta maaf saya cakap, walaupun saya Government Backbencher, dengan izin, walaupun itu penyokong Kerajaan, tetapi saya ingat kadang-kadang kita hilang punca, kita hilang pemikiran kita sendiri.

Apakah dalam soal-soal kita menerapkan nilai-nilai Islam, apakah kita dalam menjalankan konsep Bersih, Cekap dan Amanah apakah dalam menuju kerana Allah s.w.t. maka unsur-unsur yang ada yang bertentangan dengan falsafah dan perjuangan ini hendak kita ambil kira, apakah ini tidak mempunyai satu kecemasan kepada konsep dan nilai-nilai yang ada sudah barang tentu sekalipun bagi mereka yang cetek pemikiran agama, bagi mereka yang rendah mutu pembelajaran ilmunya mengakui bahawa perkara-perkara ini tidak perlu kita buat dan kita jalankan.

Saya baru-baru ini merakamkan rasa terima kasih, mungkin merakamkan rasa bangga kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Paduka Daim Zainuddin yang menjelaskan bahawa

beberapa tindakan akan diambil di antaranya menarik 70% mesin slot, mengawal serta mengurangkan. Saya kira bila kita menetapkan satu perkara iaitu mengawal.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekejap lagi, selepas ini tengah syok ini, selepas ini saya beri peluang. Iaitu bila kita katakan kita mengurangkan 70% bererti kita menghalalkan baki yang 30% bererti bila kita menghalalkan yang 30% bererti kita menghalalkan judi itu sendiri. Apakah ini merupakan konsep dan ajaran kepada agama kita. Begitu juga kalau kita melihat bentuk judi pada hari ini bukan sedikit, negara ini dicemari dari peringkat tua sampai peringkat muda dari dewasa sampai yang remaja, dari desa sampai kota, dari golongan atas sampai golongan bawah, apa tidaknya kalau kita melihat jenis-jenis judi yang ada, Bigsweep 1960an ditukar menjadi Turf Club Public Sweepstake, Offcourse Betting, Lumba Kuda, Lumba Anjing, Syarikat Escort yang punya yang telah dijalankan pada tahun 1961 berkekalan sehingga hari ini. Begitu juga Sabah Sweepstake yang telah ditukarkan menjadi Super 66, begitu juga 4-D&E bermaharajalela, begitu juga TOTO, LOTO, telah pun berkembang puluhan tahun dahulu semenjak tahun 1970an. Begitu juga dengan Loteri telah pun diamal dan disahkan semenjak tahun 1950an. Begitu juga mesin slot, begitu juga casino yang telah diisytiharkan pada tahun 1973. Kalau saya bilang, kalau saya perhitungkan tidak cukup jari tangan, tidak cukup jari kaki.

Saya kira perkara-perkara ini memberi kesan yang sungguh hebat sebab itulah bila kita membicarakan tentang soal ini saya menganggap ianya bukan isu ianya bukan suatu yang baru tetapi apabila saya katakan ianya telah dilahirkan pada tahun

1950an, 1960an, 1970an bermakna ianya sudah sekian lama dan sudah sampai masa dan ketikanya kita menghapuskan perkara-perkara yang seperti ini.

Saya menggesa supaya pihak-pihak yang ada pada hari ini menjalankan tindakan-tindakan yang jelas seperti mengadakan penguatkuasaan, mengkaji balik undang-undang yang ada, post mortem, begitu juga kita tidak perlu mengadakan hadiah-hadiah yang terlalu lumayan, orang-orang tertentu bila kita bercakap Bigsweep akan menawarkan harga \$3 juta, maka ada orang-orang yang tertentu juga akan mengatakan bahawa kita akan challenge Bigsweep ini, kalau Bigsweep boleh menghadihkan \$3 juta, kita mungkin akan menambahkan lebih daripada itu, mungkin \$3.5 juta atau mungkin \$4 juta atau \$5 juta dan sebagainya. Soalnya bukan kita hendak menambahkan harga ataupun hadiah itu tetapi soal yang pokok kita tidak mahu manusia akan menjadi khayal, judi digalakkan walaupun kita sendiri orang Islam yang pegang kuasa itu tetapi kita tidak tahu. Seolah-olah ia menggambarkan bahawa kita yang mempunyai kuasa tidak boleh membezakan di antara agama, di antara kejahilan dengan kebatilan, di antara yang hak dengan yang batil, di antara yang halal dengan yang haram.

Saya kira perkara-perkara yang seperti ini merupakan perkara yang serius, perkara-perkara yang bukan sahaja melibatkan rakyat, bukan sahaja melibatkan imej negara, bukan sahaja melibatkan orang-orang yang berkuasa tetapi melibatkan persoalan, bukan sahaja di dunia tetapi juga merupakan persoalan yang hakikatnya berjalan ke arah akhirat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian saya kira tidaklah seharusnya kita mengawas ataupun kita mengurangkan, bagi saya kita perlu hapuskan. Mungkin orang

bercakap saya ini terlalu fanatik, mungkin orang mengatakan bahawa saya ini terlalu ekstrimis tetapi cara untuk hapuskan saya ingin syorkan beberapa cara.

Cara yang pertama kita mungkin hapuskan sikap mereka yang gemar judi, caranya terpulang. Yang kedua, kita hapuskan kepada semua orang Islam, siapa sahaja yang bernama Islam, siapa sahaja yang boleh mengucap Ash-hadu alla ilaha Illallah. Wa ash-hadu anna Muhammadar-rasulullah tidak seharusnya di-dibenarkan untuk sama ada memiliki lesen judi, masuk tempat judi atau apa sahaja. Hari ini kita merasa bangga kerana orang Islam tidak boleh masuk di Genting Highlands tetapi ratusan malahan puluhan ribuan manusia Islam yang masuk ke mesin-mesin slot yang berjudi di hotel-hotel, yang berjudi di kampung-kampung, yang berjudi di tempat lumba-lumba kuda macam-macam judi kalau kita hendak sebutkan. Itu yang kedua. Yang ketiga, mungkin kita boleh hapuskan kepada semua kanak-kanak sekolah tidak kira umur, tidak kira peringkat, tidak kira mana juga tempat kategorinya tetapi sebut sahaja sekolah tidak boleh. Yang keempat, mungkin kita hapuskan semualah judi-judi yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya dapatlah saya katakan dalam soal judi ini kita yang berkuasa, kita perlu tentukan jangan orang mengatakan kita, kita pukul orang kita yang menangis, kita yang pukul orang, kita yang menangis, ini satu perkara yang sungguh melucukan.

Begitu juga mengeluarkan lesen judi hanya kadar kawal dan selia sahaja saya kira masih tidak boleh menyebabkan judi ini dihapuskan. Begitu juga saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan tidak lagi bertolak ansur, tidak lagi mengikut arus, tidak lagi mengikut rentak dan tari budaya sundal budaya yang boleh mencemarkan imej negara dan juga

falsafah kerohanian rakyat negara ini sendiri yang berteraskan Islam itu sendiri. Itu bab yang kedua Tuan Yang di-Pertua.

Bab yang ketiga yang hendak disebutkan, pertama perpaduan, kedua judi, ketiga PETRONAS.

PETRONAS hari ini merupakan satu syarikat yang besar, untung besar, negara besar, malahan saya difahamkan kalau sekiranya PETRONAS menarik harta-hartanya boleh jadi hari ini tidak kurang daripada 10 buah bank dalam Malaysia ini akan tidak ada harta pusingan modal untuk berniaga dan juga mengurusniaga. Saya tabik dan ucapkan terima kasih kepada pentadbiran PETRONAS ini tetapi kita kena faham, PETRONAS dia jadi kaya, dia ambil minyak daripada negara ini, PETRONAS menjadi kaya kerana adanya galian dan juga emas mentah, emas hitam daripada dasar laut terutama daripada dasar laut Negeri Terengganu sendiri. Tetapi saya merasa sungguh kesal kerana PETRONAS hari ini tidak menggunakan kapal-kapal dagang daripada Malaysia untuk mendagangkan minyak serta gas ke luar negeri.

Hari ini PETRONAS mempunyai pembeli-pembeli yang banyak dan merata di seluruh dunia. Daripada Jepun sahaja saya tahu ada empat syarikat, daripada Korea ada enam, Switzerland satu, United States of America ada dua, Philippines ada satu, Singapura ada satu. Lima belas syarikat tetapi syarikat-syarikat ini langsung tidak mengambil kapal-kapal Malaysia, tidak mengambil kapal-kapal dagangan daripada MISC, apa lagi daripada syarikat-syarikat yang lain, semua pembelian dilakukan dengan cara F.O.B. PETRONAS tidak amal konsep integrasi nasional, untuk bantu industri, untuk bantu syarikat-syarikat, untuk bantu syarikat-syarikat perkapalan tempatan. PETRONAS seolah-olah

menganaktirikan syarikat-syarikat perkapalan ini. PETRONAS seolah-olah tidak mahu menyelamatkan pertukaran wang asing sebab tidak guna kapal-kapal Malaysia itu sendiri.

Ada pembeli-pembeli daripada MCO daripada Jepun guna kapal asing iaitu orang-orang Jepun beli minyak guna kapal Greek yang berpusat di United States of America iaitu daripada Syarikat Palm Shipping Corporation, USA. Ini semuanya kerana PETRONAS tidak menggunakan syarat kepada pembeli-pembeli tetapi kalau kita melihat Negeri Jepun ataupun negeri-negeri lain mereka tidak menggunakan kapal-kapal daripada negeri-negeri lain daripada negeri asing. Kalau orang Jepun dia menggunakan kapal Jepun, kalau Italy dia menggunakan kapal Italy, kalau Amerika gunakan kapal Amerika. Persoalannya kenapakah PETRONAS tidak mahu menggunakan kapal-kapal asing, kapal-kapal sendiri, tanker-tanker MISC sendiri untuk mengangkut, membawa bahan-bahan mentah minyak ini.

Begitu juga dengan gas-gas asli, kita melihat gas-gas asli banyak sekali iaitu gas-gas, liquified petroleum gas (LPG), Jepun banyak beli iaitu daripada Syarikat Shaw & Shaw CQV Cosmo Oil Co. Ltd. dan daripada Taiyo Oil Co. Ltd. Difahamkan bahawa permintaan dari pembeli Malaysian LPG tidaklah begitu baik sambutannya sekiranya dibandingkan dengan permintaan dari pembeli MCO. Walau bagaimanapun pihak PETRONAS telah dapat dikatakan menyakinkan pihak pembeli dengan harga C&F. Difahamkan bahawa syarikat-syarikat perkapalan tempatan termasuk MISC dan PNSL tidak dibawa untuk mengangkut gas-gas LPG tersebut.

Jadi, ini satu perkara yang sangat memilukan, kata-kata saya ini bukan kata-kata saya semata-mata, tetapi

kenyataan dan kata-kata saya ini disokong oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan terlebih dahulu bahawa Kerajaan telah kerugian sebanyak \$2 billion, bukan \$2 juta, \$2 billion bererti \$2,000 juta setahun akibat daripada tindakan, style PETRONAS ini yang tidak menggunakan kapal-kapal dagangan Malaysia untuk membawa minyak mentah dan juga gas-gas asli ke negeri-negeri sebagaimana yang telah saya nyatakan itu.

Perkara yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya timbulkan di sini iaitu mengenai dengan keadaan yang berlaku di Kementerian Penerangan. Saya sungguh merasa kesal dan sedih di sebalik kegembiraan dan keriangannya saya melihat program-program baru yang diatur oleh pihak Kementerian Penerangan tetapi hari ini satu yang mengecewakan iaitu bagaimana budaya rocks, budaya Kingsway bermaharajalela di peti TV RTM ataupun TV3, macam-macamlah bermaharajalela. Setiap minggu seolah-olah suatu kewajipan anak-anak muda daripada Kingsway yang terloncat-loncat, yang tidak ada identiti, yang tidak bermaruah, yang tidak berdasarkan kepada budaya rentak negara ini yang divedok daripada budaya kuning, yang divedok daripada barat yang digilai oleh anak-anak muda Hippies kini telah beransur-ansur diterapkan ke dalam pemikiran serta wadah rentak perjuangan anak bangsa Malaysia itu sendiri.

Saya merasa kesal bukan sahaja saya tidak faham. Saya telah duduk dan cuba menghayatinya lama-lama, apa lagu yang dinyanyikan oleh budak-budak rock ini, saya pun tidak faham, saya ingat saya seorang sahaja yang bodoh, rupanya orang lain lagi bodoh, mereka lagi tidak faham. Kerana budaya ini seolah-olah mengeneipkan cara serta aliran pemikiran budaya kita yang ada.

Apakah tidak elok budaya yang kita ada? Apakah sekadar untuk melakukan perubahan atau apakah sekadar untuk mengubah citarasa maka kita sanggup soal budaya dondang sayang, soal lagu-lagu Melayu asli, soal lagu-lagu China yang berirama sentimental, soal lagu-lagu India yang begitu baik hendak kita ketepikan, kemudian kita gantikan dengan satu budaya rock, budaya Kingsway yang saya kira boleh merosakkan anak-anak muda. Sebab itulah hari ini terus terang saya katakan budak yang tidak baligh pun bukan sahaja erti menyanyi lagu-lagu Kingsway, bukan sahaja erti menyanyi lagu-lagu rock tetapi terloncat-loncat, terkinja-kinja dengan style dan semangat rock ataupun semangat Kingsway itu sendiri. Bukan setakat terkinjal-kinjal tetapi lebih daripada itu. Cara pakaian, cara rambut, cara duduk, tingkah laku dan sebagainya adalah suatu perkara yang memalukan kita. Oleh itu saya minta serta mengesyorkan supaya Kementerian Penerangan semak balik program yang ada. Jelaskan kepada kami kenapa bentuk budaya ini yang perlu disogokkan?

Kita minta kalau tidak boleh dijelaskan, berhentikan sahaja amalan-amalan ini, gantilah dengan yang lebih baik atau kalau tidak boleh ganti dengan yang lebih baik, eloklah tempat Kingsway dan rockers-rockers itu digantikan dengan Laporan Parlimen yang saya kira lebih ilmiah dan intellectual sifatnya. Seheinggakan hari ini mungkin kerana tersongsong sangat, mungkin kerana terpukau sangat dengan budaya Kingsway dan rock ini hatta kata-kata Yang di-Pertua pun tidak dimasukkan. Wajah Yang di-Pertua pun kurang hari ini. Wajah-wajah kita lagi kurang, jadi kita mahulah laporan ini penting tidak sahaja dikumandangkan intellectual yang penting ini, tidak sahaja dijelaskan dalam bentuk 10-15 minit masa-masa berita sahaja tetapi kita mahu diadakan, ditunjukkan bukan

kerana kita hendak publisiti, bukan kerana kita hendak disanjung tetapi idea-idea itu boleh diterima untuk membangunkan satu bangsa, satu negara yang sihat.

Di Amerika, di Jepun, di Britain, di Eropah serta negara-negara yang maju bukan sahaja ditunjukkan Laporan Parlimen itu, bukan sahaja dinyatakan saban hari dan saban waktu malah ditunjukkan secara hidup-hidup live telecast. Hari ini hendak dikatakan hidup-hidup, 10-15 orang bercakap dua tiga orang baru masuk TV— itupun yang khas, yang dipilih-pilih. Jadi perkara-perkara yang seperti ini perlulah disemak dan diprogramkan balik.

Menyebut tentang Laporan Parlimen, perkara yang lain yang saya hendak sentuhkan juga, sangat sukar bagi kita Ahli-ahli Parlimen pada hari ini hendak lihat teks ucapan kita, hendak cari laporan kita akibat tidak ada satu susunan yang istimewa, tidak ada satu perancangan dan juga tidak ada sistematiknya perjalanan, tidak ada indeks yang hendak dibuat, tidak ada katalog yang disusun. Kalau hendak cari laporan Yang Berhormat katakanlah di Arau—susah, hendak cari laporan dari Yang Berhormat Kulim pun susah, kerana kita tidak ada satu indeks, tidak ada satu katalog yang tersusun jadi hal yang demikian, saya minta disusun, dikaji balik dan dilihat secara sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh lagi satu perkara iaitu tentang Orang Asli. Saya melihat kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar bin Baba menjelaskan kepada kita bahawa Orang Asli ini merupakan sebahagian daripada masyarakat kita, merupakan orang yang terdahulu dan juga orang yang terawal yang perlu dicitarasakan dan juga digelumangkan dengan masyarakat Melayu, jadi

saya kira perlulah infrastruktur, pembangunan, rumah, api, air, kampung diletak dan dimasukkan dalam agenda pembangunan negara Malaysia.

Pada hari ini untuk kita membangunkan masyarakat Orang Asli bukanlah saya rasa sukar tetapi agak payah, sebab Orang Asli itu diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Saya mencadangkan agar Orang Asli ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ini bukan sahaja bersesuaian dengan Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba menjadi orang kuat dan orang utamanya tetapi sudah sampai masa dan ketikanya kita meng'adjust' balik, kita sesuaikan balik agar Orang Asli ini dibudayakan dalam masyarakat Melayu yang lebih terarah dan lebih bersistem bukan dibuat secara "ad hoc", bukan hanya diberikan masa dan waktu untuk bunuh kominis ataupun jaga negeri-negeri sempadan ketika darurat sahaja. Jadi saya kira cadangan saya itu adalah cadangan yang rasional, kerana kita telah melihat sekian lama masyarakat Orang Asli ini telah berubah tetapi perlu dipertingkatkan perubahan itu dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dua minit lagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dua minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat satu perkara yang terakhir iaitu tentang "grand design" tadi. Dalam soal ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Arau bahawa ada golongan-golongan tertentu yang mengambil kesempatan baik dari kalangan Menteri atau Timbalan Menteri yang ingin berusaha mungkin kerana sesuatu sebab ataupun keadaan untuk mengganggu

gugat serta mengkelam kabutkan keadaan. Kita minta perkara-perkara ini dihentikan dan perkara-perkara ini tidak diamalkan dalam masyarakat kita yang sedang menuju ke arah yang lebih baik dan juga yang lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali, kita Malaysia sebagai sebuah negara Islam, kita mestilah menghayati perjuangan saudara-saudara Islam kita yang lain. Kita mahu perasaan dan juga perkara-perkara yang berlaku di negara kita, di negara lain diambil kira. Kita juga mesti merasa pahit maung pada pejuang-pejuang Islam di negara-negara Filipina, di Thailand dan yang terpenting sekali di Afghanistan. Kita merasakan negara Afghanistan itu merupakan sebahagian daripada negara kita, sebahagian daripada rakyat kita, kerana dalam Islam ia tidak ada batas dan sempadan.

Hari ini kita mahu menanya Kerajaan kita, apakah bentuk bantuan yang telah diberikan kepada Kerajaan Afghanistan? Apakah setakat hanya kita memberikan serta menyatakan perasaan simpati sahaja, ataupun rasa-rasa kasihan belas sahaja, dengan hanya memungut pakaian sahaja, ataupun dengan hanya mengeluarkan wang ringgit sahaja? Di manakah letak nilai budi kita sebagai manusia yang sezaman, manusia yang berjihad bersama-sama dalam soal memberikan bantuan-bantuan yang lebih hebat dan berkesan. Apakah tidak mampu kita mengalih cara, mengalih tindakan kita kepada yang lebih drastic, yang lebih difahami dan dirasa oleh saudara-saudara kita.

Mungkin kita tidak mampu untuk bersama-sama ke medan perang menentang orang-orang Soviet Union, menentang orang-orang Russia tetapi kita boleh banyak cara yang kita lakukan kepada kebaikan ini. Pertama, misal kata kita mengambil anak-anak perang ini yang ratusan, ribuan di medan perang baik di sekitar Kabul ataupun di tempat-tempat yang

lain untuk dijadikan anak angkat secara besar-besaran. Kedua, mungkinlah kita dapat memberikan satu peruntukan yang besar baik dari segi wang, baik dari segi alat senjata dan sebagainya. Ketiga, mungkin kita akan dapat melatih orang-orang Afghanistan ini supaya dapat mengajar orang-orang Regim Soviet ini keluar daripada tanah air itu sendiri.

Saya melihat, Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang jihad, kita mestilah menganggapkan bahawa jihad itu adalah diwajibkan oleh Allah Subhana wataala kepada seluruh umat Islam bukan bererti jihad sebagai media pertikaian atau penyaluran cita-cita peribadi tetapi kewajipan jihad itu dimaksudkan sebagai perlindungan terhadap aktifitas dakwah, jaminan bagi suasana perdamaian demi kelancaran berlangsungnya risalah Allah yang dipikulkan di pundak seluruh umat Islam. Menurut seorang pujangga Islam yang bernama Hassan Albana, dalam bukunya Aljihad Fisabilillah terbitan Alistihad Alislami Alalami, Kuwait 1978 menjelaskan bahawa Allah mewajibkan jihad kepada seluruh orang Islam bererti sama ada ia orang Malaysia, sama ada ia orang Afghanistan ataupun orang apa sahaja mestilah kita merasakan jihad itu adalah merupakan tanggungjawab bersama. Oleh itu kita menyeru supaya seorang Muslim turun ke medan perang maka tujuan utamanya ialah untuk kalimatullah tetap luhur, sebab ugama melarang jihad dicampuradukkan dengan tujuan yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk meringkaskan keadaan ini dan juga kerana masa yang begitu terhad, saya sekali lagi menjunjung kasih serta menjunjung budi, menjunjung setinggi penghargaan dan juga ingatan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah

memberikan satu Titah Ucapan yang begitu bermakna yang menyeluruh kepada aspek kehidupan dan juga menuju kepada matlamat kesejahteraan negara ini sendiri. Oleh itu, saya dengan penuh kesedaran dan keinsafan menyokong penuh Titah Ucapan ini dan diterima sebulat suara di Dewan yang mulia ini, Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rajang.

5.52 ptg.

Dr Nicholas Munong Anak Ibau (Rajang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dulu saya ingin menyampaikan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang menyeluruh dan harus menjadi panduan kita bersama untuk membangunkan negara yang kita cintai ini menjadi lebih aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik di atas langkah Kerajaan kerana telah menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara mengikut prinsip demokrasi di mana Majlis itu dianggotai oleh wakil-wakil dari semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan latarbelakang. Dengan ini saya berharap Majlis itu akan dapat memberi keputusan yang menyeluruh dan rasional yang boleh dijadikan panduan Kerajaan kita untuk merancang dasar ekonomi negara kita selepas tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini kita telah mendengar berpuluh-puluh kali Ahli-ahli berucap yang bersimpati dengan kedudukan semua orang yang miskin dari Sabah sampai ke Perlis, dari luar bandar ke bandar dengan sebulat suara iaitu satu strategi dasar ekonomi negara kita ialah untuk

membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, adakah kita tahu di manakah letaknya golongan orang miskin dan di negeri manakah kemiskinan dan kemunduran masih terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang ada pada kita kemiskinan sering didapati di desa, di luar bandar, di kampung-kampung dan di pedalaman. Jika kita mengkaji di antara negeri-negeri ini rakyat di negeri Sabah dan Sarawak masih dalam ketinggalan dan masih mundur. Dengan ini izinkan saya memberi keterangan statistik sosio ekonomi mengenai pencapaian orang-orang Sarawak untuk keterangan kita bersama.

Pada tahun 1976 tahap kemiskinan di Sarawak mengikut suku kaum ialah seperti berikut. Dalam tahun 1976 di kalangan orang Melayu ialah 18.2% dan dalam tahun 1982 peratusan itu berkurangan sampai ke 13.2%. Di antara orang Melanau ianya dari tahun 1976 ia berkurangan dari 7.4% kepada 1.4% dalam tahun 1982. Di kalangan orang Cina dalam tahun 1976 ianya 14.0% dan berkurangan kepada 8.7% dalam tahun 1982. Di antara Orang Ulu ianya berkurangan daripada 3.8% di tahun 1976 kepada 1.3% dalam tahun 1982. Di antara orang Bidayuh ianya dalam tahun 1976 ialah 11.3% dan peratusan itu bertambah kepada 25.5% dalam tahun 1982. Di kalangan orang Iban peratusan orang yang miskin ialah 45.3% dalam tahun 1976 dan kadar itu bertambah kepada 49.5% dalam tahun 1982.

Dengan keterangan statistik yang amat terang sebagai cermin Kerajaan kita, statistik itu ialah satu tanda dasar ekonomi yang telah dijalankan di Sarawak adalah amat menyedihkan di kalangan orang Dayak di mana kemiskinan bertambah. Bolehkah negara kita mengambil Sarawak sebagai negara contoh.

Tuan Yang di-Pertua, dari satu aspek ianya telah berjaya mengurangkan kemiskinan di antara orang Melayu, Cina, Melanau dan Orang Ulu tetapi di kalangan orang Dayak, Iban dan Bidayuh ianya gagal dan menunjukkan kemajuan yang tidak seimbang. Oleh itu saya memohon Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mengambil berat di atas apa yang terjadi di negeri Sarawak dan mengambil langkah yang seimbang dan sesuai untuk membaiki tahap kemiskinan di negeri itu. Saya mengenangkan perkara ini bukan bertujuan hendak mengungkit-ungkitkan sentimen perkauman. Saya mengenangkan perkara ini oleh kerana saya yakin rakyat di negara ini ialah rakyat yang sudah mature yang bersikap bertoleransi dan menghormati kehendak dan hak masing-masing. Rakyat dan Kerajaan kita sudah terkenal sebagai rakyat yang bermurah hati dan sanggup menolong sesiapa sahaja baik ianya di dalam negeri ataupun di luar negeri seperti di Palestin atau di lain negara. Apa yang saya ingin sampaikan ialah di dalam usaha kita yang ingin sanggup berkorban ke mana-mana sahaja, sanggup berucap berbagai-bagai topik di negara ini—janganlah kita terlupa kepada anak-anak kita sendiri yang tinggal dalam kelaparan. Saya berharap Kerajaan menyambut baik keterangan saya ini dan dengan hati yang terbuka bersedia memberi bantuan kepada mana-mana pihak yang patut diberi pertolongan di negara ini baik ianya di luar bandar atau di negeri-negeri di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemunduran dan kemiskinan adalah disebabkan banyak faktor dan saya bersetuju ianya bukan perkara yang mudah diatasi. Di Sarawak beberapa faktor yang saya dapati menjadi penghalang kepada kehidupan rakyat. Satu faktor ialah kekurangan pendapatan, kekurangan infrastruktur yang baik

dan kekurangan basic amenities, dengan izin, seperti hospital dan klinik. Oleh kerana kekurangan infrastruktur yang baik, kekurangan klinik dan hospital yang berdekatan rakyat di luar bandar terpaksa memerlukan belanja yang besar ke bandar-bandar dan klinik-klinik atau hospital yang jauh. Oleh yang demikian, pendapatan yang kecil yang mereka dapati dekat habis dibelanjakan dan tidak ada yang lebih yang harus digunakan untuk mengusahakan projek pertanian yang boleh memberi hasil kepada mereka. Maka dengan ini saya sekali lagi menyeru supaya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membina banyak lagi infrastruktur yang baik diluar bandar di Sarawak dan membina banyak lagi hospital dan klinik di desa-desa di Sarawak.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai hal petani. Satu halangan hidup orang-orang petani di negara ini ialah kenaikan harga baja dan harga racun-racun yang disebabkan oleh penurunan nilai mata wang kita. Maka dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan mengurangkan cukai kepada bahan-bahan tersebut dan memberi subsidi baja dan lain-lain kepada petani terutama lagi kepada petani yang terlibat dengan tanaman yang membawa pertukaran wang dari luar negeri kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-akhir ini Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas untuk menentukan supaya pembayar-pembayar cukai membayar cukai yang berpatutan oleh kerana cukai itulah satu tulang belakang Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang mengumpul cukai yang tegas adalah baik tetapi sekiranya ianya tidak diikuti dengan langkah jimat-cermat dan langkah yang bertanggungjawab oleh kakitangan Kerajaan yang diberi tanggungjawab membelanjakan wang Kerajaan, ianya akan menjadi sia-sia

sahaja. Dan ini akan menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat yang bertungkus-lumus bekerja dan membayar cukai kepada Kerajaan. Wang Kerajaan adalah wang rakyat. Di satu ketika dahulu ada satu slogan yang dilambai-lambaikan di merata-rata tempat ialah "Bersih, Cekap dan Amanah". Dan saya berharap slogan seperti itu selain dari ajaran agama kita masing-masing, masih menjadi amalan dan panduan hidup kita. Tetapi mengapakah kes penipuan, kes pecah amanah, kes pecah rasuah sering berlaku? Maka dengan ini saya mencadangkan iaitu Kerajaan mengkaji undang-undang pecah rasuah, pecah amanah dan penipuan dan menjatuhkan hukuman yang lebih berat kepada sesiapa pun yang terlibat. Pada pendapat saya, seorang yang terlibat di dalam kes pecah rasuah, pecah amanah dan sebagainya adalah musuh kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya pernah mencadangkan iaitu Kerajaan patut memberi banyak lagi peruntukan kepada kawasan saya untuk membaiki jalan kampung yang lama yang tidak pernah dibaiki. Dengan peluang ini, saya ingin menyampaikan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri yang telah mengagihkan sebanyak lebih dari \$2 juta untuk membaiki dan membina infrastruktur di kawasan saya dalam tahun 1988. Tetapi malangnya pada masa ini rakyat di kawasan saya itu merasa ragu-ragu dengan apa yang terjadi, apa yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Luar Bandar Sibu yang dipengerusikan oleh seorang bekas Ahli Parlimen. Semenjak beliau menjadi pengerusi di majlis Daerah Luar Bandar di Sibu, ada beberapa projek yang berjumlah beribu-ribu ringgit, berpuluh-puluh ribu ringgit yang tidak dilaksanakan mengikut aturan Treasury Instruction atau Arahan Perbendaharaan di mana banyak projek itu dilaksanakan bukan dengan cara tender, tetapi mengikut

quotation, yang pada pendapat saya tidak patut. Perkara itu telah diketahui oleh semua golongan orang-orang di Sibul terutama lagi orang-orang kontraktor yang ada di Sibul, oleh kerana projek yang berjumlah berpuluh-puluh ribu itu tidak dilaksanakan dengan mengikut tender.

Sebagai satu contoh di kawasan saya, ada satu projek membina jalan kampung menuju ke Sungai Siong yang telah diagihkan sebanyak \$70 ribu mengikut jawapan yang diberi kepada soalan saya yang saya kemukakan di Dewan ini dahulu. Projek itu tidak dijalankan menerusi tender, tetapi hanya menerusi quotation sahaja. Pada masa ini projek itu telah tidak disempurnakan, tidak dijalankan dengan baik dan akhirnya dengan duit yang begitu banyak, Majlis Daerah Luar Bandar di Sibul hanya dapat membina jalan yang jauhnya tidak melebihi 3 batu dan pada masa ini tidak memberi faedah kepada sesiapa pun.

Saya timbulkan perkara ini oleh kerana tahap kerja yang dijalankan adalah amat rendah. Dengan ini saya memohon supaya Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri mengkaji apa yang terjadi dalam pengurusan dan pelaksanaan projek yang dijalankan oleh Majlis Daerah Luar Bandar di Sibul pada tahun 1988, terutamanya projek membina jalan kampung di Sungai Siong, projek jalan kampung di Rantau Panjang, projek jalan di kampung Pasai Engkabang dan juga di Sengan dan juga di Ulu Assan dan mengemukakan laporan itu kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempertengahan perkara ini oleh kerana apa yang terjadi di SRDC Sarawak ialah projek yang melibatkan wang Kerajaan dan wang rakyat kita. Oleh kerana pelaksanaan projek di situ adalah tanggungan kita bersama, saya yakin semua rakyat di negara ini inginkan perkara yang tidak betul

dibetulkan supaya orang yang patut menerima kemajuan mendapat faedahnya dan tidak memberi keuntungan kepada seseorang yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri, saya merasa bangga di atas tindakan yang diambil oleh tokoh-tokoh parti UMNO yang pada satu ketika dahulu berpecahbelah tetapi masa kini sanggup bersatupadu, sanggup mengampuni antara satu sama lain. Dengan ini saya bersyukur supaya Tuhan mencepatkan proses percantuman tokoh-tokoh parti UMNO supaya Kerajaan kita boleh menumpukan segala tenaga untuk membangun rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini untuk mengakhiri, saya sekali lagi menyokong Usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya bersyukur kepada Tuhan supaya Tuhan melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sibul.

6.10 ptg.

Tuan Tiew Sung Seng (Sibul): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas titah ucapan Baginda yang sangat menyakinkan kepada Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali saya ingin menyentuh tentang kecekapan dan keamanahan Bank Negara kita. Bagaimanakah

wang sejumlah \$22.2 juta boleh lesap dari Bank Negara? Kelesapan ini saya anggap sebagai satu skandal yang lebih serius daripada skandal BMF kerana ia berlaku di bawah hidung Bank Negara sendiri, dengan izin, it happens under the very nose of the National Bank.

Salah satu kewajipan Bank Negara adalah menyelia dan mengawal semua institusi kewangan di negara kita. Jika Bank Negara sendiri tidak bersih, bagaimanakah ia boleh membersihkan institusi-institusi kewangan negara kita? Kehilangan wang berjumlah \$22.2 juta itu telah menimbulkan berbagai macam soalan di kalangan masyarakat kita.

Pertama, bolehkah Bank Negara dapat dipercayakan lagi berfungsi sebagai Bank Negara yang dimaksudkan?

Kedua, siapakah yang semestinya dipersalahkan dan didenda?

Ketiga, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap penipuan itu?

Keempat, adakah kejatuhan nilai wang ringgit kita disebabkan sebanyak sedikit oleh kejadian skandal ini?

Kelima, sama ada Bank Negara akan mengkaji, mengambil suatu tindakan yang positif dan keras untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap Bank Negara? Saya merasa keciwa dan malu dengan prestasi Bank Negara kita.

Saya mencadangkan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Penyelewengan Dalam Kerajaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan atau Badan Pencegah Rasuah menyiasat kes kelesapan ini dan mempersoalkan eksekutif-eksekutif yang tertinggi termasuk Gabenor Bank Negara sendiri bagi mencari sama ada kelesapan itu disebabkan oleh

penyelewengan atau kelalaian mereka sendiri.

Persoalan kedua, mengenai IRD (Inland Revenue Department) atau Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya merasa penuh kesal dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri atau IRD itu khususnya dalam laporan di suratkhbar mengenai latihan silat yang diberikan kepada 2,000 graduan tempatan yang diambil yang juga dilengkapi dengan 50 buah Land Cruiser dan 50 pucuk pistol. Adakah ini pernah diluluskan oleh Kerajaan dan adakah sebarang negara di muka bumi yang mempunyai pasukan bersenjata api di IRDnya seperti di Malaysia?

Saya berpendapat bahawa IRD langsung tidak memerlukan perlengkapan senjatapi untuk menjalankan tugas mereka. Jika pegawai-pegawai IRD menghendaki perlindungan bersenjata, bila-bila masa sahaja mereka boleh meminta bantuan dari pihak Polis. Jadi manakah justifikasinya untuk IRD melengkapi pegawai-pegawai dengan pistol. Seandainya semua Jabatan mencontohi IRD, jadi Malaysia adalah satu negara yang mempunyai semua jabatan yang bersenjatapi. Bukankah ini akan menjadikan Malaysia suatu Police State?

Barangkali IRD kita dengan perlengkapan senjatapi itu bersedia mengisytiharkan perang dengan pembayar-pembayar cukai pada keseluruhannya di negara kita?

Adakah perbuatan ini bijak? Pernahkah IRD memikirkan kesan yang buruk pada kesudahannya?

Bagi saya dan rakyat Malaysia amnya, langkah IRD itu tidak berfaedah langsung, melainkan mencari kekacauan untuk mereka sendiri sahaja.

Nilai wang kita yang telah turun sampai ke satu tahap yang sangat membimbangkan. Kegiatan-kegiatan

terlampau IRD itu yang mulai dijalankan setahun lalu telah menjadi satu faktor yang menyebabkan kejatuhan wang ringgit kita kerana terlalu banyak wang ringgit telah keluar dari Malaysia akibat ketakutan. Wang ringgit sebanyak itu di pasaran negara asing tidak dapat dijual kecuali dilepaskan dengan nilai yang rendah. Dengan perlengkapan senjata IRD itu, keadaan nilai ringgit itu tentu akan terus merosot. Saya merayu kepada pihak yang berkuasa supaya tindakan keras diambil dengan segera untuk menghentikan tindakan-tindakan terlampau yang sedang dijalankan oleh IRD dan melucutkan senjata IRD.

Persoalan ketiga adalah matawang Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan nilai matawang Malaysia telah menjadi satu tajuk perbualan yang hebat di kalangan rakyat Malaysia. Nilai wang ringgit kita telah jatuh kepada satu paras yang paling rendah dalam tempoh 16 tahun ini. Sehingga 22hb Februari, 1989 kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan dollar Singapura iaitu \$100 Malaysia cuma bernilai S\$71.33 sen sahaja. Pada 5hb November, 1988 M\$100 bernilai tinggi sedikit iaitu \$73.88 sen. Bukankah ini cukup menakutkan dan membimbangkan orang ramai.

Pertama, jangan menggunakan rezab wang asing untuk membayar hutang luar negara.

Kedua, menukarkan sistem percukaian kita yang tidak menyenangkan yang menyebabkan wang ringgit negara mengalir dengan banyak ke luar negeri.

Ketiga, menaikkan kadar bunga di negara kita yang paling rendah sekarang.

Keempat, Bank Negara diarahkan bersedia mengambil tindakan bila-bila masa sahaja menyokong kadar pertukaran matawang Malaysia.

Kelima, menghentikan dengan segera tindakan melampau yang sedang dilakukan oleh IRD.

Keenam, menghapuskan semua sekatan yang menjadi halangan kepada pelaburan-pelaburan asing dan tempatan.

Ketujuh, menghapuskan semua red tape dan birokrasi dalam jabatan-jabatan Kerajaan supaya semua permohonan-permohonan asing dan tempatan untuk melabur di negara kita dapat diproses dan diluluskan dengan cepat dan lancar.

Kelapan, membuka pintu Malaysia kepada peniaga-peniaga dari negeri China supaya mereka boleh datang dengan bebas untuk perniagaan dan pelaburan.

Kesembilan, membenarkan peniaga-peniaga Malaysia kebebasan melawat Cina untuk berniaga kerana ianya adalah merupakan satu pasaran yang terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul yang dibentangkan di sidang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

6.20 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, pada hari Kelmarin di dalam jawapan soalan lisan Timbalan Menteri Kewangan mengatakan kegiatan judi haram adalah sebanyak \$5,000 juta setahun didapati daripada laporan Polis. Maka Kerajaan terpaksa mengeluarkan lesen judi yang sah untuk mencegah judi yang haram itu serta membawa hasil cukai daripada perjudian itu untuk kebajikan masyarakat.

Jika dasar seumpama ini boleh diterima oleh masyarakat umum maka negara Malaysia mempunyai banyak pelacur, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi lesen atau sijil kepada pelacur untuk mengurangkan bilangan pelacur yang haram demi membawa cukai lumayan kepada Kerajaan dan juga senang dikawal kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lojik Menteri yang seumpama ini sukar diterima oleh masyarakat Malaysia memandangkan perjudian adalah satu kegiatan yang sangat-sangat merosakkan moral serta akhlak orang-orang Malaysia. Biarlah kita melihat merata-merata tempat di Malaysia ini khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang terdapat berbagai-bagai jenis perjudian. Adanya cabutan tiap-tiap hari sekali, adanya dua hari sekali, adanya seminggu sekali atau tiga kali; ada lagi dalam iklan suratkhbar menyifatkan dan mempengaruhi orang ramai menjadi jutawan tiap-tiap satu cabutan.

Tuan Yang di-Pertua, yang serius lagi ialah tempat perjudian akan melebihi kedai-kedai kopi yang dikata-katakan sekarang di dalam suratkhbar. Kebanjiran perjudian sudah sampai ke satu tahap yang membahayakan jika keadaan ini tidak dikawal dengan rapi oleh pihak yang berkenaan. Mengapa keadaan yang begitu serius dapat diwujudkan dalam masyarakat kita ini, tidak lain dan tidak bukan puncanya adalah lesen-lesen yang sah diberi oleh Kerajaan yang bertujuan untuk mendapat lebih cukai untuk menampung anggaran yang menghadapi defisit yang besar. Soalan tunggal ialah lesen perjudian yang sah. Siapa yang dapat lesen judi itu? Siapa yang layak untuk menjalankan perjudian yang besar-besaran dengan mempunyai lesen yang sah? Tentulah bukan orang-orang yang makan gaji, orang-orang yang berpendapatan rendah seperti penjaja atau peniaga-peniaga kecil. Kita tahu Kerajaan

sememangnya sedar. Kita pun sedar juga bahawa pemegang-pemegang lesen adalah orang-orang atasan, orang-orang kaya ataupun kumpulan-kumpulan peniaga yang besar termasuk tokoh-tokoh politik daripada MCA dan UMNO. Mereka menggunakan lesen perjudian itu untuk mencari kekayaan yang besar tetapi orang-orang yang miskin, orang-orang yang bergaji rendah akan menjadi mangsa atas perjudian berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, 'mengapa kegiatan perjudian berkembang hingga tahap yang terkejut sehingga Majlis Tertinggi UMNO mengambil perhatian yang begitu serius, sehingga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan baru-baru ini mendapat ilham untuk mengambil langkah yang lebih ketat terhadap pengawasan perjudian. Sebenarnya orang ramai yang lebih terkejut ialah kepekaan Kerajaan terhadap bertambah luasnya kegiatan perjudian di negara ini. Kerajaan mempunyai banyak jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang sentiasanya melaporkan keadaan yang membimbangkan kepada Menteri-menteri yang berkenaan. Mengapa Kerajaan hingga ke hari ini barulah sedar bahawa kebanjiran perjudian patut di kawal dengan rapi.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa langkah pengawalan atau syarat pengetatan terhadap kegiatan perjudian tidak akan membawa apa-apa kesan positif kerana ini hanya membazir masa dan tenaga sahaja. Akhir-akhirnya masalah perjudian itu timbul semula lagi. Saya mengesyorkan bahawa Kerajaan mengeluarkan satu perintah di mana semua jenis perjudian dibenarkan menjalani cabutan yang terakhir mulai sekarang. Selepas cabutan terakhir itu dengan serta merta membatalkan dan

menarik balik semua lesen perjudian, seterusnya menghalang semua judi, semua jenis perjudian.

Saya berharap Kerajaan betul-betul mempunyai keikhlasan dan kejujuran ingin menghapuskan segala-gala perjudian di negara Malaysia ini. Musuh tunggal adalah kumpulan-kumpulan pemegang lesen yang sah, bukanlah ikan bilis atau orang-orang yang bermain mahjong di rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Di-Raja telah juga menyentuh usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat juga membaiki pengurusan dan pengawalan mutu alam sekitar. Atas perkara kesihatan awam dan alam sekitar, saya ingin menegaskan di sini satu perkara yang serius yang membimbangkan semua rakyat Malaysia yang perlu dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dan ianya berkaitan dengan kebocoran gas yang keempat di kilang ammonia dalam tempoh lima bulan telah menyebabkan lebih daripada 300 orang penduduk kampung dari Kampung Pantai Kundur, Kampung Tangga Batu dan Kampung Pantai Tanah Merah yang terletak berhampiran dengan kilang tersebut melarikan diri kerana ketakutan sebaik sahaja selepas tengah malam apabila kebocoran itu berlaku. Lebih kurang 14 orang penduduk kampung, 9 orang dewasa dan 5 orang kanak-kanak terpaksa dimasukkan ke Hospital Besar Melaka untuk rawatan terhidu gas ammonia. Walaupun tidak ada nyawa terkorban tetapi ini hendaklah diberikan perhatian serius oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Insiden ini hendaklah menjadikan pembuka mata bagi Kerajaan dan ia menyedarkan betapa perlunya pihak berkuasa berkenaan mengambil semua langkah yang perlu bagi mencegah satu tragedi yang serupa dengan Bhopal di India dan Chernobeyil di Soviet Union berlaku di Malaysia yang

mengorbankan ratusan jiwa yang tidak bersalah dan mengakibatkan alam sekitar tercemar yang membahayakan dengan seriusnya kesihatan dan nyawa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun insiden Tangga Batu bukan satu tragedi serius seperti di Bhopal di India dan di Chernobeyil di Soviet Union tetapi juga jika kurang perhatian diberi ke atas kawalan dan pengawasan yang betul, yang teratur di kilang-kilang ammonia dan kurang langkah-langkah keselamatan diambil kemungkinan kejadian yang berlaku di Bhopal dan Chernobeyil akan juga berlaku di Tangga Batu.

Sebuah jawatankuasa siasatan telah ditubuh untuk menyiasat kemalangan tersebut dan kami menyeru jawatankuasa tersebut untuk mengumumkan laporannya untuk kepentingan orang ramai. Apa yang membimbangkan orang ramai terutamanya orang-orang kampung yang tinggal berhampiran dengan kilang ammonia itu ialah mengapakah setelah berlaku kejadian kebocoran sebanyak tiga kali antara bulan Oktober dan November tahun lalu masalah tersebut tidak diberi perhatian serius oleh pihak berkuasa sehingga satu lagi malapetaka berlaku. Apa yang menghairankan ramai orang dan perlu dijawab oleh pihak berkuasa tempatan ialah mengapa kilang itu dibenarkan beroperasi tanpa sijil kelayakan yang mandatori selama tempoh dua tahun ini. Apa yang kami juga ingin tahu ialah sama ada pekerja-pekerja kilang dibekalkan dengan alat-alat keselamatan semasa bertugas. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada banyak lagi?

Tuan Lau Dak Kee: Ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bolah sambung esok.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.